



PARLIMEN KELIMA BELAS



# **LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)**

**PENGURUSAN NAIK TARAF DAN  
PEMBANGUNAN SEMULA BANGUNAN DAIF DI  
SEKOLAH DI BAWAH KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN MALAYSIA, JABATAN KERJA RAYA  
MALAYSIA, JABATAN KERJA RAYA SARAWAK &  
JABATAN KERJA RAYA SABAH**

**DR. 6 TAHUN 2024**



#### AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN PENGGAL KE 15

- |   |  |
|---|--|
| 1. YB Datuk Wira Mas Ermieyati Samsudin [Masjid Tanah]      | <i>-Pengerusi</i>                                    |
| 2. YB Puan Wong Shu Qi [Kluang]                             | <i>-Naib Pengerusi</i>                               |
| 3. YB Tuan Syahredzan Johan [Bangi]                         |  |
| 4. YB Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]                  |  |
| 5. YB Dato' Adnan Abu Hassan [Kuala Pilah]                  |  |
| 6. YB Dato' Mohd Isam Mohd Isa [Tampin]                     |  |
| 7. YB Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]                        |  |
| 8. YB Tuan Ts. Zahir Hassan [Wangsa Maju]                   |  |
| 9. YB Dr. Richard Rapu @ Aman Anak Begri [Betong]           |  |
| 10. YB Tuan Haji Azli Yusof [Shah Alam]                     |  |
| 11. YB Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman Ku Ismail [Kubang Pasu] |  |
| 12. YB Tuan Ahmad Tarmizi Sulaiman [Sik]                    |  |
| 13. YB Datuk Ali Anak Biju [Saratok]                        |  |
| 14. YB Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]                        |  |
| 15. YBrs. Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin                   | <i>-Setiausaha PAC /<br/>Setiausaha Dewan Rakyat</i> |

#### WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC

(*EX-OFFICIO PAC PARLIMEN*)

1. Jabatan Peguam Negara (AGC)
2. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
3. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
4. Jabatan Audit Negara (JAN)
5. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
6. Kementerian Ekonomi
7. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)



## KANDUNGAN



PERKARA	MUKA SURAT
<b>INFOGRAFIK</b>	
<b>1. PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
<b>2. OBJEKTIF PROSIDING</b>	<b>2</b>
<b>3. SKOP DAN METODOLOGI</b>	<b>2</b>
<b>4. LATAR BELAKANG</b>	<b>5</b>
<b>5. KETERANGAN SAKSI</b>	<b>7</b>
<b>    5.1. Keterangan Ketua Audit Negara (KAN)</b>	<b>7</b>
a) Hanya 411 (27.3%) Daripada 1,505 Sekolah Diangkat Permohonan Projek Daif	7
b) Hanya 123% (31.9%) daripada 386 Projek Daif Siap Dilaksanakan	8
c) 1,094 Sekolah Belum Diangkat Permohonan Projek Daif	10
d) Kesan Kelewatan	11
<b>    5.2. Keterangan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)</b>	<b>12</b>
<b>5.2.1. Latar Belakang Projek Naik Taraf &amp; Pembangunan Semula Bangunan Daif DI Sekolah</b>	<b>12</b>
<b>5.2.2. Proses Permohonan Projek Daif</b>	<b>13</b>
<b>5.2.3. Maklum Balas Syor Audit</b>	<b>14</b>
a) Pemantauan Projek Secara Berkala	14
b) Pelaksanaan Sesi Libat Urus	14
c) Penyenggaraan Berkala	15
d) Permohonan Projek Daif	16
<b>6. PENEMUAN PAC</b>	<b>17</b>
<b>    6.1. Status Terkini Projek Daif</b>	<b>17</b>
<b>    6.2. Notis Perubahan (NOC)</b>	<b>18</b>
<b>6.2.1 Faktor Berlaku NOC</b>	<b>18</b>
<b>6.2.2 Perubahan Harga Kerana NOC</b>	<b>18</b>
<b>    6.3. Kekangan Kewangan</b>	<b>19</b>
<b>    6.4. Perbezaan Syarat Bagi Pengeluaran Sijil Perakuan Siap (CCC) Atau Sijil Perakuan (CF)</b>	<b>20</b>

PERKARA	MUKA SURAT
6.4.1 Syarat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	20
6.4.2 Syarat Pihak Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia (Bomba)	21
6.5. Pembangunan Projek Daif Secara Berpakej	22
6.6. Hasil Libat Urus	23
6.6.1 Penurunan Kuasa Bagi Kelulusan NOC	24
6.6.2 Pertambahan Prosedur Operasi Standard (SOP) NOC serta Pegawai Bertanggungjawab (PIC) Projek KPM	24
6.6.3 Penambahbaikan SOP Kelulusan Syor Roboh	25
6.6.4 Kebenaran Perjalanan Serentak Proses Rundingan & Tender	25
6.6.5 <i>Blanket Approval</i> oleh Jabatan Tanah dan Survei, Sarawak (JTS) & Jabatan Tanah dan Ukur, Sabah (JTU)	26
6.6.6 Pengiklanan Perolehan Kerja Secara Atas Talian	26
6.6.7 Senggaraan Bangunan & Alternatif Penyuraian Murid	26
6.6.8 Pasukan Petugas Khas Reformasi Sektor Awam (STAR)	27
6.6.9 Proses Pra-Kelayakan ( <i>Pre-Q</i> ) Berhubung Perolehan Pengurusan Kerja Naik Taraf Serta Pembangunan Semula Bangunan Di Sekolah	29
7. LAWATAN KERJA PAC PARLIMEN – EMPAT (4) SEKOLAH DAIF DI KAWASAN SARATOK DAN BETONG	30
- Sekolah Kebangsaan Supok, Saratok	30
- Sekolah Kebangsaan Nanga Grenjang, Saratok	32
- Sekolah Kebangsaan Serabang, Betong	34
- Sekolah Kebangsaan Paku Central, Betong	36
8. RUMUSAN PAC PARLIMEN	38
9. SYOR PAC PARLIMEN	39
<b>GAMBAR PROSIDING</b>	
<b>GLOSARI</b>	
<b>AGENDA MESYUARAT</b>	
<b>LAPORAN PROSIDING (HANSARD)</b>	
<b>DOKUMEN PEMBENTANGAN</b>	



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN NAIK TARAF DAN PEMBANGUNAN SEMULA BANGUNAN DAIF DI SEKOLAH  
DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA, JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA,  
JABATAN KERJA RAYA SARAWAK & JABATAN KERJA RAYA SABAH

Latar Belakang:



- Komitmen KPM untuk memastikan semua sekolah dilengkapi keperluan asas dan selamat serta kondusif bagi PdP
  - Menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025
  - Pelaksanaan projek naik taraf dan pembangunan semula bangunan daif mulai 2016
  - Penambahbaikan pada 2020 dengan memperkenalkan tahap keadaan bangunan sekolah mengikut skala

- 1,505 dikenal pasti mempunyai bangunan daif pada Skala 6 & Skala 7 (2019 – 2022)

PERUNTUKAN TAHUN 2019 - 2022 (RM JUTA)




- Peruntukan keseluruhan melibatkan 386 buah sekolah. Kini 123 buah sekolah telah siap dan 263 buah sekolah masih di peringkat pelaksanaan.

Penemuan PAC:



PROJEK PEMBANGUNAN SEMULA BANGUNAN  
DAIF SEKOLAH TAHUN 2016 - 2024



Peruntukan keseluruhan bagi Tahun 2016 – 2024: RM8.34 bilion

- Sekolah Siap
- Sekolah Dalam Pembinaan
- Sekolah Dalam Pra Bina
- Permohonan Diluluskan Projek Daif

► Faktor berlaku kelewatan dalam projek sekolah daif:

- Notis Perubahan / *Notice of Change (NOC)*
- Kelewatan berhubung proses meroboh bangunan daif
- Arahan Perubahan Kerja / *Variation Order (VO)*
- Perubahan lokasi tapak pembinaan
- Kelewatan pelaksanaan kerja

► Notis Perubahan (NOC)

- NOC berlaku apabila terdapat perkara luar jangka atau keperluan yang tidak dikenal pasti semasa penyediaan permohonan
- Sebarang perubahan harga yang berpunca daripada NOC perlu ditender semula
- Jika NOC berlaku setelah kontrak ditandatangani, MOF akan dirujuk jika kos tambahan melebihi 10% atau melibatkan perkara teknikal





LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN NAIK TARAF DAN PEMBANGUNAN SEMULA BANGUNAN DAIF DI SEKOLAH  
DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA, JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA,  
JABATAN KERJA RAYA SARAWAK & JABATAN KERJA RAYA SABAH

Penemuan PAC:

► **Kekangan kewangan pihak KPM:**

- Keperluan penyenggaraan daripada 10,238 buah sekolah dengan purata peruntukan RM1 bilion setahun
- KPM memperuntukkan minimum RM20,000 dan maksimum RM2 juta bagi satu (1) sekolah berdasarkan tahap kritikal keadaan bangunan dan situasi sekolah

► **Pengeluaran CCC dan CF:**

- Tertakluk kepada syarat berdasarkan keperluan semasa yang ditetapkan pihak berkuasa berkenaan

► **Pembangunan secara berpakej:**

- Kontraktor tidak mampu menjalankan kerja pembinaan secara serentak
- KPM dan JKR kini tidak lagi memberi kontrak pembinaan secara berpakej



► **Penambahbaikan daripada inisiatif libat urus:**

- Penurunan kuasa bagi kelulusan NOC membenarkan KPM memendekkan proses ke 1 hingga 2 hari berbanding sekurang-kurangnya 2 minggu
- Pertambahan SOP NOC serta Pegawai Bertanggunjawab (PIC) Projek memberi ruang untuk perancangan yang lebih teliti dan mengelak kelewatan
- Penambahbaikan SOP kelulusan syor roboh yang kini mengambil masa 47 hari berbanding 174 hari
- Kebenaran menjalankan proses rundingan dan tender secara serentak
- *Blanket Approval* oleh JTS Sarawak dan JTU Sabah berhubung projek sekolah daif
- Pengiklanan perolehan kerja secara atas talian di Sabah
- Inisiatif senggaraan bangunan dan alternatif penyuraian murid kini termasuk kerja pemanjangan tempoh hayat bangunan, pembinaan blok sementara dan penyewaan kabin

► **Pasukan Petugas Khas Reformasi Sektor Awam (STAR):**

- Pemudah cara bagi pencarian kaedah terbaik pelaksanaan projek
- Kaedah perolehan secara Pre-Q
  - mempercepat proses perolehan
  - secara sebut harga di kalangan kontraktor yang mempunyai rekod baik dan berstatus 3 bintang yang diiktiraf CIDB
- Peningkatan had siling projek secara sebut harga daripada RM500,000 ke RM1 juta
- Pelaksanaan projek rintis yang berjaya menyiapkan projek lebih awal daripada jadual



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN NAIK TARAF DAN PEMBANGUNAN SEMULA BANGUNAN DAIF DI SEKOLAH  
DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA, JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA,  
JABATAN KERJA RAYA SARAWAK & JABATAN KERJA RAYA SABAH

## Rumusan PAC Parlimen:

- 1** Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) menyatakan hanya 411 (27.3%) daripada 1,505 sekolah diangkat permohonan projek daif dan 398 daripadanya telah diluluskan. Bagaimanapun, hanya 386 projek daif yang dilaksanakan dan 123 (31.9%) daripadanya siap dilaksanakan. Manakala, 1,094 sekolah belum diangkat permohonan projek daif;
- 2** Semasa prosiding PAC pada 17 Januari 2024, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memaklumkan bahawa sebanyak 267 permohonan projek sekolah daif telah diangkat ke Kementerian Ekonomi (KE) dan 249 permohonan telah diluluskan;
- 3** KPM telah melaksanakan sesi libat urus dengan pihak berkepentingan di peringkat Persekutuan dan Negeri bagi mempercepatkan proses berhubung projek daif seperti Kelulusan Syor Meroboh, Keputusan Pindah Peruntukan, Urusan Hak Milik Tanah, Kebenaran Merancang, Notis Perubahan (NOC) dan lain-lain;
- 4** Penubuhan jawatankuasa berkaitan seperti Pasukan Petugas Khas Reformasi Sektor Awam (STAR), serta inisiatif pemantauan telah diambil oleh pihak KPM bagi memastikan projek berjalan lancar tanpa kelewatan;
- 5** Projek sekolah daif yang dijalankan secara berpakej adalah tidak efektif dan KPM serta JKR bersetuju untuk tidak meneruskan pendekatan tersebut. Projek sakit yang dibangunkan secara berpakej ini sedang dipantau rapi oleh pihak JKR; dan
- 6** Bagi permohonan projek sekolah daif yang belum diangkat dan/atau diluluskan KE, KPM mengambil langkah membuat penyenggaraan untuk memanjangkan jangka hayat bangunan dan kefungsian bangunan tersebut supaya masih selamat digunakan.

## Syor PAC Parlimen:



- 1** KPM perlu melancarkan Program Sifar Bangunan Sekolah Daif seluruh negara selaras dengan komitmen KPM untuk mewujudkan persekitaran yang selamat dan kondusif bagi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP);
- 2** KPM perlu meningkatkan perancangan dan pelaksanaan program penyenggaraan sekolah-sekolah bagi mengurangkan kebarangkalian sekolah-sekolah berkenaan dikategorikan sekolah daif;
- 3** KPM perlu memantapkan kaedah pengurusan projek melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian secara berterusan bagi memastikan semua projek yang dirancang siap mengikut jadual; dan
- 4** Jawatankuasa Pemandu Pembangunan Semula Bangunan Daif Di Sekolah yang dipengerusikan oleh KPM perlu diperkasakan supaya lebih efektif bagi menangani isu-isu sekolah daif.



# **LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN**



## **LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN**

### **BERHUBUNG**

### **PENGURUSAN NAIK TARAF DAN PEMBANGUNAN SEMULA BANGUNAN DAIF DI SEKOLAH**

### **DI BAWAH**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA,  
JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA,  
JABATAN KERJA RAYA SARAWAK & JABATAN KERJA RAYA  
SABAH**

#### **1. PENDAHULUAN**

Pengurusan Naik Taraf Dan Pembangunan Semula Bangunan Daif Di Sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia, JKR Sarawak dan Sabah adalah sebahagian daripada pengauditan yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2022, Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan Dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan (Jilid 2) yang dibentangkan di Parlimen pada 22 November 2023.

## **2. OBJEKTIF PROSIDING**

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen telah memulakan prosiding mengenai Pengurusan Naik Taraf Dan Pembangunan Semula Bangunan Daif Di Sekolah di bawah KPM, JKR Malaysia, JKR Sarawak dan Sabah melalui mandat dan punca kuasa seperti berikut:

- i. Peraturan Mesyuarat (PM) 77 (1) (c) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat (PPMMDR);
- ii. PM 83 (2) PPMMDR;
- iii. Arahan Perbendaharaan (AP) (Pindaan 2023) 301;
- iv. AP (Pindaan 2023) 304 (a); dan
- v. Seksyen 5 (3) (b), Pekeliling Am No. 1 Tahun 2024 Organisasi Kementerian-Kementerian.

Prosiding ini dilaksanakan bertujuan untuk mengkaji dan meneliti sama ada peruntukan yang telah disalurkan untuk kerja naik taraf serta pembangunan semula bangunan daif di sekolah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan mengikut garis panduan serta prosedur perolehan yang ditetapkan Kerajaan.

Penilaian turut dibuat terhadap pencapaian objektif KPM dalam memastikan semua sekolah mencapai sekurang-kurangnya keperluan asas yang penting serta persekitaran yang selamat dan kondusif bagi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP). Selain itu, pematuhan terhadap undang-undang, perjanjian dan peraturan yang berkuat kuasa turut diteliti.

## **3. SKOP DAN METODOLOGI**

Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:

- a. memanggil pihak yang berkepentingan dan terlibat dalam isu berhubung Pengurusan Naik Taraf Dan Pembangunan Semula Bangunan Daif Di Sekolah iaitu:
  - i. Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi, Ketua Audit Negara (KAN), Jabatan Audit Negara (JAN);

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA – KIRA WANG NEGARA PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN NAIK TARAF DAN PEMBANGUNAN SEMULA BANGUNAN DAIF DI SEKOLAH  
DI BAWAH KPM, JKR MALAYSIA, JKR SARAWAK & JKR SABAH**

- ii. Datuk Nor Salwani binti Muhammad, Timbalan Ketua Audit Negara (TKAN) (Prestasi) Sektor Audit Prestasi, JAN;
- iii. Pn. Raftah binti Ibrahim, Pengarah Audit, Bahagian Audit Prestasi II, JAN;
- iv. Pn. Aminah binti Ali, Timbalan Pengarah, Bahagian Teknikal Cawangan Kejuruteraan I (Teknikal), JAN;
- v. Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi, Ketua Setiausaha (KSU), KPM;
- vi. Dato' Ir. Hj. Badioezaman bin Ab. Khalik, Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya, JKR Malaysia;
- vii. Ir. Ts. Br. Dr. Cassidy Anak Morris, Timbalan Pengarah Infrastruktur, JKR Sarawak; dan
- viii. En. Petrocelli Joseph, Ketua Penolong Pengarah, JKR Sabah

untuk memberi keterangan dan penjelasan mengenai peranan serta penglibatan mereka dalam isu yang dibincangkan;

- b. menjemput *ex-officio* PAC daripada agensi Kerajaan Persekutuan seperti Jabatan Peguam Negara (AGC), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), JAN, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Kementerian Ekonomi (KE) dan Jabatan Akauntan Negara (JANM) untuk menghadiri prosiding PAC Parlimen berhubung isu ini.

Prosiding yang telah diadakan adalah seperti berikut:

BIL.	TARIKH/ MASA	RUJUKAN PROSIDING	SAKSI
1.	17 Januari 2024/ 10:00 pagi	Bil. 2/2024	Jabatan Audit Negara (JAN): <ul style="list-style-type: none"><li>• Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi, Ketua Audit Negara (KAN)</li><li>• Datuk Nor Salwani binti Muhammad, Timbalan Ketua Audit Negara (TKAN) (Prestasi)</li><li>• Pn. Raftah binti Ibrahim, Pengarah Audit, Bahagian Audit Prestasi II</li></ul>

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA – KIRA WANG NEGARA PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN NAIK TARAF DAN PEMBANGUNAN SEMULA BANGUNAN DAIF DI SEKOLAH  
DI BAWAH KPM, JKR MALAYSIA, JKR SARAWAK & JKR SABAH**

BIL.	TARIKH/ MASA	RUJUKAN PROSIDING	SAKSI
2.	17 Januari 2024/ 11:30 pagi	Bil. 2(a)/2024	<p>Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM):</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi, Ketua Setiausaha (KSU)</li> </ul> <p>Jabatan Kerja Raya (JKR):</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dato' Ir. Hj. Badioezaman bin Ab. Khalik, Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya</li> </ul> <p>JKR Sarawak:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ir. Ts. Br. Dr. Cassidy Anak Morris, Timbalan Pengarah Infrastruktur</li> </ul> <p>JKR Sabah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• En. Petrocelli Joseph, Ketua Penolong Pengarah</li> </ul>

Sehubungan itu, PAC Parlimen dengan kerjasama KPM telah mengaturkan satu (1) sesi lawatan kerja ke dua (2) buah sekolah di Saratok, Sarawak dan dua (2) buah sekolah di Betong, Sarawak pada 5 Februari 2024 ( Isnin). Lawatan kerja dilaksanakan dengan tujuan untuk meneliti dan mendalami proses kerja naik taraf serta pembangunan semula bangunan daif di sekolah dan melihat kondisi sekolah daif. Lawatan tersebut telah disertai oleh ahli delegasi seperti berikut:

**PAC PARLIMEN**

- i. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin (Pengerusi)
- ii. Pn. Wong Shu Qi (Naib Pengerusi)
- iii. Dato' Mohd. Isam bin Mohd Isa
- iv. Tn. Sim Tze Tzin
- v. Dr. Richard Rapu @ Aman Anak Begri
- vi. Tn. Azli bin Yusof
- vii. Dato' Wira Ku Abd. Rahman bin Ku Ismail
- viii. Tn. Ahmad Tarmizi bin Sulaiman
- ix. Datuk Ali Anak Biju
- x. Dr. Hjh. Halimah binti Ali

**SEKRETARIAT**

- i. En. Ahmad Johan bin Mohd. Affandi
- ii. En. Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli

**EXOFFICIO**

**KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)**

- i. En. Azize bin Taib
- ii. Pn. Nadeema binti Kamaruddin
- iii. En. Nurul Allbiir bin Nordin

**JABATAN AUDIT NEGARA (JAN)**

- i. Pn. Raftah binti Ibrahim
- ii. Pn. Rokiah binti Sahat

**SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH  
MALAYSIA (SPRM)**

- i. En. Zulhairy bin Zaideh
- ii. En. Bartholomew Dangang David

**KEMENTERIAN EKONOMI (KE)**

- i. Cik Nur Akmal Hayati binti Mohd. Jaffar

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA (JANM)**

- i. Pn. Hanim binti Abdul Rahim

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA – KIRA WANG NEGARA PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN NAIK TARAF DAN PEMBANGUNAN SEMULA BANGUNAN DAIF DI SEKOLAH  
DI BAWAH KPM, JKR MALAYSIA, JKR SARAWAK & JKR SABAH**



Selain itu, PAC Parlimen turut merujuk kepada dokumen-dokumen berikut:


- a. Slaid pembentangan JAN pada 17 Januari 2024;
- b. Slaid pembentangan KPM pada 17 Januari 2024; dan
- c. Surat, dokumen dan maklumat tambahan daripada JAN dan KPM.

#### **4. LATAR BELAKANG PENGURUSAN NAIK TARAF DAN PEMBANGUNAN SEMULA BANGUNAN DAIF DI SEKOLAH**


KPM menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 memberi komitmen penuh untuk memastikan semua sekolah dilengkapi keperluan asas yang penting serta persekitaran yang selamat dan kondusif bagi pelaksanaan PdP. Mulai tahun 2016, KPM telah melaksanakan projek naik taraf dan pembangunan semula bangunan daif di sekolah bagi memastikan infrastruktur sekolah dalam keadaan kondusif dan selamat digunakan.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA – KIRA WANG NEGARA PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN NAIK TARAF DAN PEMBANGUNAN SEMULA BANGUNAN DAIF DI SEKOLAH  
DI BAWAH KPM, JKR MALAYSIA, JKR SARAWAK & JKR SABAH**

Bermula tahun 2020, pengurusan projek daif ditambah baik dengan memperkenalkan tahap keadaan bangunan sekolah mengikut skala iaitu Skala 1 hingga Skala 7. Butiran lanjut tahap keadaan bangunan/ruang di sekolah bagi Skala 1 hingga Skala 7 adalah seperti dalam **Rajah 1**. Peranan agensi berkaitan serta proses penilaian bangunan dan permohonan projek daif adalah seperti dalam **Rajah 2**.



Sumber: LKAN Tahun 2022, Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan Dan Badan – Badan Berkutan Persekutuan (Jilid 2)



Sumber: LKAN Tahun 2022, Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan Dan Badan – Badan Berkutan Persekutuan (Jilid 2)

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA – KIRA WANG NEGARA PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN NAIK TARAF DAN PEMBANGUNAN SEMULA BANGUNAN DAIF DI SEKOLAH  
DI BAWAH KPM, JKR MALAYSIA, JKR SARAWAK & JKR SABAH**

Sebanyak 1,505 buah sekolah telah dikenal pasti oleh KPM mempunyai bangunan daif pada Skala 6 dan Skala 7 bagi tempoh 2019 hingga 2022. KPM telah menyalurkan sejumlah RM1.026 bilion peruntukan melibatkan pelaksanaan 386 projek daif bagi tempoh yang sama. Sehingga 31 Disember 2022, sejumlah RM715.55 juta (69.7%) daripada peruntukan tersebut telah dibelanjakan yang mana 123 buah sekolah yang terlibat telah siap dan 263 buah sekolah masih dalam peringkat pelaksanaan.

## **5. KETERANGAN SAKSI**

Prosiding telah diadakan bagi mendapatkan keterangan dari semua pihak berkepentingan. Perkara yang dibincangkan secara umumnya diringkaskan seperti berikut:

### **5.1. Keterangan KAN**


**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi (KAN) dalam Prosiding Bil. 2/2024 bertarikh 17 Januari 2024** memaklumkan penemuan audit seperti berikut:

**a. Hanya 411 (27.3%) Daripada 1,505 Sekolah Diangkat Permohonan Projek Daif**

Analisis JAN mendapati sebanyak 411 (27.3%) daripada 1,505 buah sekolah telah diangkat permohonan projek daif oleh KPM kepada KE. Sebanyak 398 (96.8%) daripada permohonan telah diluluskan projek daif dan baki 13 (3.2%) permohonan tidak diluluskan disebabkan peruntukan yang terhad. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Rajah 3**.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA – KIRA WANG NEGARA PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN NAIK TARAF DAN PEMBANGUNAN SEMULA BANGUNAN DAIF DI SEKOLAH  
DI BAWAH KPM, JKR MALAYSIA, JKR SARAWAK & JKR SABAH**

**RAJAH 3  
STATUS PERMOHONAN & KELULUSAN PROJEK DAIF BAGI TEMPOH 2019 – 2022**



Sumber: LKAN Tahun 2022, Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan Dan Badan – Badan Berkanun Persekutuan (Jilid 2)

**b. Hanya 123 (31.9%) daripada 386 Projek Daif Siap Dilaksanakan**

Semakan JAN terhadap rekod KPM untuk pelaksanaan projek daif di 386 buah sekolah bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022 mendapat hanya 123 (31.9%) buah sekolah telah siap, 93 (24.1%) buah sekolah berada di peringkat pembinaan dan baki 170 (44.0%) buah sekolah berada di peringkat pra bina. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 1**.

**JADUAL 1  
STATUS PELAKSANAAN PROJEK DAIF SEHINGGA 31 DISEMBER 2022**

STATUS/ TAHUN	BIL. SEKOLAH														BIL.	%	
	SARAWAK					SABAH					SEMENANJUNG						
	2019	2020	2021	2022	JUMLAH	2019	2020	2021	2022	JUMLAH	2019	2020	2021	2022	JUMLAH		
Siap	49	1	-	-	50	23	33	-	-	56	8	9	-	-	17	123	31.9
Pembinaan	25	31	1	-	57	1	17	14	-	32	-	3	1	-	4	93	24.1
Pra Bina	1	20	58	9	88	-	15	16	13	44	-	4	14	20	38	170	44.0
<b>JUMLAH</b>	<b>75</b>	<b>52</b>	<b>59</b>	<b>9</b>	<b>195</b>	<b>24</b>	<b>65</b>	<b>30</b>	<b>13</b>	<b>132</b>	<b>8</b>	<b>16</b>	<b>15</b>	<b>20</b>	<b>59</b>	<b>386</b>	<b>-</b>

Sumber: LKAN Tahun 2022, Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan Dan Badan – Badan Berkanun Persekutuan (Jilid 2)

Semakan dan analisis lanjut JAN telah mengenal pasti faktor utama yang menyumbang kepada kelewatan penyiapan projek daif seperti berikut:

i. Notis Perubahan [*Notice of Change (NOC)*]

Berlaku perubahan pada butiran projek daif meliputi skop dan kos kerja selepas projek diluluskan KE yang mana keperluan tersebut tidak dikenal pasti semasa penyediaan brif projek. Keperluan ini hanya dikenal pasti semasa peringkat pra bina iaitu semasa penyediaan reka bentuk.

ii. Kelulusan Meroboh Bangunan Daif

Pembinaan bangunan gantian hanya boleh dilaksanakan selepas bangunan daif dirobohkan kerana pembinaan akan dibuat di atas tapak sedia ada selepas kerja meroboh dilaksanakan. Semakan JAN mendapati terdapat beberapa permohonan yang masih belum dikemukakan oleh KPM kepada Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR).

Sehubungan itu, semakan JAN turut mendapati KPM mengambil masa antara 637 hingga 1,043 hari (34 bulan 8 hari) untuk mengemukakan permohonan meroboh bangunan kepada KPKR. Selanjutnya, KPKR mengambil masa antara 15 hingga 48 hari untuk memberi kelulusan meroboh selepas permohonan diterima.

Selain itu, JAN turut mendapati kerja meroboh bangunan daif telah dilaksanakan namun, permohonan kelulusan meroboh bangunan tersebut masih belum dikemukakan oleh KPM kepada KPKR.

iii. Perubahan Kerja

Semakan JAN mendapati kelewatan berlaku apabila Arahan Perubahan Kerja (APK) dikeluarkan yang melibatkan pertambahan/perubahan skop kerja bagi memastikan bangunan gantian yang dibina dapat berfungsi dengan baik, selamat dan kondusif. Bagaimanapun, keperluan ini hanya dapat dikenal pasti semasa peringkat pembinaan.

Perubahan kerja ini menjelaskan tempoh masa pelaksanaan projek daif dan juga menyebabkan kos projek meningkat antara RM0.01 juta hingga RM0.51 juta. Projek daif juga telah diluluskan lanjutan masa (EOT) antara 22 hingga 539 hari.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA – KIRA WANG NEGARA PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN NAIK TARAF DAN PEMBANGUNAN SEMULA BANGUNAN DAIF DI SEKOLAH  
DI BAWAH KPM, JKR MALAYSIA, JKR SARAWAK & JKR SABAH**

#### iv. Perubahan Lokasi Tapak Pembinaan

Semakan JAN mendapati berlaku juga perubahan lokasi bangunan baharu yang disebabkan tapak asal bangunan tidak sesuai, keperluan untuk memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa atau permohonan di peringkat sekolah. Perubahan lokasi tapak pembinaan ini menyebabkan projek daif diluluskan EOT selama 80 hingga 776 hari.

#### v. Kelewatan Pelaksanaan Kerja

Semakan JAN mendapati kemajuan kerja di tapak bagi projek daif lewat antara 0.4 peratus hingga 79.6 peratus berbanding jadual yang ditetapkan dalam program kerja berdasarkan *Critical Path Method*.

#### c. 1,094 Sekolah Belum Diangkat Permohonan Projek Daif

Analisis JAN mendapati permohonan projek daif bagi baki 1,094 (72.7%) buah sekolah masih belum diangkat kepada KE sehingga 31 Disember 2022. Butiran lanjut mengenai permohonan dan kelulusan projek daif bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

TAHUN	SEKOLAH MEMPUNYAI BANGUNAN DAIF		JUMLAH	PERMOHONAN (Bil. Sekolah)	KELULUSAN		TIDAK LULUS (Bil. Sekolah)	% PEROLEHAN TANAH/ PENYENGARAN/ NAIK TARAF (Bil. Sekolah)	SEKOLAH BELUM DIANGKAT UNTUK LAKSANA PROJEK DAIF (a) – (b)
	BERDASARKAN ADUAN SEKOLAH	BERDASARKAN EMIS			BIL. SEKOLAH	%			
2019	107	-	107	107	107	100	-	9	-
2020	634	-	634	142	138	97.2	4	2	492
2021	-	250	250	105	105	100	-	-	145
2022	-	514	514	57	48	84.2	9	1	457
<b>JUMLAH</b>	<b>741</b>	<b>764</b>	<b>1,505</b>	<b>411</b>	<b>398</b>	<b>96.8</b>	<b>13</b>	<b>12</b>	<b>1,094</b>

Sumber: LKAN Tahun 2022, Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan Dan Badan – Badan Berkurun Persekutuan (Jilid 2)

Semakan lanjut JAN terhadap Sub Modul Infrastruktur di dalam Sistem Maklumat Pendidikan (EMIS) mendapati 205 (18.7%) daripada 1,094 buah

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA – KIRA WANG NEGARA PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN NAIK TARAF DAN PEMBANGUNAN SEMULA BANGUNAN DAIF DI SEKOLAH  
DI BAWAH KPM, JKR MALAYSIA, JKR SARAWAK & JKR SABAH**

sekolah tersebut telah dilaksanakan pemeriksaan dan mendapat syor daripada pihak JKR. Walau bagaimanapun, permohonan pelaksanaan projek daif bagi 205 buah sekolah tersebut masih belum diangkat permohonan untuk kelulusan KE.

Manakala, analisis JAN terhadap baki 889 (81.3%) buah sekolah yang masih belum diperiksa oleh JKR mendapati bahawa sekolah tersebut telah dikenal pasti oleh KPM sejak tahun 2020 hingga 2022. Namun, pihak JAN tidak dapat menentukan status terperinci sama ada pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) telah mengemukakan permohonan pemeriksaan kepada pihak JKR atau masih dalam proses pemeriksaan JKR. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 3**.

**JADUAL 3  
SEKOLAH MEMPUNYAI BANGUNAN DAIF YANG BELUM DIPERIKSA OLEH JKR**

BIL.	NEGERI	TAHUN			JUMLAH
		2020	2021	2022	
1.	Sarawak	135	57	120	312
2.	Sabah	165	52	57	274
3.	Perak	-	14	17	31
4.	Kedah	4	7	18	29
5.	Lain-lain	3	37	203	243
<b>JUMLAH</b>		<b>307</b>	<b>167</b>	<b>415</b>	<b>889</b>

Sumber: LKAN Tahun 2022, Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan Dan Badan – Badan Berkanun Persekutuan (Jilid 2)

#### **d. Kesan Kelewatan**

Kelewatan dalam pelaksanaan PPPM serta pembangunan projek daif menyebabkan beberapa buah sekolah yang masih menggunakan bangunan atau ruangan yang telah disyorkan tidak selamat oleh JKR. Hal ini kerana sekolah kekurangan ruang untuk penempatan sementara murid. Terdapat juga sekolah yang membuat penyuraian penempatan sementara murid dengan mewujudkan bangunan atau ruangan khas sementara sebagai bilik darjah.

Walau bagaimanapun, penempatan alternatif tersebut masih tidak kondusif dan tidak selamat. Perkara ini serta kelewatan projek daif turut menjelaskan proses penyampaian PdP kepada murid.

Secara keseluruhannya, JAN merumuskan bahawa prestasi pengurusan naik taraf dan pembangunan semula bangunan daif di sekolah adalah kurang

memuaskan. Sehubungan itu, JAN telah mencadangkan empat (4) syor audit untuk tujuan penambahbaikan seperti berikut:

- i. KPM perlu mengangkat lebih banyak permohonan projek daif kepada pihak KE untuk kelulusan bagi memastikan sekolah yang dikenal pasti mempunyai bangunan daif dinaik taraf dengan segera;
- ii. Pelaksanaan sesi libat urus dengan semua pihak yang terlibat supaya keperluan setiap agensi berkenaan dapat diselaraskan dan pembangunan sekolah menepati keperluan pengguna. Selain itu, pelaksanaan projek juga perlu dipantau dengan rapi supaya projek daif dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan;
- iii. KPM hendaklah menyediakan perancangan penyuraian murid bagi sekolah yang dikenal pasti mempunyai bangunan daif supaya PdP dapat dilaksanakan dalam keadaan yang selamat dan kondusif; dan
- iv. KPM perlu melaksanakan penyenggaraan secara berkala bagi memastikan bangunan sekolah sentiasa dalam keadaan selamat dan kondusif untuk tujuan PdP.

## 5.2. Keterangan KPM

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi (KSU KPM) dalam Prosiding Bil. 2(a)/2024 bertarikh 17 Januari 2024** menjelaskan latar belakang dan proses permohonan projek daif seperti berikut:

### 5.2.1. Latar Belakang

Bermula tahun 2016 sehingga tahun 2024, sebanyak 1,069 projek pembangunan semula bangunan daif di sekolah dengan kos peruntukan sebanyak RM8.34 bilion telah diluluskan. Status terkini adalah seperti berikut:

STATUS	BIL. SEKOLAH
Siap	693
Pembinaan	150
Pra Bina	153
Permohonan Diluluskan Projek Daif	73
<b>JUMLAH</b>	<b>1,069</b>

Definisi serta latar belakang dan penambahbaikan terhadap projek naik taraf dan pembangunan semula sekolah daif oleh KPM. Projek tersebut bermula dengan

memberi tumpuan terhadap sesebuah bilik darjah namun, skop kini diperluaskan kepada keselamatan, keselesaan dan tahap kondusif bangunan serta fasiliti sesebuah sekolah.

***“Dato’ Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:*** ...Pada awal pelaksanaan sekolah daif iaitu pada tahun 2016, pelaksanaan projek ini bertujuan untuk menyelesaikan isu bilik darjah yang tidak kondusif untuk pembelajaran. Namun, definisi bagi sekolah daif telah diperkemas pada Oktober 2018 dengan merujuk kepada sekolah yang memiliki fizikal, komponen, fasiliti bangunan yang tidak sempurna, tidak berfungsi dan tidak selamat digunakan yang boleh mendarangkan ancaman atau bahaya berbentuk kecederaan.

*Projek naik taraf dan membangunkan semula sekolah daif telah dijenamakan pada tahun 2020 kepada naik taraf dan membangunkan semula bangunan daif di sekolah. Ini adalah selaras dengan keperluan untuk memberikan persepsi yang positif terhadap usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan selama ini dalam menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan selamat. Selain itu, skop bagi projek juga telah ditambah baik setiap tahun dengan mengambil kira keperluan ketika itu.*

*Skop projek pada tahun 2016 yang hanya memfokuskan kepada bilik darjah kini lebih menyeluruh, di mana ia memberi tumpuan bagi menyelesaikan mana-mana bangunan atau fasiliti di sekolah yang tidak selamat digunakan oleh murid maupun guru. Dalam erti kata yang lain, melalui pelaksanaan projek ini, sesebuah sekolah akan berada dalam keadaan yang selamat dan kondusif secara keseluruhan.”*

[Muka surat 3 – 4 Laporan Prosiding Bil 2 (a)/2024 bertarikh 17 Januari 2024]

### **5.2.2. Proses Permohonan Projek Daif**

Proses pengurusan naik taraf dan pembangunan semula bangunan daif di sekolah diringkaskan seperti berikut:

- i. Perancangan di peringkat Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan JPN – semakan, penilaian dan pengumpulan maklumat terperinci;
- ii. Mengunci masuk senarai projek berkaitan ke dalam sistem EMIS untuk dihantar kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD);
- iii. Semakan oleh EPRD dilakukan dan projek disenaraikan mengikut keutamaan berdasarkan skala yang ditetapkan serta tahap kritikal kondisi sekolah;
- iv. Penyediaan bajet oleh pihak KPM melalui *Rolling Plan* yang akan diangkat kepada KE;
- v. KE meneliti senarai projek serta bajet yang dikemukakan dan memberi keputusan, sama ada diluluskan atau ditolak kerana tidak memenuhi syarat

vi. Setelah mendapat kelulusan daripada KE, KPM akan memulakan projek. Sekiranya terdapat permohonan yang tidak memenuhi syarat, permohonan tersebut akan disemak dan diangkat semula dari awal.

### **5.2.3. Maklum Balas Syor Audit**

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi (KSU KPM) dalam Prosiding Bil. 2 (a)/2024 bertarikh 17 Januari 2024** telah membentangkan maklum balas terhadap syor audit seperti berikut:

#### **a. Pemantauan Projek Secara Berkala**

KPM telah mengambil langkah untuk melaksanakan pemantauan terhadap projek seperti berikut:

- i. Pelaporan di Majlis Tindakan Pembangunan Negara, Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian dan Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian;
- ii. Mesyuarat bulanan bersama pihak JKR Malaysia, JKR Sarawak dan Sabah;
- iii. Mengemukakan Laporan Prestasi Mingguan Inisiatif Bitara MADANI ke Pejabat Ketua Setiausaha Negara (KSN) yang turut dipanjangkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri;
- iv. Membuat laporan status pelaksanaan secara langsung di papan pemuka projek daif; dan
- v. Bekerjasama dengan Unit Penyelarasaran Pelaksanaan (ICU) untuk menjalankan lawatan *health check* dan intervensi bagi projek berkaitan.

#### **b. Pelaksanaan Sesi Libat Urus**

KPM telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan beberapa sesi libat urus dengan pihak yang berkaitan seperti berikut:

- i. Kelulusan NOC – libat urus bersama pihak KE;
- ii. Kelulusan Syor Roboh dan urusan rundingan seksyen 20A, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) - libat urus bersama PLANMalaysia;

- iii. Semakan Keperluan Teknikal – libat urus bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (Bomba), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), JKR, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan jabatan serta agensi teknikal lain yang berkaitan;
- iv. Bengkel Strategi Memperkasa Pembinaan Semula Bangunan Daif Di Sekolah Sabah dan Sarawak – ; dan
- v. Penambahbaikan Proses Perolehan – libat urus bersama pihak MOF.

Sesi libat urus yang telah dilangsungkan telah menghasilkan beberapa keputusan yang membantu pihak KPM dalam usaha pengurusan naik taraf dan pembangunan semula bangunan daif di sekolah.

***“Dato’ Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]: ... Di dalam perkara ini, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan sesi libat urus bersama dengan pihak berkepentingan dan agensi teknikal yang berkaitan. Pertamanya ialah berkaitan dengan prosedur Kelulusan Notis Perubahan (NOC) bersama Kementerian Ekonomi, prosedur Kelulusan Syor Roboh, urusan rundingan seksyen 20A bersama dengan PLANMalaysia, semakan keperluan teknikal yang melibatkan PBT, bomba, TNB, SPAN dan agensi teknikal yang lain, Bengkel Strategi Memperkasa Pembinaan Semula Bangunan Daif di Sekolah di Sabah dan Sarawak dan juga pelaksanaan penambahbaikan proses perolehan bersama Kementerian Kewangan.***

*So, daripada sesi libat urus ini, kita telah memperoleh beberapa keputusan yang membantu Kementerian Pendidikan Malaysia.”*

[Muka surat 9 – 10 Laporan Prosiding Bil 2 (a)/2024 bertarikh 17 Januari 2024]

### c. Penyenggaraan Berkala

KPM pada tahun 2023, melalui peruntukan penyenggaraan tahun 2023, telah menyalurkan sejumlah RM1.892 bilion kepada semua sekolah di seluruh negara bagi tujuan menyenggara dan memanjangkan tempoh hayat bangunan daif di sekolah. Daripada jumlah tersebut, RM110.45 juta telah disalurkan ke JPN Sabah dan RM101.3 juta ke JPN Sarawak. Keutamaan diberikan kepada bangunan daif di sekolah yang di bawah kategori Skala 5 dan Skala 6.

***“Dato’ Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]: ... Untuk makluman Yang Berbahagia Datuk Wira Pengurus dan juga Ahli PAC, kita telah menyalurkan sebanyak RM1.892 bilion kepada semua sekolah di seluruh negara untuk kos penyelenggaraan. Khusus kepada JPN Sabah***

sebanyak RM110.45 juta dan RM101.3 juta kepada JPN Sarawak untuk menyelenggara dan memanjangkan tempoh hayat bangunan melalui peruntukan penyelenggaraan tahun 2023. Keutamaan bagi pelaksanaan kerja penyelenggaraan adalah bangunan yang berada pada skala lima dan juga skala enam.”

[Muka surat 12 Laporan Prosiding Bil 2 (a)/2024 bertarikh 17 Januari 2024]

Sehubungan itu, jika keadaan bangunan daif masih selamat dan boleh ditambah baik, keutamaan akan diberikan terhadap sekolah yang telah diperiksa JKR namun, masih belum diluluskan projek bagi memanjangkan jangka hayat bangunan. Hal ini diharapkan supaya bangunan berkaitan dapat digunakan sementara pembinaan bangunan baharu diluluskan.

**“Dato’ Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** ... Untuk makluman Yang Berbahagia Datuk Wira Pengurus dan juga Ahli PAC juga, penyelenggaraan bagi sekolah yang telah diperiksa oleh JKR tapi masih belum diluluskan projek akan diberi keutamaan bagi memanjangkan jangka hayat bangunan dan ke fungsinya. Sekiranya sekolah itu tidak kritikallah, maknanya boleh ditambah baik dia punya kekuatan ataupun kita boleh memanjangkan jangka hayatnya supaya masih dapat digunakan sementara diluluskan pembinaan bangunan yang baharu.”

[Muka surat 16 Laporan Prosiding Bil 2 (a)/2024 bertarikh 17 Januari 2024]

#### d. Permohonan Projek Daif

KPM dalam usaha meningkatkan keselamatan dan memelihara persekitaran kondusif untuk PdP telah menyenaraikan permohonan projek daif yang telah dibuat dan diluluskan seperti berikut:

- i. *Rolling Plan* Pertama – 50 permohonan, 50 kelulusan;
- ii. *Rolling Plan* Kedua – 60 permohonan, 42 kelulusan;
- iii. *Rolling Plan* Ketiga – 85 permohonan, 85 kelulusan; dan
- iv. *Rolling Plan* Keempat – 72 permohonan, 72 kelulusan.

**“Dato’ Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** ... Syor Audit yang keempat adalah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengangkat lebih banyak permohonan projek kepada pihak Kementerian Ekonomi untuk kelulusan. KPM menyediakan perancangan penyuraian murid bagi sekolah yang dikenal pasti mempunyai bangunan daif supaya PdP dapat dilaksanakan dalam keadaan selamat dan kondusif.

Jadi, berdasarkan kepada syor Audit keempat tadi, kita dah senaraikan permohonan yang telah dibuat oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA – KIRA WANG NEGARA PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN NAIK TARAF DAN PEMBANGUNAN SEMULA BANGUNAN DAIF DI SEKOLAH  
DI BAWAH KPM, JKR MALAYSIA, JKR SARAWAK & JKR SABAH**

*bilangan kelulusan yang telah kita terima iaitu Rolling Plan Pertama 50, diluluskan 50; Rolling Plan Kedua 60, diluluskan hanya 42; Rolling Plan Ketiga kita senaraikan 85, diluluskan 85 dan Rolling Plan Keempat 72 dan diluluskan semua 72.”*

[Muka surat 16 Laporan Prosiding Bil 2 (a)/2024 bertarikh 17 Januari 2024]

## **6. PENEMUAN PAC PARLIMEN**

Penemuan PAC Parlimen adalah seperti berikut:

### **6.1. Status Terkini Projek Daif**

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi (KSU KPM) dalam Prosiding Bil. 2 (a)/2024 bertarikh 17 Januari 2024** menyatakan KPM telah mengambil langkah proaktif berhubung pelaksanaan pembangunan semula bangunan daif di sekolah. Beliau seterusnya memaklumkan status terkini pengurusan sekolah yang belum diangkat permohonan projek daif seperti dalam **Rajah 4**.

<b>RAJAH 4</b> <b>STATUS TERKINI SEKOLAH YANG BELUM DIANGKAT PERMOHONAN PROJEK DAIF</b>	
<b>ISU 3: Pengurusan Sekolah Yang Belum Diangkat Permohonan Projek Daif</b>	
<b>ULASAN</b>	<b>STATUS TERKINI</b>
19 sekolah diangkat dalam pelaksanaan RMKe-12 RP4 Tahun 2024	1 <b>19 Sekolah</b> yang diangkat untuk pelaksanaan RMKe-12 RP4 Tahun 2024 telah <u>DILULUSKAN</u>
9 sekolah dilaksanakan kerja penyenggaraan kerana bangunan/kemudahan tidak berada dalam keadaan daif	2 Status Penyenggaraan <b>9 Sekolah</b> - 2 telah siap, 1 telah dibuat lantikan kontraktor, 6 akan dilaksanakan penyenggaraan
73 sekolah diangkat untuk kelulusan pada RMKe-12 RP5 Tahun 2025	3 <b>29 Projek</b> memenuhi kriteria untuk diangkat. 45 Projek akan diangkat secara berfasa dalam RP seterusnya apabila telah memenuhi kriteria
73 Sekolah Belum Diangkat Kerana isu hakmilik tanah dan saiz tanah sekolah kecil	4 <b>16 sekolah</b> selesai isu hakmilik PTP dan KMT, <b>48 sekolah</b> sedang diselesaikan hakmilik dan <b>9 sekolah</b> tidak memenuhi keluasan minima sekolah
153 sekolah masih dalam proses pemeriksaan JKR	5 <b>48 telah selesai pemeriksaan</b> , 105 dalam tindakan pemeriksaan JKR

Sumber: Slaid Pembentangan KPM pada 17 Januari 2024

## 6.2. Notis Perubahan (NOC)

NOC adalah antara faktor penyumbang terhadap berlakunya kelewatan penyiapan projek daif. Ini kerana sebarang perubahan yang dimohon akan memberi impak kepada keperluan serta kos projek dan pertambahan kerja bagi skop yang tidak disenaraikan semasa permohonan asal.

### 6.2.1. Faktor berlaku NOC

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi (KSU KPM) dalam Prosiding Bil. 2 (a)/2024 bertarikh 17 Januari 2024** menyatakan NOC berlaku apabila terdapat perkara luar jangka seperti Covid-19 atau keperluan yang tidak dikenal pasti semasa penyediaan permohonan projek.

**"Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]:** *Sambung sikit Kapar tadi. Kelewatan itu yang berkaitan NOC tadi kan, mengapa apabila telah sekolah itu dah diluluskan untuk pembinaannya tetapi masih ada perubahan-perubahan. Antaranya yang saya nampak perubahan tambahan blok ataupun sebagainya. Kenapa tidak proceed apa yang dah diluluskan? Lain itu kita buatlah mohon kemudian.*

*Bila hendak tunggu NOC ini diluluskan, dia mengambil masa beratus hari tadilah. Itu antara punca-punca. Ada skop yang dalam kontrak sebenar tidak ada nak perobohan. Tetapi bila hendak mulakan projek ada perobohan berlaku. Pun delay beratus-ratus hari. So, benda-benda macam ini rasanya kita boleh kurangkanlah masalah ini kan. Sepatutnya sebelum pembinaan ataupun projek yang diluluskan itu dikaji secara keseluruhannya agar tidak lewatlah.*

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** *Okey. Untuk makluman YB, selepas sahaja pandemik kebanyakkan kos-kos pembinaan telah meningkat dengan ketara. Jadi, sebelum itu, kita telah membuat anggaran untuk sesuatu pembangunan itu, contohnya di Sabah dan Sarawak, kita membuat anggaran contoh sekolah daif RM30 juta. Tetapi bila selesai pandemik, berlaku kenaikan yang mendadak dari segi bahan binaan dan sebagainya lagi di mana dari segi anggaran jabatan telah melebihi daripada kos yang telah diluluskan. Itu salah satu faktor yang menyebabkan kita memohon NOC kepada Kementerian Ekonomi.*

[Muka surat 20 – 21 Laporan Prosiding Bil 2 (a)/2024 bertarikh 17 Januari 2024]

### 6.2.2. Perubahan Harga Kerana NOC

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi (KSU KPM) dalam Prosiding Bil. 2 (a)/2024 bertarikh 17 Januari 2024** menyatakan bahawa sebarang perubahan harga yang berpunca daripada NOC perlu ditender semula kerana

melebihi penetapan siling oleh pihak KE bagi projek pembangunan semula bangunan daif di sekolah.

**“Dato’ Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Tidak boleh YB. Kalau dalam projek kita dah ada siling. Kita tidak boleh melebihi siling yang ditetapkan oleh Kementerian Ekonomi. Maknanya kalau kita hendak melebihi siling yang ditetapkan oleh Kementerian Ekonomi kita kena minta NOC. Itu syarat utamalah. Kalau tidak projek itu tidak boleh dikeluarkan SST sebab dia tidak akan melebihi daripada siling yang dibenarkan. Jadi, halangan tersebutlah yang menyebabkan kita terpaksa memohon NOC. Kebanyakan projek-projek yang baru hendak ditenderkan semula ini banyak melibatkan NOC.”

[Muka surat 21 Laporan Prosiding Bil 2 (a)/2024 bertarikh 17 Januari 2024]

**KSU KPM** seterusnya menyatakan jika berlaku NOC setelah kontrak ditandatangani, perubahan kerja adalah tertakluk kepada had 10 peratus yang ditetapkan oleh Pekeliling Perbendaharaan. Sekiranya kos melebihi 10 peratus, KPM perlu membuat rujukan kepada pihak MOF. Namun, jika NOC yang diperlukan melibatkan perkara teknikal, maka KPM perlu terus berurusan dengan pihak MOF, walaupun kos tidak melebihi siling.

**“Dato’ Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Harganya seperti yang telah ditandatangani dalam kontraklah. Sepatutnya kontraktor itu menyiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan dalam kontrak, tetapi disebabkan berlakunya perubahan dari segi skop itu, kita terpaksa tambah kos dari segi membina balik cerun dan sebagainya lagi. Ada tambahan kos. Tetapi, selagi ia berada di bawah ceiling cost, maknanya kita boleh buat kerja-kerja tambahan.

Melainkan ia melebihi daripada kerja tambahan yang ditetapkan, kita terpaksa memohon kepada MOF. Kita ada limit maybe about 10 percent. After 10 percent, maknanya we have to apply through MOF. Tetapi, tengok juga dari segi aspek apa. Aspek teknikal kah, aspek— yang berlaku itu, kalau teknikal, makna kita terus terpaksa pergi kepada MOF. Jadi, kaedahnya adalah berbeza.”

[Muka surat 25 Laporan Prosiding Bil 2 (a)/2024 bertarikh 17 Januari 2024]

### 6.3. Kekangan Kewangan

**Dato’ Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi (KSU KPM) dalam Prosiding Bil. 2 (a)/2024 bertarikh 17 Januari 2024** menyatakan KPM menerima lebih kurang RM1 bilion setiap tahun bagi tujuan penyenggaraan bangunan 10,238 buah sekolah di seluruh negara. KPM tidak mampu untuk menampung kos sekiranya majoriti sekolah memerlukan penyenggaraan yang tinggi. Namun, KPM dengan kekangan tersebut, telah mengambil langkah untuk menetapkan peruntukan

minimum RM20,000 dan maksimum RM2 juta bagi sesebuah sekolah bergantung pada tahap kritikal keadaan bangunan serta situasi sekolah.

**“Dato’ Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:**  
... Untuk penyelenggaraan skala tiga, empat dan lima ini untuk makluman Yang Berhormat juga, Kementerian Pendidikan telah diberikan peruntukan untuk penyelenggaraan pada dua tahun kebelakangan ini dalam lebih kurang RM1 bilion satu tahun. RM1 bilion satu tahun untuk menyelenggarakan sekolah. Kementerian Pendidikan ada sekolah sebanyak 10,238 buah sekolah, YB. Jadi, kalau sebahagian besar memerlukan penyelenggaraan yang tinggi, dari segi kemampuan kewangan Kementerian Pendidikan, kita tidak mampu.

Tetapi pada tahun lepas, kita memastikan bahawa semua sekolah memperoleh peruntukan penyelenggaraan. 10,238 sekolah semua dapat peruntukan penyelenggaraan. Minimumnya adalah RM20,000 dan maksimumnya ada yang dapat sampai RM2 juta, RM1 juta bergantung kepada kritikal ataupun situasi sesebuah sekolah itu sendiri. Jadi, keupayaan KPM setiap tahun untuk penyelenggaraan sekolah adalah lebih kurang – tahun ini kita diluluskan sebanyak RM900 juta untuk penyelenggaraan sekolah, Yang Berhormat. Jadi, dari segi kemampuan untuk semua sekolah itu saya rasa dari segi kewanganlah.”

[Muka surat 21 – 22 Laporan Prosiding Bil 2 (a)/2024 bertarikh 17 Januari 2024]

#### **6.4. Perbezaan Syarat Bagi Pengeluaran Sijil Perakuan Siap (CCC) atau Sijil Perakuan (CF)**

KPM komited dalam usaha memastikan semua sekolah dilengkapi keperluan asas yang penting bagi mewujudkan persekitaran yang selamat dan kondusif bagi pelaksanaan PdP. Oleh itu, CCC atau CF perlu diperoleh oleh pihak KPM sebelum bangunan sekolah dapat digunakan. Namun, syarat bagi pengeluaran sijil-sijil berkenaan berbeza mengikut kriteria serta keperluan semasa yang ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

##### **6.4.1. Syarat PBT**

**Dato’ Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi (KSU KPM) dalam Prosiding Bil. 2 (a)/2024 bertarikh 17 Januari 2024** menjelaskan keperluan bagi mendapatkan CCC adalah berbeza mengikut PBT dan negeri berkenaan. Selain itu, syarat turut boleh bertukar sekiranya berlaku pertukaran Yang di Pertua (YdP) PBT. Pihak KPM terpaksa akur dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan demi mendapatkan CCC namun, perkara ini bukan sahaja melibatkan kos tambahan kepada projek berkenaan malah menyumbang kepada kelewatan penyiapan projek.

**“Dato’ Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** ... berhubung dengan mana-mana bangunan, termasuk sekolah sendiri, kadang-kadang kita ada masalah mengenai CF ataupun CCC ya. Ini berlaku di mana-mana. Whatever terms you want to use. Adakah kementerian menghadapi masalah sebegini dan juga melambatkan proses bagi murid-murid dan guru-guru masuk ke sekolah-sekolah berkenaan?

**Dato’ Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** ... Daripada segi CF dan CCC ini, saya rasa pada pandangan saya, saya memang mengalami masalah lah, terutamanya different PBT, syaratnya adalah berbeza-beza. Syarat PBT ini macam ini, kita dah penuhi. Okey, dapat CCC tapi PBT lain, syaratnya lain pula. Jadi, kita terpaksa mengikuti syarat yang diberikan oleh PBT...

...

*Di negeri-negeri lain pun ada juga masalah berkaitan dengan kebenaran merancanglah terutamanya, Yang Berhormat. Setengah-setengah negeri itu, contoh saya bagi makluman, kalau kita hendak buat dewan terbuka, mereka kata tak perlu kebenaran merancang, masuk pun cukup tapi setengah-setengah negeri kena kebenaran merancang. Kita perlu mengemukakan. Jadi, itu yang menyebabkan projek itu lambat untuk bermula. Bila kita hendak memenuhi keperluan merancang dan ada mereka memberikan keperluan merancang yang bersyarat. Yang bersyarat masa itu, saya jadi YDP. Tiba-tiba projek siap, orang lain pula jadi YDP. Jadi, syarat itu dah berubah. Jadi, untuk memenuhi syarat tersebut, kita terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang tinggi juga. Terpaksa membina jalan, terpaksa membina jejantas. Ada satu projek itu kita terpaksa membina jalanlah. Memindahkan utiliti, sedangkan jalan itu merupakan jalan JKR lah, jalan Persekutuan tapi kalau kita tak membina jalan itu, maknanya projek itu tak akan dapat CCC.”*

[Muka surat 28 – 30 Laporan Prosiding Bil 2 (a)/2024 bertarikh 17 Januari 2024]

**KSU KPM** selanjutnya menyatakan bahawa beliau telah berbincang dengan KSU Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi membantu pihak KPM dalam penyelarasan keperluan bagi pembangunan sekolah.

**“Dato’ Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** ... Itulah cabaran-cabaran di Kementerian Pendidikan Malaysia berkaitan dengan PBT. Saya pun ada berbincang dengan KSU KPCT berkaitan dengan perkara ini supaya memudahkan syarat-syarat. Kita bukan nak escape, tak. Kita cuma nak memudahkan syarat-syaratnya, itu sahaja YB.”

[Muka surat 30 Laporan Prosiding Bil 2 (a)/2024 bertarikh 17 Januari 2024]

#### 6.4.2. Syarat Pihak Bomba

**Dato’ Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi (KSU KPM) dalam Prosiding Bil. 2 (a)/2024 bertarikh 17 Januari 2024** menyatakan bahawa keperluan bagi pengeluaran CF pada ketika perjanjian ditandatangani adalah berbeza dengan keperluan ketika projek siap dilaksanakan. Pihak bomba tidak akan

mengeluarkan CF jika keperluan yang dilandaskan tidak diikuti. KPM akur dengan keperluan tersebut. Namun, satu (1) sesi libat urus diadakan dengan pihak bomba bagi persetujuan mengguna pakai syarat lama bagi memastikan sekolah yang telah siap dapat digunakan segera.

**“Dato’ Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** ... Jadi, kita terpaksa mengikut syarat yang diberikan oleh PBT, terutamanya yang melibatkan bombalah terutamanya, ha bomba. Bomba agak sukar juga kerana dia punya spesifikasi yang ditetapkan itu, projek kita projek yang tahun 2019, spesifikasinya adalah berlainan, kontraknya adalah berlainan dan kehendak bomba sekarang adalah berlainan.

*So, kalau kita tak mengikuti spesifikasi dia, maknanya kita tidak diberikan perakuanlah untuk mendapatkan CCC. Tapi kita telah membuat libat urus dengan bomba, kita buat mohon belas ihsanlah supaya syarat-syarat lama itu diguna pakai dan bomba pun bersetuju dan baru-baru ini pun kita dah dapat CCC untuk dua projeklah, sekolah Tamil di Negeri Sembilan dan juga di Selangor. Telah mendapat CCC dan akan digunakan pada bulan Mac inilah.”*

[Muka surat 29 Laporan Prosiding Bil 2 (a)/2024 bertarikh 17 Januari 2024]

## 6.5. Pembangunan Projek Daif Secara Berpakej

**Dato’ Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi (KSU KPM) dalam Prosiding Bil. 2 (a)/2024 bertarikh 17 Januari 2024** menyatakan bahawa JKR Sarawak pernah menjalankan projek pembangunan semula bangunan daif secara berpakej di mana sesebuah syarikat akan bertanggungjawab terhadap dua (2) atau tiga (3) buah sekolah bagi sesebuah pakej pembangunan. Namun, pembangunan secara berpakej telah dilihat tidak efisien dan tidak lagi dilakukan kerana pihak syarikat tidak mampu untuk menjalankan pembangunan secara serentak.

**“Dato’ Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]:** Okay, last. [Ketawa] Untuk berkaitan dengan berkaitan projek sakit, kita dah ada enam projek sakit ya dan saya tengok di sini, contohlah, saya ambil contoh, Sekolah Daif Pakej 4, kontraktor dia, Cottage Holdings. Saya nak tanya Dato’ KSU lah, sama ada kita bagi pakej ini lebih baik ataupun kita bagi— Dia ada empat sekolah. Bagi setiap sekolah itu, ada satu kontraktor. Mana lebih baik? Kan? Saya rasa mungkin ada kos yang lebih murah dan sebagainya. Saya tak pasti. Yang keduanya, Dato’ KSU, kalau ikutkan tarikh siap semasa adalah 30 Mei 2023. Ini dah, 2024.

**Dato’ Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Ya.

**Dato’ Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]:** LAD dia almost 5,000. Dato’ KSU yakin kah boleh siap dan kontraktor boleh bayar LAD ini? Terima kasih.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Okey, terima kasih YB. Sebenarnya ini adalah merupakan approach daripada JKR Sarawak dulu. Menggunakan secara berpakej supaya satu kontraktor dapat dua, tiga pakej. Tapi, kita punya findings, memang macam YB jangkakanlah. Maknanya lepas ini, kita tak akan buat secara berpakej lagi lah.

Jadi, cara berpakej ini, kontraktor dia fokus, dia dapat tiga pakej, dia buat satu pakej. Lepas itu, dua pakej dia biarkan, dia buat slow. Lepas itu, siap pakej satu, dia pergi pakej dua, mesti akan mengalami kelewatan. Jadi, disebabkan perkara itu, maknanya for the future—Dah sekarang pun dah bermula pun. Kita dah tak gunakan secara pakej lagi dah. JKR Sarawak dah mengakui. Dia angguk tadi YB. [Ketawa] Okey, terima kasih YB.

**Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] 5,000 per month dia.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Per day.

**Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Per day. Dia punya LAD.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Dia ada dua pakej lagi. Maknanya bayaran dia, melibatkan sekali. Secara pakej.

**Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Dia lari itu.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Dia dah ada komitmen. Dah ada komitmen.

**Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]:** So, sometime kan, kadang-kadang kontraktor G1 lagi better daripada G7.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** JKR Sarawak boleh siaplah?

**Ir. Ts. Br. Dr. Cassidy Anak Morris [Jabatan Kerja Raya Sarawak]:** Okey. Untuk kesemua projek sakit yang kita bentangkan hari ini di Sarawak, memang kita sedang membuat pemantauan rapi. Jadi, kita memang yakin projek itu dapat siap.”

[Muka surat 21 – 22 Laporan Prosiding Bil 2 (a)/2024 bertarikh 17 Januari 2024]

## 6.6. Hasil Libat Urus

KPM setelah mengambil inisiatif melaksanakan beberapa sesi libat urus dengan pihak yang berkaitan telah membuat beberapa penambahbaikan yang kini dilaksanakan bagi meningkatkan kadar kecekapan projek pembangunan semula bangunan daif. Antara pembaharuan yang dilakukan adalah seperti berikut:

### 6.6.1. Penurunan Kuasa Bagi Kelulusan NOC

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi (KSU KPM) dalam Prosiding Bil. 2 (a)/2024 bertarikh 17 Januari 2024** menyatakan penurunan kuasa telah diperolehi pihak KPM daripada KE di mana KSU dibenarkan untuk memindah peruntukan antara projek di bawah perbelanjaan pembangunan yang sama. Perkara ini telah membenarkan pihak KPM untuk memendekkan proses berkenaan ke satu (1) hingga dua (2) hari berbanding sekurang-kurangnya dua (2) minggu.

**"Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** ... Pertamanya, libat urus yang berkaitan dengan yang pertama tadi, kita telah mendapat penurunan kuasa kepada pegawai pengawal untuk kelulusan NOC D4 dan D8 ini melibatkan siling di dalam perbelanjaan pembangunan. Di mana sekiranya kita mengalami kekurangan peruntukan di dalam projek A maknanya kita boleh memindahkan peruntukan daripada B tetapi dalam DE atas lah projek daif.

*Dulu kita terpaksa memohon kepada Kementerian Ekonomi untuk mendapatkan NOC. Sekarang ini hanya kuasa Ketua Setiausaha sahaja. Maknanya, bayaran interim kepada kontraktor boleh dibuat dengan cepat. Kalau dulu kena tunggu Kementerian Ekonomi take about paling awal dua minggu, paling lewat tak tahulah berapa lama kan. Jadi dengan adanya kuasa ini, kita boleh buat NOC dalam tempoh satu ataupun dua hari sahaja dan bayaran interim dapat dibuat segera."*

[Muka surat 10 Laporan Prosiding Bil 2 (a)/2024 bertarikh 17 Januari 2024]

### 6.6.2. Pertambahan Prosedur Operasi Standard (SOP) NOC serta Pegawai Bertanggungjawab (PIC) Projek KPM

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi (KSU KPM) dalam Prosiding Bil. 2 (a)/2024 bertarikh 17 Januari 2024** menyatakan KPM telah menambah beberapa proses berhubung NOC seperti penyediaan senarai semak NOC dan semakan awalan tapak. Selain itu, KPM turut membuat penambahan terhadap bilangan PIC bagi tujuan peningkatan pemantauan projek. Penambahbaikan dan tambahan personel ini memberi KPM ruang untuk perancangan yang lebih teliti supaya kelewatan dapat dielakkan.

**"Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** ... Keduanya ialah dari segi cadangan penambahbaikan, kita telah penyediaan checklist NOC, nama dan skop di bawah pegawai pengawal, pengecualian trade-off penjimatan bagi NOC kos projek daif, butiran khusus kerja ataupun site investigation (SI) untuk awalan menaik taraf MyProjek dan pertambahan PIC bagi projek KPM. Jadi ini telah memberi banyak kelebihanlah kepada KPM dalam melaksanakan projek-projek yang daif dan mengelakkan projek itu dilaksanakan dalam

waktu— kebanyakannya kontraktor dia lewat melaksanakan. So, dengan bayaran interim yang berkala maknanya mereka tidak ada masalah dari segi peruntukan ataupun tuntutan yang dibuat.”

[Muka surat 10 Laporan Prosiding Bil 2 (a)/2024 bertarikh 17 Januari 2024]

#### **6.6.3. Penambahbaikan SOP Kelulusan Syor Roboh**

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi (KSU KPM) dalam Prosiding Bil. 2 (a)/2024 bertarikh 17 Januari 2024** menyatakan KPM telah mengambil inisiatif untuk menambah baik proses kerja Kelulusan Syor Roboh yang kini mengambil masa 47 hari berbanding 174 hari.

**“Dato’ Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** ... hasil libat urus yang kita buat ataupun kita adakan juga telah menambah baik proses kerja Kelulusan Syor Roboh bagi projek daif. Jika dulu, isu yang dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara bahawa kerja roboh mengambil masa yang agak lama. Dengan penambahbaikan ini, kita telah meringkaskan kerja prosedur Syor Roboh daripada 174 hari kepada 47 hari sahaja. Jadi untuk memulakan projek baru, kita perlu merobohkan dulu bangunan sedia ada mengikut tatacara yang ditetapkan, ia hanya mengambil masa 47 hari sahaja.”

[Muka surat 10 – 11 Laporan Prosiding Bil 2 (a)/2024 bertarikh 17 Januari 2024]

#### **6.6.4. Kebenaran Perjalanan Serentak Proses Rundingan dan Tender**

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi (KSU KPM) dalam Prosiding Bil. 2 (a)/2024 bertarikh 17 Januari 2024** menyatakan PLANMalaysia telah mempermudah proses urusan KPM untuk memasuki tapak yang kini dijalankan secara serentak dengan permohonan kebenaran merancang dan proses tender perolehan.

**“Dato’ Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** ... Kita juga hasil daripada rundingan dengan PLANMalaysia, kita mengadakan rundingan dijalankan serentak dengan proses tender di mana pengesahan status tapak oleh JKPTG semasa permohonan oleh KPM dan tandatangan kepada pelan akhir sahaja. Jadi PLANMalaysia telah mempermudahkan kita untuk memasuki tapak projek, di samping permohonan untuk kebenaran merancang untuk sesuatu projek pembangunan.”

[Muka surat 11 Laporan Prosiding Bil 2 (a)/2024 bertarikh 17 Januari 2024]

#### **6.6.5. *Blanket Approval* oleh Jabatan Tanah dan Survei, Sarawak (JTS) dan Jabatan Tanah dan Ukur, Sabah (JTU)**

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi (KSU KPM) dalam Prosiding Bil. 2 (a)/2024 bertarikh 17 Januari 2024** menjelaskan bahawa JTS dan JTU telah memberi kebenaran secara pukal (*blanket approval*) kepada pihak KPM untuk memulakan projek, memadai dengan surat Kebenaran Masuk Tapak (KMT).

**"Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** ... Ini juga berkaitan dengan memperkasa pembinaan semula bangunan daif di Sabah dan Sarawak. Kita telah pun mengadakan bengkel bersama dengan kerajaan negeri, agensi-agensi yang terlibat di Sabah dan juga di Sarawak. Kita hasil daripada bengkel ini kita telah mendapat yang pertamanya, *blanket approval* oleh JTS bagi projek-projek daif di Sarawak dan memadai surat kebenaran masuk tapak dari JTU bagi projek daif di Sabah. Maknanya, kalau kita ada KMT pun kita dah boleh masuk tapak."

[Muka surat 11 Laporan Prosiding Bil 2 (a)/2024 bertarikh 17 Januari 2024]

#### **6.6.6. Pengiklanan Perolehan Kerja Secara Atas Talian**

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi (KSU KPM) dalam Prosiding Bil. 2 (a)/2024 bertarikh 17 Januari 2024** menyatakan pihak KPM telah mendapat kelulusan untuk mengiklankan serta mengadakan proses perolehan secara atas talian. Ini adalah penambahbaikan yang signifikan, terutama sekali bagi pembangunan projek di negeri Sabah yang sebelum ini pengiklanan hanya dapat dilakukan melalui satu (1) akhbar utama sahaja.

**"Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** ... Iklan perolehan secara atas talian. Kalau dulu kita mengalami masalah kerana untuk mengiklankan di Sabah terutamanya, kita hanya ada satu surat khabar utama sahaja. Tidak ada banyak surat khabar itu, kita minta pengecualian bahawa kita telah dibenarkan untuk mengadakan perolehan secara atas talian."

[Muka surat 11 Laporan Prosiding Bil 2 (a)/2024 bertarikh 17 Januari 2024]

#### **6.6.7. Senggaraan Bangunan dan Alternatif Penyuraian Murid**

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi (KSU KPM) dalam Prosiding Bil. 2 (a)/2024 bertarikh 17 Januari 2024** menyatakan KPM mengambil langkah untuk menyenggara bangunan daif yang telah diperiksa JKR namun, masih belum diluluskan projek. Ini bertujuan untuk memanjangkan jangka hayat

bangunan dan kefungsianya supaya masih dapat digunakan sementara permohonan pembinaan bangunan baharu diluluskan.

**“Dato’ Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** ... Untuk makluman Yang Berbahagia Datuk Wira Pengerusi dan juga Ahli PAC juga, penyelenggaraan bagi sekolah yang telah diperiksa oleh JKR tapi masih belum diluluskan projek akan diberi keutamaan bagi memanjangkan jangka hayat bangunan dan ke fungsianya. Sekiranya sekolah itu tidak kritikallah, maknanya boleh ditambah baik dia punya kekuatan ataupun kita boleh memanjangkan jangka hayatnya supaya masih dapat digunakan sementara diluluskan pembinaan bangunan yang baharu.”

[Muka surat 16 Laporan Prosiding Bil 2 (a)/2024 bertarikh 17 Januari 2024]

**KSU KPM** seterusnya menyatakan bahawa dalam usaha ini, KE telah meluluskan permohonan KPM untuk menyewa kabin atau menjalankan pembinaan bangunan sementara sebagai alternatif kepada penyuraian murid.

**“Dato’ Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** ... Bagi memastikan pelaksanaan projek tidak menjelaskan pelaksanaan PDP, permohonan KPM kepada Kementerian Ekonomi bagi RMKe-12 Rolling Plan Keempat Tahun 2024 telah diluluskan skop untuk pembinaan... [Disampuk] Penyenaraian murid dengan penyewaan kabin atau pembinaan bangunan sementara. Kalau dulu tak dimasukkan, sekarang sekiranya ada sekolah daif, KPM boleh menyewa kabin atau pembinaan bangunan sementara untuk menempatkan pelajar-pelajar yang perlu disuraikan.”

[Muka surat 16 Laporan Prosiding Bil 2 (a)/2024 bertarikh 17 Januari 2024]

#### 6.6.8. Pasukan Petugas Khas Reformasi Sektor Awam (STAR)

**Dato’ Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi (KSU KPM) dalam Prosiding Bil. 2 (a)/2024 bertarikh 17 Januari 2024** menyatakan STAR dipengerusikan oleh KSN dan keahliannya terdiri daripada Ketua Setiusaha Perbendaharaan (KSP), KE dan kementerian yang berkaitan. STAR berfungsi sebagai pemudah cara bagi pencarian kaedah terbaik untuk pelaksanaan projek secara amnya.

Antara pemudah cara yang telah dipersetujui ialah perolehan secara pra kelayakan (*Pre – Q*), di mana kontraktor yang mempunyai prestasi dan rekod kerja yang baik boleh ditawarkan projek secara terus. Selain itu, kelulusan turut diberikan bagi projek bernilai RM500 ribu hingga RM1 juta dilaksanakan secara sebut harga dan tidak perlu dilakukan secara tender terbuka.

**“Dato’ Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** ... Untuk STAR tadi, ia adalah merupakan satu pemudah cara di peringkat Persekutuan yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri KSN, dianggotai oleh KSP, Kementerian Ekonomi, NPC dan kementerian-kementerian yang terlibat dengan projek. Di dalam STAR ini, kita akan mencari satu kaedah yang terbaik untuk melaksanakan projek. Tak semestinya sekolah daif sahaja. Banyak lagi yang dipermudahkan.

Kalau sekolah daif, banyak yang kita telah pergi melalui STAR. Contohnya, dari segi perolehan kontrak. Sekarang ini, JKR boleh senyum, YB, sebab kita boleh buat tender atau perolehan secara pre-Q. Maksudnya, secara pra kelayakan. Kita boleh pilih mana-mana kontraktor yang kita rasa performance yang baik, yang disenaraikan, kita boleh terus offer kepada mereka. Kalau dulu, kita terpaksa buat tender terbuka, banyak. Macam Sarawak, dia boleh kenal pasti yang layak di Sarawak. Sabah, dia boleh kenal pasti yang layak di Sabah. Di Semenanjung pun sama. Jadi, itu memudahkan dari segi urusan tenderlah. Tidak memakan masa terlalu lama.

Seterusnya berkaitan dengan STAR ini juga, ia hendak memudahkan tatacara. Contohnya, KPM perolehi ialah— kalau dulu, projek RM500,000 hingga RM1 juta, kita terpaksa tender. Sekarang ini, RM500,000 hingga RM1 juta, kita hanya perlu buat sebut harga sahaja, secara biasa. Jadi, mempercepatkan. Sebut harga mengambil masa dalam dua minggu boleh disiapkan. Kalau tender, mengambil masa about dua bulan dan juga dua bulan setengah baru nak diputuskan dari segi mereka yang layak.”

[Muka surat 25 – 26 Laporan Prosiding Bil 2 (a)/2024 bertarikh 17 Januari 2024]

**KSU KPM** seterusnya menyatakan penglibatan STAR telah memperkasa pelaksanaan projek yang dapat dilihat melalui tiga (3) projek rintis. Satu (1) projek rintis iaitu Sekolah Menengah Bangi telah dapat disiapkan lebih awal daripada jadual. Model ini seterusnya akan diperluaskan untuk penggunaan di seluruh negara.

**“Dato’ Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** ... Juga di pihak Ketua Setiausaha Negara telah menujuhkan satu task force ataupun dikenali sebagai Pasukan Petugas Khas Reformasi Sektor Awam ataupun dikenali sebagai STAR, memperkasa pelaksanaan melalui projek rintis. Maknanya di Semenanjung ini kita ada tiga projek rintis yang telah dilaksanakan. Satunya telah disiapkan iaitu di Bangi tempoh hari seperti yang telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga ada dua lagi projek di Perak yang masih dalam peringkat pelaksanaan iaitu di Sekolah Kebangsaan Tan Sri Ghazali Jawi, Hulu Perak dan Sekolah Kebangsaan Sri Adika Raja, Hulu Perak.

Sekolah Bangi contohnya Sekolah Menengah Bangi telah disiapkan lebih awal daripada tarikh yang sepatutnya. Walaupun secara keseluruhan projek ini masih belum disiapkan kerana sekolah Bangi ada dua seksyenlah, sectional. Satu, bina bangunan baharu dan yang keduanya menaik taraf sekolah yang sedia ada. Hasil daripada kejayaan projek rintis ini, ia akan diperluaskan ke Sabah dan Sarawak agar manfaat keberhasilan yang sama dapat dinikmati oleh semua warga sekolah di seluruh negara.”

[Muka surat 17 Laporan Prosiding Bil 2 (a)/2024 bertarikh 17 Januari 2024]

#### 6.6.9. Proses Pra – Kelayakan (Pre-Q) Berhubung Perolehan Pengurusan Kerja Naik Taraf Serta Pembangunan Semula Bangunan Daif Di Sekolah

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi (KSU KPM) dalam Prosiding Bil. 2 (a)/2024 bertarikh 17 Januari 2024** menyatakan Pre-Q yang dilaksanakan boleh memanggil seberapa banyak syarikat yang diperlukan dalam proses sebut harga berkaitan. Proses Pre-Q tersebut mewujudkan persaingan secara sihat antara syarikat yang berkeupayaan melaksanakan kerja naik taraf serta pembangunan semula bangunan daif di sekolah di samping mempercepat proses perolehan.

**"Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]:** Okey, saya ada sedikit lagi untuk tambahan. Soalan saya adalah if you say that kamu mahu buat macam selective tender untuk performance yang bagus, so if I need RM50 juta for this, so there is like no competition of all— tengok harga yang paling berpututan, tiada Sudahlah. Because, all the reason for open tender is to say that, "Okay, you compare prices".

*But now, if you select and say his performance is good, then this tahun they give a very good price, the next tahun makin mahal, makin mahal. So, you also— you know, in a way-lah. So, there is pro and cons to look at it. Then, after that, they would come out to say that actually the budget is so big for work but actually ada company can offer a better price untuk selective tender-lah. Masalah ini. Itu saja.*

...

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Untuk makluman YB, yang pre-Q ini yang kita boleh buat adalah kita boleh memilih berapa banyak kontraktor yang kita nak pun.

Kalau kita nak pilih 10, 15, 20, but kita memilih kontraktor yang mempunyai sekurang-kurangnya taraf penyelamat. Maknanya, kontraktor yang tiga bintang. Kalau di Semenanjung, dia panggil tiga bintang yang diiktiraf oleh CIDB. Maknanya, mereka layak dipanggil kontraktor penyelamat. Di Sabah dan di Sarawak pun dia ada kontraktor mereka sendiri di bawah kerajaan negeri yang mengiktiraf daripada segi dia punya rating. Di Semenanjung Malaysia, kita menggunakan CIDB punya rating dan kontraktor-kontraktor ini merupakan mereka yang ada performance dan kita memilih di kalangan mereka dan mereka bersaing secara sihatlah macam kita buat open tender juga sebenarnya. Cuma kita mempercepatkan proses itu. Kalau tidak, kita kena iklan 21 hari. Ini kita tak perlu, kita hanya mempelawa mereka secara pre-queue, itu sahaja. Okey, itu sajalah. Terima kasih Dato'."

[Muka surat 26 – 27 Laporan Prosiding Bil 2 (a)/2024 bertarikh 17 Januari 2024]

## 7. LAWATAN KERJA PAC PARLIMEN – EMPAT (4) SEKOLAH DAIF DI KAWASAN SARATOK DAN BETONG

Pada 5 Februari 2024 (Isnin), PAC Parlimen bersama-sama dengan delegasi KPM telah mengadakan satu (1) sesi lawatan kerja ke empat (4) buah sekolah di kawasan Saratok dan Betong, Sarawak. Hasil daripada lawatan kerja tersebut dapat dirumuskan seperti berikut:

<b>NAMA SEKOLAH:</b> Sekolah Kebangsaan Supok, Saratok		
<b>TARIKH TUBUH SEKOLAH:</b> 1 Januari 1964		
<b>JENIS SEKOLAH:</b> Sekolah Kebangsaan	<b>JENIS ASRAMA:</b> Asrama Sekolah Harian	
<b>JARAK DARI BANDAR/PEKAN TERDEKAT:</b> 32 km (dari bandar Saratok)		
<b>BIL. KAKITANGAN BUKAN GURU:</b> 5	<b>BIL. GURU:</b> 13	<b>BIL. KUARTERS GURU:</b> 7
<b>BIL. PELAJAR:</b> 36	<b>PENGHUNI ASRAMA:</b> 17/24	
<b>BIL. KELAS:</b> 6	<b>BIL. BILIK DARJAH FIZIKAL:</b> 6	

### Isu bangunan daif di sekolah:

- Dikategorikan sebagai sekolah daif pada Skala 7;
- Bangunan sekolah diperbuat daripada kayu dan kini telah usang dan mereput;
- Bangunan dua tingkat sekolah tidak kukuh. Siling Aras Bawah (*Ground Floor*)/Lantai Aras Satu (*First Floor*) telah reput dan terdapat kejadian di mana siling/lantai pecah akibat reput dan kaki pelajar/guru menembusi siling/lantai;
- Aras Satu bangunan dua tingkat sekolah dan tangga untuk naik ke atas tidak kukuh dan tidak dapat menampung berat yang banyak yang boleh menyebabkan kegagalan struktur/runtuhan;
- Asrama dan kuarters guru telah usang dan kayu mula mereput, menjadikan bangunan tidak selamat dan selesa untuk diduduki; dan
- Pendawaian elektrik serta pemasangan paip perlu dilihat serta diberi perhatian kerana keadaan bangunan kayu yang lama dan usang adalah lebih terdedah kepada risiko kebakaran dan reput.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA – KIRA WANG NEGARA PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN NAIK TARAF DAN PEMBANGUNAN SEMULA BANGUNAN DAIF DI SEKOLAH  
DI BAWAH KPM, JKR MALAYSIA, JKR SARAWAK & JKR SABAH**



Keadaan siling kelas berlubang akibat reput  
(05.02.2024)  
(Sumber: PAC Parlimen)



Keadaan tangga sekolah usang dan mereput  
(05.02.2024)  
(Sumber: PAC Parlimen)



Keadaan kuarters guru di sekolah  
(05.02.2024)  
(Sumber: PAC Parlimen)



Keadaan bangunan bilik kelas sekolah  
(05.02.2024)  
(Sumber: PAC Parlimen)

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA – KIRA WANG NEGARA PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN NAIK TARAF DAN PEMBANGUNAN SEMULA BANGUNAN DAIF DI SEKOLAH  
DI BAWAH KPM, JKR MALAYSIA, JKR SARAWAK & JKR SABAH**

<b>NAMA SEKOLAH:</b> Sekolah Kebangsaan Nanga Grenjang, Saratok		
<b>TARIKH TUBUH SEKOLAH:</b> 1 Januari 1948		
<b>JENIS SEKOLAH:</b> Sekolah Kebangsaan	<b>JENIS ASRAMA:</b> Asrama Sekolah Harian	
<b>JARAK DARI BANDAR/PEKAN TERDEKAT:</b> 52 km (dari bandar Saratok)		
<b>BIL. KAKITANGAN BUKAN GURU:</b> 8	<b>BIL. GURU:</b> 11	<b>BIL. KUARTERS GURU:</b> 12
<b>BIL. PELAJAR:</b> 60	<b>PENGHUNI ASRAMA:</b> 36/40	
<b>BIL. KELAS:</b> 6	<b>BIL. BILIK DARJAH FIZIKAL:</b> 6	

**Isu bangunan daif di sekolah:**

- Dikategorikan sebagai sekolah daif pada Skala 6;
- Bangunan sekolah diperbuat daripada kayu dan kini telah usang dan mereput;
- Dewan makan berada dalam keadaan yang kurang sesuai bagi tujuan penggunaan;
- Asrama dan kuarters guru telah usang dan kayu mula mereput, menjadikan bangunan tidak selamat dan selesa untuk diduduki; dan
- Pendawaian serta pemasangan paip perlu dilihat serta diberi perhatian kerana keadaan bangunan kayu yang lama dan usang adalah lebih terdedah kepada risiko kebakaran dan reput.



Keadaan dapur dewan makan sekolah  
(05.02.2024)  
(Sumber: PAC Parlimen)



Keadaan asrama sekolah usang  
(05.02.2024)  
(Sumber: PAC Parlimen)

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA – KIRA WANG NEGARA PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN NAIK TARAF DAN PEMBANGUNAN SEMULA BANGUNAN DAIF DI SEKOLAH  
DI BAWAH KPM, JKR MALAYSIA, JKR SARAWAK & JKR SABAH**



Keadaan siling dewan makan sekolah rosak  
(05.02.2024)  
(Sumber: PAC Parlimen)



Keadaan kuarters guru usang dan mereput  
(05.02.2024)  
(Sumber: PAC Parlimen)

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA – KIRA WANG NEGARA PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN NAIK TARAF DAN PEMBANGUNAN SEMULA BANGUNAN DAIF DI SEKOLAH  
DI BAWAH KPM, JKR MALAYSIA, JKR SARAWAK & JKR SABAH**

<b>NAMA SEKOLAH:</b> Sekolah Kebangsaan Serabang, Betong		
<b>TARIKH TUBUH SEKOLAH:</b> 1 Januari 1963		
<b>JENIS SEKOLAH:</b> Sekolah Kebangsaan	<b>JENIS ASRAMA:</b> Tiada	
<b>JARAK DARI BANDAR/PEKAN TERDEKAT:</b> 20 km (dari Betong)		
<b>BIL. KAKITANGAN BUKAN GURU:</b> 3	<b>BIL. GURU:</b> 11	<b>BIL. KUARTERS GURU:</b> 6
<b>BIL. PELAJAR:</b> 49	<b>PENGHUNI ASRAMA:</b> Tiada	
<b>BIL. KELAS:</b> 6	<b>BIL. BILIK DARJAH FIZIKAL:</b> 7	

**Isu bangunan daif di sekolah:**

- Dikategorikan sebagai sekolah daif pada Skala 6
- Bangunan sekolah diperbuat daripada kayu dan kini telah usang dan mereput;
- Struktur bangunan sekolah bengkok (*crooked*) yang menyebabkan kelas tidak rata dan senget serta tidak kondusif untuk sesi PdP;
- Kuarters guru telah usang dan kayu mula mereput, menjadikan bangunan tidak selamat dan selesa untuk diduduki; dan
- Kawasan sekolah terdedah kepada risiko kenaikan air dan banjir bila berlakunya hujan. Perkara ini juga menyebabkan hidupan/haiwan liar (seperti ular, buaya dll.) masuk ke kawasan sekolah.



Keadaan blok sekolah yang tidak rata dan bengkok disebabkan mendapan dan reput  
(05.02.2024)  
(Sumber: PAC Parlimen)

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA – KIRA WANG NEGARA PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN NAIK TARAF DAN PEMBANGUNAN SEMULA BANGUNAN DAIF DI SEKOLAH  
DI BAWAH KPM, JKR MALAYSIA, JKR SARAWAK & JKR SABAH**



Keadaan dewan sekolah  
(05.02.2024)  
(Sumber: PAC Parlimen)



Keadaan blok bangunan sekolah usang dan rosak  
(05.02.2024)  
(Sumber: PAC Parlimen)

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA – KIRA WANG NEGARA PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN NAIK TARAF DAN PEMBANGUNAN SEMULA BANGUNAN DAIF DI SEKOLAH  
DI BAWAH KPM, JKR MALAYSIA, JKR SARAWAK & JKR SABAH**

<b>NAMA SEKOLAH:</b> Sekolah Kebangsaan Paku Central, Betong		
<b>TARIKH TUBUH SEKOLAH:</b> 1 Januari 1958		
<b>JENIS SEKOLAH:</b> Sekolah Kebangsaan	<b>JENIS ASRAMA:</b> Asrama Sekolah Harian	
<b>JARAK DARI BANDAR/PEKAN TERDEKAT:</b> 12 km (dari Betong)		
<b>BIL. KAKITANGAN BUKAN GURU:</b> 7	<b>BIL. GURU:</b> 13	<b>BIL. KUARTERS GURU:</b> 12
<b>BIL. PELAJAR:</b> 80	<b>PENGHUNI ASRAMA:</b> 41/80	
<b>BIL. KELAS:</b> 6	<b>BIL. BILIK DARJAH FIZIKAL:</b> Tiada (dalam pembinaan)	

**Isu bangunan daif di sekolah:**

- Sekolah merupakan salah satu sekolah yang terlibat di bawah Projek Sekolah Daif dengan peruntukan khusus Kerajaan Persekutuan berjumlah kira-kira RM1 bilion untuk sekolah Sabah dan Sarawak;
- Projek sepatutnya siap pada 26 Disember 2022 namun, tarikh siap semasa dijangka pada Mac tahun 2024;
- Kelewatan penyiapan bangunan pentadbiran di sekolah telah mengakibatkan kelas dilakukan di kawasan yang tidak sesuai dan tidak kondusif bagi sesi PdP; dan
- Makmal komputer terpaksa digunakan sebagai bilik pentadbiran serta pejabat guru dan makmal tersebut tidak dapat digunakan seperti yang dimaksudkan.



Bangunan blok pentadbiran dalam pembinaan  
(05.02.2024)  
(Sumber: PAC Parliment)



Makmal komputer dijadikan pejabat guru &  
pentadbiran  
(05.02.2024)  
(Sumber: PAC Parliment)

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA – KIRA WANG NEGARA PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN NAIK TARAF DAN PEMBANGUNAN SEMULA BANGUNAN DAIF DI SEKOLAH  
DI BAWAH KPM, JKR MALAYSIA, JKR SARAWAK & JKR SABAH**



Dewan terbuka yang digunakan sebagai bilik kelas sementara bagi sesi PdP  
(05.02.2024)  
(Sumber: PAC Parlimen)



**RUMUSAN & SYOR  
JAWATANKUASA KIRA-KIRA  
WANG NEGARA (PAC)  
PARLIMEN**

## 8. RUMUSAN PAC PARLIMEN

Secara keseluruhan PAC Parlimen merumuskan perkara-perkara berikut:

- 8.1. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) menyatakan hanya 411 (27.3%) daripada 1,505 sekolah diangkat permohonan projek daif dan 398 daripadanya telah diluluskan. Bagaimanapun, hanya 386 projek daif yang dilaksanakan dan 123 (31.9%) daripadanya siap dilaksanakan. Manakala, 1,094 sekolah belum diangkat permohonan projek daif (sila rujuk **Jadual 1** dan **2**);
- 8.2. Semasa prosiding PAC pada 17 Januari 2024, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memaklumkan bahawa sebanyak 267 permohonan projek sekolah daif telah diangkat ke Kementerian Ekonomi (KE) dan 249 permohonan telah diluluskan;
- 8.3. KPM telah melaksanakan sesi libat urus dengan pihak berkepentingan di peringkat Persekutuan dan Negeri bagi mempercepatkan proses berhubung projek daif seperti Kelulusan Syor Meroboh, Keputusan Pindah Peruntukan, Urusan Hak Milik Tanah, Kebenaran Merancang, Notis Perubahan (NOC) dan lain-lain;
- 8.4. Penubuhan jawatankuasa berkaitan seperti Pasukan Petugas Khas Reformasi Sektor Awam (STAR), serta inisiatif pemantauan telah diambil oleh pihak KPM bagi memastikan projek berjalan lancar tanpa kelewatan;
- 8.5. Projek sekolah daif yang dijalankan secara berpakej adalah tidak efektif dan KPM serta Jabatan Kerja Raya (JKR) bersetuju untuk tidak meneruskan pendekatan tersebut. Projek sakit yang dibangunkan secara berpakej ini sedang dipantau rapi oleh pihak JKR; dan
- 8.6. Bagi permohonan projek sekolah daif yang belum diangkat dan/atau diluluskan KE, KPM mengambil langkah membuat penyenggaraan untuk memanjangkan jangka hayat bangunan dan kefungsian bangunan tersebut supaya masih selamat digunakan.

## 9. SYOR PAC PARLIMEN

Bagi tujuan penambahbaikan, PAC Parlimen mengesyorkan perkara-perkara berikut:

- 9.1. KPM perlu melancarkan Program Sifar Bangunan Sekolah Daif seluruh negara selaras dengan komitmen KPM untuk mewujudkan persekitaran yang selamat dan kondusif bagi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP);
- 9.2. KPM perlu meningkatkan perancangan dan pelaksanaan program penyenggaraan sekolah-sekolah bagi mengurangkan kebarangkalian sekolah-sekolah berkenaan dikategorikan sekolah daif;
- 9.3. KPM perlu memantapkan kaedah pengurusan projek melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian secara berterusan bagi memastikan semua projek yang dirancang siap mengikut jadual; dan
- 9.4. Jawatankuasa Pemandu Pembangunan Semula Bangunan Daif Di Sekolah yang dipengerusikan oleh KPM perlu diperkasakan supaya lebih efektif bagi menangani isu-isu sekolah daif.

## JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN



**GAMBAR PROSIDING**



























## GLOSARI



## **GLOSARI**

<b>AGC</b>	Jabatan Peguam Negara
<b>AP</b>	Arahan Perbendaharaan
<b>APK</b>	Arahan Perubahan Kerja
<b>CF</b>	<i>Certificate of Fitness / Sijil Perakuan</i>
<b>CCC</b>	<i>Certificate of Completion and Compliance / Sijil Perakuan Siap</i>
<b>EMIS</b>	<i>Education Management Information Sysyem / Sistem Maklumat Pendidikan</i>
<b>EOT</b>	<i>Extension of Time / Lanjutan Masa</i>
<b>EPRD</b>	Educational Policy Planning and Research Division / Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
<b>ICU</b>	<i>Implementation Coordination Unit / Unit Penyelarasian Pelaksanaan</i>
<b>JAN</b>	Jabatan Audit Negara
<b>JANM</b>	Jabatan Akauntan Negara
<b>JKR</b>	Jabatan Kerja Raya
<b>JPA</b>	Jabatan Perkhidmatan Awam
<b>JPN</b>	Jabatan Pendidikan Negeri
<b>JPS</b>	Jabatan Pengairan dan Saliran
<b>JTS</b>	Jabatan Tanah dan Survei
<b>JTU</b>	Jabatan Tanah dan Ukur
<b>KAN</b>	Ketua Audit Negara
<b>KE</b>	Kementerian Ekonomi
<b>KMT</b>	Kebenaran Masuk Tapak
<b>KPKR</b>	Ketua Pengarah Kerja Raya
<b>KPKT</b>	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
<b>KPM</b>	Kementerian Pendidikan Malaysia
<b>KSN</b>	Ketua Setiausaha Negara
<b>KSP</b>	Ketua Setiausaha Perbendaharaan

## GLOSARI

<b>KSU</b>	Ketua Setiausaha
<b>LKAN</b>	Laporan Ketua Audit Negara
<b>MOF</b>	Kementerian Kewangan Malaysia
<b>NOC</b>	<i>Notice of Changes / Notis Perubahan</i>
<b>PAC</b>	Jawatankuasa Kira – kira Wang Negara
<b>PBT</b>	Pihak Berkuasa Tempatan
<b>PdP</b>	Pengajaran dan Pembelajaran
<b>PIC</b>	<i>Person in Charge / Pegawai Bertanggungjawab</i>
<b>PM</b>	Peraturan Mesyuarat
<b>PPD</b>	Pejabat Pendidikan Daerah
<b>PPMMDR</b>	Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat
<b>PPPM</b>	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
<b>Pre-Q</b>	<i>Pre-qualification / Pra-kelayakan</i>
<b>SOP</b>	<i>Standard Operating Procedure / Prosedur Operasi Standard</i>
<b>SPAN</b>	Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara
<b>SPRM</b>	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
<b>STAR</b>	<i>Special Task Force for Public Sector Reform / Pasukan Petugas Khas Reformasi Sektor Awam</i>
<b>TKAN</b>	Timbalan Ketua Audit Negara
<b>TNB</b>	Tenaga Nasional Berhad
<b>YdP</b>	Yang di Pertua



# **AGENDA MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN**

**LAMPIRAN A**

**MESYUARAT PRA PROSIDING JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
PARLIMEN KELIMA BELAS  
BIL. 2 TAHUN 2024  
BERTEMPAT DI BILIK JAWATANKUASA 1  
TINGKAT 2, BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN**

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
17.01.2023/ Rabu/ 10.00 pagi	<b>PRA PROSIDING BIL. 2 TAHUN 2024:</b> “Pengurusan Naik Taraf dan Pembangunan Semula Bangunan Daif di Sekolah” (LKAN 2022- <i>Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan)</i>	<b>JABATAN AUDIT NEGARA:</b> Yang Berbahagia Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi, Ketua Audit Negara

**LAMPIRAN A**

**MESYUARAT PROSIDING JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
PARLIMEN KELIMA BELAS  
BIL. 2(A) TAHUN 2024  
BERTEMPAT DI BILIK JAWATANKUASA 1  
TINGKAT 2, BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN**

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
17.01.2024/ Rabu/ 11.00 pagi	<b>PROSIDING BIL. 2(A) TAHUN 2024:</b> “Pengurusan Naik Taraf dan Pembangunan Semula Bangunan Daif di Sekolah” (LKAN 2022- <i>Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan)</i> )	<b>KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA:</b> YBhg. Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi, Ketua Setiausaha  <b>JABATAN KERJA RAYA:</b> YBhg. Dato' Ir. Hj. Badioezaman bin Ab Khalik, Ketua Pengarah Kerja Raya  <b>JABATAN KERJA RAYA SABAH:</b> YBrs. Tuan Philemon Lajawai, Pengarah Kerja Raya Sabah  <b>JABATAN KERJA RAYA SARAWAK:</b> YBhg. Datu Ir. Ts. Richard anak Tajan, Pengarah Kerja Raya Sarawak



# **LAPORAN PROSIDING (HANSARD)**



MALAYSIA

## LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Rabu, 17 Januari 2024

Bil. 2 / 2024

### MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

**Pra Prosiding:**  
**Pengurusan Naik Taraf dan Pembangunan Semula**  
**Bangunan Daif di Sekolah**

**Jabatan Audit Negara**  
YBhg. Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi  
Ketua Audit Negara

**PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KELIMA BELAS**

## MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

### BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

RABU, 17 JANUARI 2024

#### AHLI-AHLI JAWATANKUASA

##### **Hadir**

YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*  
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang] - *Naib Pengerusi*  
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]  
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]  
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]  
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]  
YB. Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]  
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]  
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]  
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]  
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]

##### **Tidak Hadir [Dengan Maaf]**

YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]  
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]

#### URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Kanan (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia)]  
Encik Amirul Ashyraaf bin Zulkifle [Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia)]

#### HADIR BERSAMA

##### **Jabatan Peguam Negara**

Puan Norilawati binti Ismail [Peguam Kanan Persekutuan, Sektor Penasihat (Bahagian Penasihat, Unit Projek Khas, Jawatankuasa Khas / Majlis Khas)]

##### **Jabatan Perkhidmatan Awam**

Encik Nor Zahidi bin Abdul Rahman [Ketua Penolong Pengarah]

##### **Kementerian Kewangan**

Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Encik Nurul Allbirr bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

**Jabatan Akauntan Negara**

Encik Mohd Sabree bin Yaakub [Timbalan Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA))]

**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia**

Encik Gan Nen Shan [Penolong Pesuruhjaya]  
Encik Gunalan Perumal [Penolong Pesuruhjaya]  
Encik Ng Seh Fern [Pegawai Siasatan]

**Kementerian Ekonomi**

Encik Che Rahim bin Daud [Pengarah (Bahagian Pembangunan Modal Insan)]

**SAKSI****Jabatan Audit Negara**

YBhg. Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]  
YBhg. Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi)]  
YBrs. Puan Raftah binti Ibrahim [Pengarah Audit (Bahagian Audit Preastasi II)]  
YBrs. Puan Aminah binti Ali [Timbalan Pengarah (Bahagian Teknikal, Cawangan Kejuruteraan 1 (Teknikal))]  
YBrs. Encik Saiful Anuar bin Zakaria [Timbalan Pengarah Audit, Sektor Audit Prestasi (Seksyen Penyelarasan Laporan dan Seksyen Pentadbiran dan Sokongan, Seksyen Penyelarasan Laporan)]  
Encik Mohd Serjana bin Ibrahim [Pengarah Audit (Bahagian Susulan Audit)]  
Encik Hamzah bin Azhan [Peguam Persekutuan, Pejabat Ketua Audit Negara (Unit Khidmat Nasihat Undang-undang)]  
Encik Rasdi bin Mohamed Razali (Pegawai Khas KAN (Pejabat Ketua Audit Negara))  
Encik Mohammad Firdaus bin Abdullah [Penolong Pengarah Audit, Sektor Audit Prestasi (Bahagian Audit Prestasi II, Prestasi 8)]  
Encik Muhammad Syazwan bin Ramli [Penolong Pengarah Audit, Sektor Audit Prestasi (Bahagian Audit Prestasi II, Prestasi 8)]  
Puan Siti Anisah binti Abdul Rafie [Ketua Unit, Pejabat Ketua Audit Negara (Unit Komunikasi Korporat)]  
Encik Hasbullah bin Ahmad [Juruiring Rapat, Pejabat Ketua Audit Negara]

## **LAPORAN PROSIDING**

### **MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KEDUA**

**BILIK JAWATANKUASA 1,  
PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR**

**RABU, 17 JANUARI 2024**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.01 pagi**

**[Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin  
mempengerusikan Mesyuarat]**

---

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:**  
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi dan salam sejahtera,  
Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen Ke-15, ahli-ahli ex-officio. Terima kasih  
kerana hadir dalam mesyuarat pada pagi ini.

Hadir di hadapan PAC untuk pra prosiding, sekali lagi, Yang Berbahagia  
Datuk Wan Suraya binti Mohd Radzi, Ketua Audit Negara; Yang Berbahagia Nor  
Salwani binti Muhammad, Timbalan Ketua Audit Negara; dan Puan Raftah binti  
Ibrahim, Pengarah Audit Prestasi II. Terima kasih kerana hadir sekali lagi untuk pra  
prosiding pada pagi ini.

Yang Berhormat Ahli-ahli mesyuarat sekalian, hari ini PAC akan memulakan  
prosiding bagi isu pengurusan naik taraf dan pembangunan semula bangunan daif  
di sekolah yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2022: Aktiviti  
Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun  
Persekutuan yang mana kejap lagi jam 11.00 pagi akan dihadiri oleh Ketua  
Setiausaha Kementerian serta pegawai kanan Jabatan Kerja Raya termasuk  
daripada Sabah dan juga Sarawak.

Untuk makluman, sebanyak 1,505 sekolah dikenal pasti oleh Kementerian  
Pendidikan Malaysia mempunyai bangunan daif pada skala enam dan tujuh bagi  
tempoh 2019 sehingga 2022 dan KPM menyalurkan sejumlah RM1.026 bilion  
peruntukan untuk pelaksanaan 386 projek daif bagi tempoh yang sama. Sehingga  
31 Disember 2022, sejumlah RM715.55 juta iaitu sebanyak 69.7 peratus telah pun  
dibelanjakan yang mana 123 sekolah telah siap dan 263 sekolah dalam peringkat  
pelaksanaan.

Dalam Laporan Ketua Audit Negara 2022 menyatakan bahawa pencapaian  
prestasi kerja naik taraf dan pembangunan semula bangunan daif di sekolah adalah  
kurang memuaskan memandangkan hanya 411 sekolah yang diangkat permohonan

pelaksanaan projek daif daripada jumlah 1,505 sekolah yang dikenal pasti mempunyai bangunan daif dan prestasi pelaksanaan projek adalah rendah.

Pada masa yang sama juga, lebih mengejutkan, Laporan Ketua Audit Negara mendedahkan bahawa pencapaian keberhasilan tidak tercapai sepenuhnya kerana sebahagian projek masih lagi dalam fasa pelaksanaan atau belum dimulakan sehingga akhir tahun 2022. Kelewatian mengangkat permohonan dan kelewatian pelaksanaan projek yang telah diluluskan ini menjaskan keselamatan murid dan guru apabila bangunan ataupun ruang yang disahkan tidak selamat masih lagi digunakan oleh pihak sekolah.

Justeru, saya harap semua Ahli PAC dapat menggunakan ruang dan kesempatan ini untuk bertanyakan soalan kepada Yang Berbahagia Datuk Ketua Audit Negara serta pasukannya untuk kita faham isu ini dengan lebih mendalam. Penting bagi PAC meneliti isu ini dengan terperinci memandangkan isu bangunan sekolah daif terutamanya di Sabah dan juga Sarawak ini amat penting untuk diselesaikan demi masa depan negara dan juga demi pendidikan negara pada masa akan datang.

Sehubungan dengan itu, saya persilakan Yang Berbahagia Datuk Wan Suraya, Ketua Audit Negara untuk memulakan pembentangan. Terima kasih.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:**

Terima kasih Yang Berhormat. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam Malaysia Madani, salam sejahtera. Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC). Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli-ahli PAC yang lain. Wakil-wakil daripada agensi pusat serta pegawai-pegawai daripada Jabatan Audit Negara.

Izinkan saya untuk terus menyampaikan taklimat ringkas mengenai pengurusan naik taraf dan pembangunan semula bangunan daif di sekolah seperti yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2022 pada 22 November yang lepas.

Kita sedia maklum bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bertanggungjawab untuk menyediakan kemudahan pendidikan di peringkat pra sekolah, pendidikan rendah, menengah, lepasan menengah dan tinggi. Menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia atau PPPM 2013-2025, KPM adalah dipertanggungjawabkan untuk memastikan semua sekolah mencapai sekurang-kurangnya keperluan asas yang penting serta persekitaran yang selamat dan kondusif bagi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran atau PdP.

KPM telah melaksanakan projek naik taraf dan pembangunan semula bangunan daif bermula sejak tahun 2016 dan objektif pelaksanaannya adalah untuk

memastikan semua sekolah mencapai sekurang-kurangnya keperluan asas yang penting serta persekitaran yang selamat dan kondusif bagi pelaksanaan PdP.

Penilaian tahap keadaan bangunan, ruang di sekolah dibuat mengikut skala satu hingga tujuh. Kaedah penilaian mengikut skala tersebut adalah dimasukkan ke dalam Sub Modul Infrastruktur Sistem Maklumat Pengurusan Pendidikan atau EMIS dan diguna pakai oleh semua sekolah di seluruh Malaysia, seperti yang tertera dalam skrin. *[Merujuk pada paparan di skrin]* Bangunan atau ruang yang dikategorikan sebagai daif adalah yang berada pada skala enam dan tujuh serta telah dapat pengesahan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) atau Jabatan Pendidikan Negeri sebagai tidak selamat.

KPM telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM1.026 bilion di bawah RMKe-11 dan RMKe-12 untuk pelaksanaan projek-projek daif. Sejumlah RM715.55 juta atau merangkumi 69.7 peratus telah dibelanjakan sehingga 31 Disember 2022.

Pengauditan telah dijalankan di Kementerian Pendidikan (KPM), Kementerian Ekonomi dan tiga agensi pelaksana iaitu JKR Malaysia, JKR Sabah dan JKR Sarawak. Pengauditan yang dilaksanakan melibatkan penilaian terhadap prestasi dan pengurusan projek daif bagi tempoh pengauditan iaitu 2019 sehingga 2022.

Bagi tempoh 2019 sehingga 2022, sebanyak 1,505 sekolah di seluruh negara telah dikenal pasti oleh KPM mempunyai bangunan daif. Sarawak dan Sabah merekodkan bilangan sekolah tertinggi mempunyai bangunan daif masing-masing sebanyak 593 bagi Sarawak dan 484 sekolah bagi Sabah iaitu merangkumi 71.6 peratus daripada sekolah-sekolah yang dikategorikan sebagai bangunan daif. Sejumlah 1,505 sekolah tersebut meliputi 411 sekolah yang telah diperiksa oleh JKR dan diangkat permohonan projek daif, 205 sekolah telah diperiksa oleh JKR tetapi belum diangkat permohonan projek daif, manakala 889 sekolah pula masih belum diperiksa oleh JKR pada tempoh tersebut. Jumlah tersebut, saya difahamkan, telah meningkat sedikitlah sejak tempoh pengauditan.

Semakan dokumen telah dijalankan terhadap sampel 131 daripada 398 sekolah yang diluluskan projek daif serta kesemua 205 sekolah yang telah diperiksa oleh JKR tetapi belum diangkat permohonan projek. Pemeriksaan fizikal turut dijalankan terhadap 68 sekolah di negeri Kedah, Perak, Sabah dan Sarawak.

Isu pertama yang dibangkitkan adalah berkaitan permohonan projek daif oleh KPM kepada Kementerian Ekonomi. Audit mendapati bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022, hanya sebanyak 411 ataupun 27.3 peratus daripada 1,505 sekolah yang mempunyai bangunan daif telah dapat diangkat permohonannya kepada

Kementerian Ekonomi. Dari situ, Kementerian Ekonomi telah meluluskan pelaksanaan projek daif di 398 sekolah ataupun 96.8 peratus.

#### ■1010

Manakala, permohonan bagi 13 buah sekolah lagi masih tidak diluluskan disebabkan peruntukan yang terhad. Daripada 398 sekolah yang diluluskan, 386 sekolah telah dilaksanakan sebagai projek daif. Manakala, baki 12 sekolah dilaksanakan di bawah program lain, melibatkan perolehan tanah atau penyelenggaraan.

Isu kedua adalah berkaitan status pelaksanaan bagi 386 projek daif yang dilaksanakan oleh KPM sehingga 31 Disember 2022. Audit mendapati hanya 123 atau 31.9 peratus daripada jumlah 386 sekolah tersebut telah siap. Manakala, 93 iaitu 24.1 peratus sekolah masih di peringkat pembinaan dan 170 sekolah ataupun 44 peratus masih belum pun dimulakan. Status pelaksanaan projek mengikut negeri adalah seperti dalam jadual berikut. *[Merujuk kepada slaid pembentangan]* Kalau dilihat kelewatan pelaksanaan projek daif, sebahagian besar berlaku di Sarawak, Sabah dan Kedah. Semakan terhadap sampel 60 projek yang dalam pembinaan mendapati 23 sekolah masih belum disiapkan sehingga 31 Disember 2022. Sebanyak 21 daripada 23 sekolah tersebut sepatutnya disiapkan pada tahun 2022. Manakala, dua sekolah pada tahun sebelumnya, pada tahun 2021.

Lima faktor utama telah dikenal pasti menyumbang kepada kelewatan penyiapan projek daif seperti berikut. Pertama, NOC ataupun perubahan butiran. Permohonan perubahan butiran ataupun NOC adalah disebabkan berlaku perubahan kepada skop dan kos kerja selepas projek diluluskan oleh Kementerian Ekonomi yang mana keperluan ini tidak dikenal pasti semasa penyediaan projek—*brief project* oleh pihak KPM. KPM sendiri mengambil masa antara 179 hingga 774 hari untuk mengemukakan permohonan NOC kepada Kementerian Ekonomi. Manakala, Kementerian Ekonomi pula mengambil masa antara 10 hingga 132 hari untuk meluluskan permohonan NOC tersebut.

Sebagai contoh, Sekolah Kebangsaan Gayang di Sabah, kita lihat pertambahan—melibatkan pertambahan skop. Cadangan tambah blok prasekolah, kantin, ruang serba guna, surau dan dua unit rumah guru. Perubahan skop ini menyebabkan kelewatan memulakan projek selama 398 hari. Di Sekolah Menengah Kebangsaan Sukau di Sabah pula melibatkan tiga NOC. NOC ini menyebabkan kelewatan memulakan projek selama 1,835 hari. Ini sebagai beberapa contoh Yang Berhormat, tentang apa yang dimaksudkan sebagai NOC.

Kedua, seterusnya kelulusan meroboh bangunan itu sendiri. Berdasarkan proses pelupusan aset tak alih struktur bangunan bagi sekolah daif. Tempoh masa

untuk KPM mengemukakan permohonan serta mendapat kelulusan untuk meroboh bangunan daripada KPKR adalah selama 174 hari daripada tarikh kelulusan Kementerian Ekonomi. Audit mendapati permohonan meroboh bangunan lama ada yang masih belum dikemukakan untuk tujuan pembangunan bangunan baharu di 22 sekolah. Misalnya di Sabah, masih belum dikemukakan kepada– KPKR adalah Ketua Pengarah Kerja Raya. Projek daif bagi 22 sekolah tersebut telah diluluskan. Proses kelulusan mengambil masa antara 729 hingga 1,094 hari atau lebih kurang 35 bulan 29 hari.

Seterusnya, kelewatan adalah kerana kelewatan mengemukakan permohonan. Analisis Audit terhadap enam sekolah yang telah mendapat kelulusan meroboh pula mendapati KPM mengambil masa...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Nak tanya sikit fasal yang poin Kementerian Ekonomi ambil masa 10 hingga 132 hari untuk meluluskan itu. Boleh tak saya dapat *feedback* ataupun respons daripada pihak Kementerian Ekonomi berkenaan kepada perkara ini? Kenapa ambil masa yang begitu panjang, 132 hari untuk meluluskannya dari segi prosedur dan sebagainya? *How*– apakah SOP ataupun KPI?

**Encik Che Rahim bin Daud [Kementerian Ekonomi]:** Assalamualaikum, selamat pagi YB. Untuk makluman, mengenai pemprosesan permohonan NOC oleh Kementerian Pendidikan Malaysia kepada Kementerian Ekonomi. Kebiasaannya, permohonan NOC ini dikemukakan untuk membuat perubahanlah terhadap butiran NOC projek, di mana proses kelulusannya bergantung pada jenis-jenis NOC yang dikemukakan.

Kebiasaannya yang mengambil masa yang lama ialah NOC yang melibatkan perubahan kos yang tinggi. Di mana Kementerian Ekonomi akan menilai balik kerana kelulusan projek berdasarkan kos peruntukan yang ditetapkan. Jadi, untuk kenaikan kos itu, Kementerian Ekonomi kena tengok balik dari segi siling kerajaan kerana kita nak mengawal daripada kenaikan kos yang tidak dapat dikawal. Contohnya, sekiranya kenaikan kos itu melebihi– kadang-kadang ada yang melebihi seratus peratus daripada kos asal.

Jadi, untuk kita meluluskan perubahan tersebut, beberapa kajian terperinci bersama dengan Jabatan Kerja Raya untuk memastikan kenaikan itu adalah munasabah. Jadi, antara sebab itulah menyebabkan mengambil masa yang lama.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, saya nak tanya. Adakah di pihak Kementerian Ekonomi ada SOP? Contoh, *the moment* dapat sahaja permohonan, dalam masa tempoh tiga hari kena hantar kepada unit pembangunan? Dalam tempoh seminggu, kena sampai ini? Ada tak dibuat begitu?

**Encik Che Rahim bin Daud [Kementerian Ekonomi]:** Kalau itu, ada. Biasanya, selepas mendapat permohonan, kita akan terus menghantar kepada ulasan teknikal. Ulasan teknikal ini melibatkan Bahagian Pengurusan Nilai di Kementerian Ekonomi, biasanya dianggotai oleh jawatan kader daripada pejabat JKR dan dia akan menilai balik permohonan tersebut dan sama ada akan mendapatkan maklumat terperinci yang lebih lanjut daripada Kementerian Pendidikan.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Maksudnya, memang ada ketetapan.

**Encik Che Rahim bin Daud [Kementerian Ekonomi]:** Ada.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Contoh, dalam tempoh tiga hari, dalam tempoh dua hari, dalam tempoh seminggu, ketetapan itu. Sebagai contoh, macam kita— macam mana nak buat pasport, contoh ya. Nak buat pasport, permohonan buat pasport, dalam tempoh tiga hari, pasport dapat, kalau Jabatan Imigresen, contohlah. Ada tak yang *you all* tetapkan begitu? Ketetapan hari?

**Encik Che Rahim bin Daud [Kementerian Ekonomi]:** Ketetapan hari kita ada dalam SOP. Cuma apabila ia bergantung pada setiap projek ini berbeza-beza kerana projek ini kadang-kadang memerlukan penelitian yang lebih lanjut. Jadi, memerlukan ulasan teknikal dan sebagainya. Itu yang mengambil masa.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Kalau saya boleh tambah, Yang Berhormat. Secara amnya, kita tidak menggalakkanlah perubahan butiran atau *notice of change (NOC)* seperti ini. Sebab itu— ini sepatutnya semua telah diambil kira semasa penyediaan *brief project* oleh pihak sekolah dengan- dan- kepada- bila *submission* kepada pihak KPM. Tapi bila dah ada NOC ini dan nanti boleh pergi balik kepada KPM dan terpaksa pergi balik kepada KE dan sebagainya. Jadi, *as a matter of fact, it should not have happened in the first place*. Tapi bila dah ada, itu yang kita nampak mengambil masa yang terlalu lama. Kalau saya boleh teruskan YB, terima kasih.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Datuk Wira Pengerusi,...

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Perubahan kerja...

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Datuk, boleh saya tanya? Jadi, projek sekolah yang lewat akibat alasan ini, jumlahnya berapa?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Alasan NOC?

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Ya, NOC.

■1020

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Tempoh pengauditan enam sekolah.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Daripada sampel 60?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Ya, daripada sampel 60 yang telah diambil. Semuanya di Sarawak, ya?

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Sabah dan Sarawak.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Semuanya adalah di Sabah dan Sarawak. Ya, sebab ini kita ambil sampel-sampel lain YB. Okey. So, tadi saya ada bagi dua contoh sekolah yang di Sabah dan juga dua sampel, dua contoh tadi adalah di sekolah—di Sabah. Okey.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Sampel 60 dan yang ada...

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Tak, sampel 60. Yang melibatkan NOC adalah enam.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Kesemua enam buah sekolah ini adalah terletak di Sabah dan Sarawak?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Yes, yang melibatkan NOC adalah Sabah dan Sarawak.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Yang 60 itu? Satu Malaysia?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Ya, satu Malaysia. Tapi kita, yang kita...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Berapa yang daripada—boleh dapat tak daripada Sabah, Sarawak berapa total? Daripada 60 itu.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Sekejap YB.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Daripada 60 sampel itu, Sabah dan Sarawak berapa?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Ada dalam, dalam laporan ya. Buka, buka. *[Merujuk kepada slaid pembentangan]*

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Tak, buka, buka dalam...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Satu lagi saya nak tanya dalam nak mencari itu. Kan ada 13 buah sekolah yang tidak diluluskan oleh Kementerian Ekonomi. Boleh tak tahu apakah alasan munasabah yang diberikan oleh Kementerian Ekonomi tidak meluluskannya itu?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Mengikut rekod status 13 sekolah yang tidak diluluskan projek daif adalah sembilan sekolah diluluskan— sekejap.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Tapi ini *you* bagi yang status.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Yes, status.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Okey, pada ketika itu adalah kerana peruntukan terhad. Sebab masa itu ada kekangan peruntukan. Jadi, dia hanya meluluskan 398 sahaja. So, *the balance* 13 dia tak dapat nak, nak *slot in*. Tetapi, kami di— ini maklumat tambahanlah. Selepas status kami telah semak, sehingga 31 Disember 2023, status 30 sekolah— 13 sekolah yang tidak diluluskan projek daif, sembilan sekolah daripada 13 itu, sembilan telah pun diluluskan pada tahun lepas tahun 2023 dan empat sekolah pada ketika itu dalam proses permohonan.

So, apa yang dia tak dapat buat *you know*, bagi tempoh itu, dia dah berjaya— dia cuba buatlah dalam tahun, tahun lepas. So...

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Pengerusi, nak tengok kesan kelewatan ini di slaid nombor lapan. *[Merujuk kepada slaid pembentangan]* Kan? Yang dikatakan prestasi perbelanjaan projek daif rendah itu. Kata tak ada duit tapi dia punya yang dia belanja itu, 69.7 percent saja. Maknanya ada sebenarnya duit kan?

**Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tak lulus.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Yang kata sebab tidak dilulus sebab tak ada duit. Tapi, yang ini dia tak habis pun belanja.

**Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Projek tidak siap.

*[Ketawa]*

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** So, is it acceptable?

**Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Projek belum siap.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Yang mana ini?

[Pembesar suara dimatikan]

**Encik Che Rahim bin Daud [Kementerian Ekonomi]:** Boleh jawab dah?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Kita belum sampai lagi YB. Kalau boleh tunggu tapi— nantilah saya, *I will come to that* ya. Sebab masih lagi apa nama...

**Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]:** Datuk Pengerusi...

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Tapi can I go— can I respond to YB tadi yang fasal itu. Boleh tunjuk? [Merujuk kepada slaid pembentangan]

**Seorang Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

[Pembesar suara dimatikan]

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Sekejap ya. Lima— ada? Bukan. [Merujuk kepada slaid pembentangan] Dalam ini.

**Seorang Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Dia tak keluar.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Dia tak keluar YB, Sorry. Tetapi, kalau boleh lihat dalam laporannya ada. Muka surat 14, 20. Dia ada— kami telah senaraikan kelima-lima sekolah yang ada apa nama perubahan— yang tempoh kelulusannya telah tertangguh ya. Kerana apa nama NOC dan ia apa nama— minta maaf ya. Bukan sahaja di Sabah, apa nama empat dari Sabah dan satu dari Kedah. Apa nama Sekolah Kebangsaan Seri Ampang Muda, Kedah. So, itu, itulah apa nama seperti yang tertera dan berapa tempoh apa nama tertangguh kelulusan kerana proses NOC tersebut.

**Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]:** Soalan saya. Kalau untuk projek-projek yang belum mula atau sudah dibatalkan, dia punya peruntukan sudah sampai, sudah diluluskan, dia akan freeze untuk *next year* kah atau macam mana ya? Yang kalau sudah, yang belum mula— means dia sudah approve-kan? *They must have approved the allocation already but haven't started.* So, dia akan dibawa ke *next year* kah atau macam mana ya?

*Because this is something that we have faced in Sabah. We tak tahu itu peruntukan sampai mana. Dia sudah boleh ditukar tajuk kah semua— actually permohonan sudah sampai, sudah diluluskan juga dan untuk sama kes yang belum mula dan yang sudah dibatalkanlah.*

**Puan Raftah binti Ibrahim [Jabatan Audit Negara]:** Okey Yang Berhormat. Kalau bagi projek-projek yang belum mula tapi sekiranya telah— peruntukan itu sebenarnya dah ada di Kementerian Pendidikan. Tapi, setiap tahun bagi peruntukan pembangunan ini, memang dia akan apa— daripada segi kelulusan, dia carry ke

tahun depan tetapi dari segi penyaluran peruntukan itu, memang *every year*-lah kepada kementerian. Jadi, kalau yang dibatalkan memang tiada peruntukan. Kalau yang telah ada itu ini, memang adalah peruntukan dia.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Tapi, tapi... *[Ketawa]* Itu, itu secara amnya YB. Tapi, *of course, case-by-case basis*-lah. Yang itu kita tak tahu. Yang itu, yang *details* itu, mungkin kementerian boleh menjawablah apa dasar sama dia, dia apa nama secara praktisnya dia menerima untuk datang balik. Tapi, selalunya peruntukan itu dah adalah. *So, they should be able to come back.*

**Encik Che Rahim bin Daud [Kementerian Ekonomi]:** YB boleh saya tambah sikit ya. Saya daripada Kementerian Ekonomi. YB...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Proceed saja.

**Encik Che Rahim bin Daud [Kementerian Ekonomi]:** Untuk peruntukan apa ini, projek-projek yang belum mula, contohnya di Sabah. Biasanya dia akan tidak dilaksanakan pada tahun tersebut. Dia akan bawa ke tahun ke depan. Dia jadi— dipanggil projek sambungan. Jadi, peruntukan itu masih ada di kementerian itu. Terima kasih.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Soalan, satu soalan berkenaan dgn NOC ini. Jadi, lima daripada 60 sampel yang kita ambil, kelewatan disebabkan NOC. Dari segi... *[Disampuk]* Lima, lima daripada 60 ini.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Dalam senarai lima saja.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Lima, lima.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Lima saja.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Kalau ikut senarai itu lima.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Lima daripada 60. Itu dari segi sampellah. Tapi kalau ikut sampel, *it's about nine percent*-lah. Jadi, *overall* yang daripada 386 itu, *do we have a figure* berapa banyak disebabkan NOC? *Because you ambil sampel kan? Five out of 60.* Tapi, daripada 386 itu, *any numbers, any figures?*

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Tak boleh nak dianggarkan lah YB ya, ya. Perkara yang ingin dimaklumkan juga ialah bila kita buat ini, pemeriksaan fizikal telah dijalankan terhadap 68 sekolah di negeri— empat negeri saja. Kedah, Perak, Sabah dan Sarawak saja kan? Jadi— so, kriteria

pemilihan sampel ini kalau sebab kita tengok bilangan projek yang tertinggi di negeri-negeri.

So, Sarawak 189 projek, Sabah 132. So, kita nampak itu banyak projek-projek sekolah daif. 14 Kedah dan Perak, lapan. So, kalau negeri-negeri yang mungkin lebih kurang itu, kita— *It's not included in the sampling. So, it's not fair-lah* kalau kita nak cakap itu apa nama. So, itu— boleh saya teruskan YB?

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Boleh.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Okey.

Nak menjawab apa nama perubahan kerja.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Slaid 24 Datuk.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** 24 ya?

Okey. Kedua— seterusnya tentang perubahan kerja. Setakat 31 Disember 2022, sebanyak 19 sekolah diluluskan perubahan kerja dan kesannya projek daif di tujuh sekolah telah diluluskan EOT antara 22 hingga 539 hari disebabkan perubahan kerja tersebut.

#### ■1030

Perubahan kerja ini antaranya kerana penyelenggaraan tangki septik sedia ada, penyambungan perpaipan kumbahan baharu, pembinaan struktur pengadang antara blok baharu dan padang bola, pemasangan penutup longkang dan pemasangan *roller blind*. Perubahan kerja ini dibuat bagi memastikan bangunan yg dibina dapat berfungsi dengan baik, selamat dan kondusif.

Bagaimanapun keperluan ini hanya dapat dikenal pasti semasa peringkat pembinaan. Misalnya di Sekolah Kebangsaan Telaga Sabah, perubahan kerja antaranya kerja meroboh struktur sedia ada di tapak, pemindahan tangki air dan kerja-kerja tanah. Kesannya, EOT yang telah diluluskan adalah sebanyak 539 hari. Sekolah Kebangsaan Tansau di Sabah, perubahan kerja antaranya pemotongan pokok dan pemasangan *paver block*. Kesannya EOT yang diluluskan adalah sebanyak 441 hari.

Seterusnya adalah kerana – kelewatan adalah kerana perubahan tapak pembinaan – lokasi tapak pembinaan. Projek daif di empat sekolah telah diluluskan EOT selama 80 hingga 776 hari disebabkan perubahan lokasi. Ini misalnya tapak asal bangunan baharu tidak sesuai atau keperluan untuk memenuhi syarat yang ditetapkan. Tiba-tiba bila hendak buat ada syarat baharu yang ditetapkan oleh PBT atau permohonan di peringkat sekolah sendiri. Misalnya contoh Sekolah Kebangsaan Kem Skrang di Sarawak. Pihak sekolah tidak bersetuju dengan cadangan tapak lapan kuarters guru di atas padang sekolah. So, KPM bersetuju

dengan permohonan sekolah untuk dipindahkan ke lokasi lain dan perubahan tapak telah menyebabkan projek lewat dimulakan dan setakat 31 Disember 2022, peratus penyiapan projek hanya sekadar 70.3 peratus.

Satu lagi yang ialah di Sekolah Kebangsaan Sungoi, Sabah. Perubahan lokasi disebabkan lokasi asal yang diluluskan berhampiran laluan utama keluar masuk sekolah. So, terpaksa tukar reka bentuk bangunan daripada satu tingkat ke dua tingkat dan *so on and so forth*. So, akhirnya kesannya EOT selama 776 hari telah diluluskan. So, ini adalah contoh. *[Merujuk kepada slaid pembentangan]* Pertama itu adalah Sekolah Kebangsaan Kem Skrang, Sarawak. Sebelah kanan itu ialah tapak asal. So, mereka rasa benda itu tidak sesuai. Terpaksa dipindah ke tapak yang lain, ke lokasi yang lain.

Balik – balik tadi kepada kelewatan pelaksanaan kerja. Setakat 31 Disember 2022, kemajuan kerja di tapak bagi projek daif bagi di 37 sekolah telah lewat antara 0.4 peratus hingga 79.6 peratus berbanding jadual yang ditetapkan dalam program kerja. Misalnya Sekolah Kebangsaan Paku Central, Sarawak. Sepatutnya siap pada 16 Mac 2023. Itu pun selepas kelulusan EOT tetapi kemajuan kerja di tapak hanya mencapai 43.3 peratus berbanding kalau ikut penjadualan sepatutnya 86.6 peratus.

Satu lagi ialah Sekolah Kebangsaan Kipaku, Sabah. Sepatutnya dah siap tapi kemajuan kerja di tapak hanya mencapai 98 peratus dan sebagainya. So, ini adalah contoh di Sekolah Kebangsaan Kipaku, Sabah. Kerja pembinaan masih lagi dilaksanakan. So, sebab itu projek lewat siap.

Tadi ada tentang soalan tentang prestasi perbelanjaan projek daif rendah yang mana hanya sejumlah RM715.55 juta ataupun 69.7 peratus telah dibelanjakan setakat 31 Disember. Daripada 1.026 bilion yang diperuntukkan untuk 386 projek daif bagi tempoh yang sama iaitu 2019 hingga 2022.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Saya hendak tanyalah Datuk. Yang duit RM 1.026 bilion ini, duit itu memang dah ada dekat kementeriankah ataupun bagaimana? Ada dekat Kementerian Kewangankah ataupun – *RM1.026 bilion* itu. Bila dah diperuntukkan, so dia park terus kepada kementeriankah macam mana?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Kalau ikut peruntukan semasa pada tahun itu, memang telah disalurkan mengikut kelulusan yang telah di – so memang dah ada dengan KPM-lah.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Pengerusi saya ada satu soalan. Peruntukan sebanyak RM1.026 bilion ini. Adakah ini termasuk dana khas untuk Sarawak yang berjumlah RM1 bilion itu? Adakah ia satu yang berlainan bajet?

Peruntukan khas RM1 bilion untuk Sarawak itu. Dia tambahan daripada yang dibuat oleh KPM itu.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** YB, memang kita letak juga dalam laporan. Kalau ikutkan *para* 1.6, ini kita *quote*-lah. Mengikut rekod KPM, sejumlah kos siling yang telah diluluskan ini dan ia melibatkan dana pembangunan, inisiatif pembiayaan swasta dan juga RM1 bilion dana pembangunan khas. Tapi *it's a* – mungkin YB boleh tanya terus kepada kementerian tetapi ini berdasarkan maklum balas yang kita terima daripada KPM, termasuk. *That includes*.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Okey, okey. Nanti tanya KPM.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** *But it's recorded. It is inclusive*-lah kalau ikutkan. Saya terus YB ya. Tujuh sekolah yang masih menggunakan bangunan ruang yang – kesan kelewatan pelaksanaan projek ini seperti yang kita sebut adalah kerana prestasi perbelanjaan projek daif yang rendah dan ada – mengikut rekod, ada tujuh sekolah yang masih menggunakan bangunan atau ruang yang telah disyorkan tidak selamat oleh JKR kerana kekurangan ruang tetapi masih digunakan kerana terdapat kekurangan ruang di sekolah untuk penempatan sementara murid. Misalnya, ini yang telah kita bangkitkan. Sekolah Kebangsaan Binsulok, Sabah.

Projek daif sebenarnya telah diluluskan pada tahun 2020. Bagaimanapun, kita dapati sehingga 31 Disember 2022, pelantikan kontraktor belum buat – masih belum dibuat dan satu blok mengandungi lima bilik darjah masih digunakan disebabkan tiada ruang di sekolah untuk dijadikan sebagai penempatan sementara.

Sebahagian sekolah pula telah membuat penyuraian penempatan sementara murid dengan menjadikan bangunan atau ruang khas bagi bilik darjah. Bagaimanapun, kita dapati penempatan sementara itu masih juga tidak kondusif. Jadi perkara ini juga kita telah tekankan semasa proses pengauditan dan *alhamdulillah I think* ini sudah pun menjadi dasar bagi kementerian untuk menyediakan ruang untuk penempatan sementara.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Datuk Wira Pengurus, nak tanya ya. *Just to be confirmed*, nak *confirm*-kan yang 12, tujuh itu semua, adalah bilangan daripada sampel yang diambil. Betul ya?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Betul

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Daripada 60 itu. *So we just got to take note. It's 12 out of the 60. Not the total number.*

**Seorang Ahli:** *[Berucap tanpa pembesar suara]*

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** 60, 60. Daripada lawatan fizikal yang telah dilaksanakan itu. Sebab itu lebih fokus kepada Sabah, Sarawak, Kedah dan sebagainya.

Seterusnya berkaitan dengan 1,094 sekolah yang masih belum diangkat permohonan sebagai projek daif. *[Merujuk kepada slaid pembentangan]* Sehingga 31 Disember 2022, sekiranya YB ahli-ahli PAC boleh melihat kita merujuk kepada yang warna biru iaitu sehingga 31 Disember 2022, di mana 205 atau 18.7 peratus sekolah yang telah diperiksa dan mendapat syor JKR. Nama permohonan masih belum diangkat pada ketika itu untuk pelaksanaan projek daif.

#### ■1040

Pemeriksaan telah dibuat antara 2010 hingga 2021 iaitu antara satu hingga 13 tahun. Manakala 889 ataupun 81.3 peratus sekolah masih belum diperiksa oleh JKR pada ketika itu.

Kesan daripada kelewatan atau permohonan projek daif ini kita dapat adalah PDP tidak dapat dilaksanakan di ruang atau bangunan yang selamat atau mungkin tidak kondusif. Misalnya yang contohnya di Sekolah Kebangsaan Siong, Kedah. Ini adalah bilik darjah pendidikan khas yang dalam keadaan mereput dan usang dan disahkan tidak selamat oleh JKR sejak 8 Mei 2019.

Juga di Sekolah Kebangsaan Tambatuan Sabah, ini adalah kita lihat memang tidak kondusiflah untuk diteruskan kelas pada ketika itu. Satu lagi ialah di Sekolah Kebangsaan Ng Jagau, Sarawak. Kegagalan cerun dan mendapan tanah yang kita lihat agak ekstremlah untuk disahkan. Memang tidak disahkan selamat oleh JKR sejak 4 September 2015. Seterusnya ada satu lagi ialah di Sekolah Kebangsaan Rantau Dilang di Sarawak. Keretakannya agak ekstrem.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Penggerusi PAC]:** Datuk Wira Penggerusi, boleh saya tanya?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Selepas...

**Puan Wong Shu Qi [Naib Penggerusi PAC]:** Datuk, saya ingin tanya. Jadi kalau kita rujuk kepada slaid kesembilan, pada hujung tahun 2022, masih ada 889 buah sekolah yang belum diperiksa oleh JKR. Tapi bilangan ini turun kepada 153. Jadi adakah ini bermakna bahawa dalam tahun 2023 iaitu tahun lepas, JKR sudah siap memeriksa 736 buah sekolah? Mereka memang laksanakan banyak kerja tahun lepaslah?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Betul. Sebab itu kita nak tunjukkan selepas teguran Audit dan selepas proses pengauditan dijalankan, kita dapat dalam tempoh setahun itu banyak yang telah dilaksanakan

oleh pihak JKR untuk memeriksa. Sebab kelulusan permohonan telah pun dapat dan peruntukan pun dah ada tapi yang penting ialah kena ada pemeriksaan JKR. Kita dapat prestasi meningkatlah amat baik sekali pada tahun lepas. *That is why* kita bawa kepada perhatian Ahli Mesyuarat PAC pada hari ini.

Saya *just* ingin *highlight* di sini iaitu selepas pengauditan dijalankan, KPM telah pun mengambil tindakan-tindakan seperti berikut. Ini berdasarkan maklum balas dan juga sesi perbincangan semasa *exit*. Kita juga telah mendapat perakuan tentang perkara-perkara ini di mana 941 sekolah ataupun 86 peratus sekolah telah pun diperiksa oleh JKR, di mana 50 sekolah diluluskan di bawah projek daif di bawah RMKe-12 RP3 tahun 2023, 54 sekolah telah diangkat permohonan kepada Kementerian Ekonomi di bawah RMKe-12 RP4 tahun 2024, 629 sekolah telah disyorkan kerja naik taraf tapi belum diangkat untuk kelulusan, 62 sekolah telah dilaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan, 73 sekolah dirancang untuk diangkat di bawah RMKe-12 RP4 tahun 2025 dan 73 sekolah belum diangkat kerana isu tanah. Manakala 183 yang YB sebut tadi masih lagi sedang disemak, diperiksa oleh pihak JKR.

Kita juga mendapat maklum balas positif daripada pihak KPM dan Kementerian Ekonomi. Mereka memberikan komitmen untuk mengadakan lawatan tapak dan tindakan intervensi terhadap projek-projek lewat dan pemantauan yang lebih ketat tentang prestasi projek dan sebagainya.

Satu lagi yang kita juga dapat ialah tentang komitmen daripada Kementerian Ekonomi untuk mengambil kira kos projek daif termasuk sewaan kabin bagi tujuan penyuraian dan penempatan murid dalam kelulusan pelaksanaan projek daif tahun 2023 ini kita tekankan juga. Sebab seperti yang saya sebut tadi, walaupun telah pun diperakuan oleh pihak JKR, memang tak boleh, *not suitable* untuk diguna pakai tapi sekolah tak dapat pindah kerana tidak ada ruang dan sebagainya. Jadi hasil daripada pengauditan, Kementerian Ekonomi telah mengambil kira kos projek untuk pemindahan termasuk sewaan kabin dalam pelaksanaan projek daif. Ini satu perkara yang penambahbaikan atau pembaharuan yang kita amat alu-alukan.

Seterusnya YB ialah...

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Datuk Wira Pengurus, boleh tanya sikit? Pada muka surat sembilan, di bawah telah diperiksa JKR *on the 31st December 2022*. Terdapat 205 sekolah iaitu 18 dan tujuh peratus. Di bawah itu ada nota mendapat syor JKR antara satu sehingga 13 tahun tapi kenapa tak dilaksanakan? 13 tahun pun ada ini dan JKR sudah bagi syor. Apa pandangan Ketua Audit Negara? Apa sebabnya? *I think this is something but it is a good*

*observation* lah. One to 13 years, maybe five years, six years, seven years tapi tak ada tindakan diambil.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Ini pemerhatian ataupun *observation* juga daripada pihak JAN di mana kita dapat pemeriksaan telah pun dibuat. Sebab itu saya sebut tadi YB, ada tapak-tapak sekolah ini sebenarnya telah disahkan tidak selamat oleh pihak JKR. Misalnya ada satu sekolah tadi, sejak tahun 2015 sepatutnya dah tak boleh diduduki. Tapi masih lagi diguna pakai. Ada satu yang sekolah gambar 16 tadi. Kalau ikutkan ini kegagalan cerun dan mendapan tanah ini JKR dah perakuan sejak 4 September 2015 tidak selamat. Tapi masih terpaksa digunakan sebab kemungkinan tak ada tapak lain dan sebagainya.

**Datuk Wira Mas Ermeyati bin Samsudin [Pengerusi PAC]:** Maksudnya yang bila kata dapat syor JKR satu ke 13 tahun maksudnya ada sekolah yang 13 tahun dah dapat syor, bangunan ini tak selamat dan sebagainya, betul?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Ya.

**Datuk Wira Mas Ermeyati bin Samsudin [Pengerusi PAC]:** Tapi belum buat apa-apa?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Tapi masih tak dapat dilaksanakan, jadi inilah yang kita dah *point out* semasa proses pengauditan. Sebab itu saya sebut tadi beberapa komitmen yang telah diberi oleh pihak KPM dan Kementerian Ekonomi untuk menangani isu ini.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Saya nak tanya Datuk, yang ini berapa pelajarnya? Berapa pelajar, berapa guru yang cerun ini?

**Datuk Wira Mas Ermeyati bin Samsudin [Pengerusi PAC]:** Lagi satu, Datuk. Jumlah ini, okey 1,094 sekolah belum diangkat permohonan projek daif. Betul? Telah diperiksa, ada yang belum diperiksa. Jumlah 205 dengan 941, dia bukan total kepada 1,094?

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Atas ke bawah.

**Datuk Wira Mas Ermeyati bin Samsudin [Pengerusi PAC]:** Atas ke bawah. Oh, atas bawah. Okey. *All right.*

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Atas bawah. Bukan tepi campur tepi.

**Datuk Wira Mas Ermeyati bin Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Boleh saya tambah soalan?  
Terima kasih Datuk Wira Pengerusi.

Dalam carta proses permohonan itu, ada maknanya tujuh susur galurnya itu daripada proses awal sekolah laporkan kondisi bangunan dalam EMIS ini dan hingga yang terakhir tujuh itu KPM kemuka permohonan projek daif kepada Kementerian Ekonomi. Jadi ketujuh-tujuh peringkat ini, peringkat mana yang nampak paling perlahanlah prosesnya itu?

**Seorang Ahli:** JKR.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Sebab ada peringkat itu dia tidak ada maksudnya *timeline* untuk nak disiapkan dalam proses permohonan itu.

#### ■1050

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Yang Berhormat merujuk kepada slaid mana, Yang Berhormat?

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Saya merujuk dalam slaid yang *di-print out* itu. Pengurusan naik taraf dan pembangunan itu. *[Disampuk]* Proses pembangunan.

**Puan Raftah binti Ibrahim [Jabatan Audit Negara]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Dia kata, dekat mana yang paling kritikal...

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Ada satu sekolah ini, memang sebelah rumah saya ini. SMK Seri Enggang, Gambar 1. *[Ketawa]* Asrama telah dikosongkan dan dalam permohonan penggantian. Memanglah, ini sudah lama dimohon kepada saya. Saya pun buat – nak masuk sekolah pun tak boleh sekarang, nak pergi tengok. *[Ketawa]* Boleh PAC turun selepas ini.

**Puan Raftah binti Ibrahim [Jabatan Audit Negara]:** Okey. Yang Berhormat, untuk yang bilangan murid tadi adalah sekolah kecil iaitu kurang daripada 100 lah muridnya. Okey. Untuk proses tadi, kalau Yang Berhormat merujuk kepada proses permohonan projek daif ya, slaid yang ini, buka slaid ini, okey.

Kalau kita tengok dekat sini bahawa sekolah sebenarnya setiap bulan dia akan *update* dalam EMIS, dalam itu tetapi PPD ini, untuk dia buat lawatan, dia tidak tetapkan. Yang itu kami tak dapat ukur sebab dia tak ditetapkan. Ada yang seminggu selepas. Ini ada juga yang mengambil sehingga setahun, dua tahun. Dia *depends* kepada sekolah di bawah kementerian dan PPD. Jadi, yang itu memang tidak ditetapkan tempoh masa tetapi biasanya, pada tahun yang sama, dia akan buat pemeriksaanlah.

Okey, untuk sekolah, PPD lapor kepada JPN pun tiada tempoh masa tetapi biasanya, yang ini tidak mengambil masa yang lama. Dalam seminggu dua, dia akan laporkan. Cuma, JPN mohon kepada JKR, yes. Ada ditetapkan, tempoh masa dalam 14 hari. JKR buat pemeriksaan dalam tempoh 30 hari. Memang pada kebiasaannya JKR buat tetapi ada jugalah yang mengambil masa yang lebih.

Okey, biasanya, isu yang berbangkit adalah untuk KPM angkat kepada Kementerian Ekonomi. Itu yang biasanya mengambil masa yang lama untuk KPM angkat kepada Kementerian Ekonomi itulah, biasanya ini.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]:** Kerana, *delay* ini adalah kerana ia perlu melalui proses-proses seperti yang kita telah bincang tadilah. NOC dan cari tapak dan sebagainya.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Datuk, teruskan sampai habislah sebab kita tinggal lagi dua *page* kan?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Okey, 3 *page* Yang Berhormat.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Selepas itu, kita dah nak dekat pukul 11 ini, *insya-Allah*.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Okey. Terakhir, berdasarkan – jadi terus kepada rumusan. Secara keseluruhannya, berdasarkan laporan LKAN tahun 2022, JAN telah merumuskan bahawa prestasi pengurusan naik taraf dan pembangunan semula bangunan daif di sekolah adalah kurang memuaskan. Ini kerana hanya 411 ataupun 27.3 peratus daripada 1,505 sekolah yang dikenal pasti mempunyai bangunan daif yang diangkat permohonannya untuk pelaksanaan. Setakat 31 Disember 2022, daripada 386 projek daif yang dilaksanakan, hanya 123 atau 31.9 peratus pada ketika itu telah siap, 93 projek daif masih di peringkat pembinaan dan 170 projek belum dimulakan.

*Alhamdulillah*, kita nampak selepas teguran Audit dan sebagainya, terdapat peningkatan yang agak mendadak juga daripada segi pelaksanaan sekolah-sekolah projek daif. Selain itu, permohonan pelaksanaan projek daif juga yang belum diangkat pada ketika itu adalah sebanyak 1,094 ataupun 72.7 peratus sekolah. Ini juga, kita nampak ada peningkatan yang ketara.

Syor Audit yang telah kita mengatasi kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan. Pihak Audit mengesyorkan tiga tindakan utama. Pertama iaitu KPM perlu mengangkat lebih banyak permohonan projek daif kepada Kementerian Ekonomi untuk kelulusan bagi memastikan sekolah yang telah dikenal pasti, macam tadi Yang Berhormat ada sebut sampai ada yang melebihi 10 tahun, mempunyai pembangunan, bangunan daif dengan segera.

KPM pula perlu melaksanakan sesi libat urus dengan semua pihak yang terlibat supaya keperluan setiap agensi berkenaan dapat diselaraskan dan pembangunan sekolah menepati keperluan pengguna. Kita dapat mengelakkan NOC dan perubahan tapak dan sebagainya kalau persediaan lebih rapi dapat dibuat di peringkat awal.

Pelaksanaan projek juga perlu dipantau supaya projek daif dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan yang ketiga adalah KPM hendaklah menyediakan perancangan penyuraian murid bagi sekolah yang dikenal pasti mempunyai bangunan daif supaya PdP dapat dilaksanakan dalam keadaan yang selamat dan kondusif.

Keempat ialah KPM perlu melaksanakan penyelenggaraan secara berkala bagi memastikan bangunan sekolah sentiasa berada dalam keadaan yang selamat dan kondusif.

Akhir sekali ialah tentang status AG's *Dashboard* yang dilaksanakan susulan audit oleh pihak JAN. Isu yang dibangkitkan mengenai pengurusan naik taraf dan pembangunan semula bangunan daif sekolah telah pun dimasukkan dalam AG's *Dashboard* untuk tindakan pihak *auditee* dan terdapat tiga isu yang telah dibangkitkan dan buat masa ini, kesemuanya masih dalam tindakan iaitu dari segi pencapaian output, pencapaian keberhasilan dan pengurusan projek daif.

Walaupun kita nampak ada penambahbaikan tetapi kita masih lagi memantau daripada segi ketiga-tiga isu ini dan ia masih kuning dan tidak – sehingga kita benar-benar puas hati sebelum dihijaukan. So, sekian Yang Berhormat, pembentangan daripada JAN.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey. Saya buka kepada Ahli Yang Berhormat untuk tanyakan soalan. So, kita selesaikan dalam pukul 11.15 ya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Tuan Pengerusi, boleh saya minta Ketua Audit Negara untuk bagi senarai 10 sekolah yang paling daif mengikut susunan. *The most daif*, nombor 1 sampai 10 sebab *you* pernah turun 60 kan? So, kita nak yang 10 senarai yang terdaif. Terima kasih.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Ya. Boleh, Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Bagi *later* tak apa. Bagi *later* pun tak apa.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Ya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Mungkin kita – mungkin nak pergi lawatlah.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Boleh, Yang Berhormat. Ini masih berdasarkan pensampelan yang telah diambil. Kita boleh bagi *the top 10* lah, ya. Boleh bagi. Nanti akan dikemukakan oleh pegawai JAN.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey. *On top of that*, permohonan daripada Yang Berhormat Bayan Baru ini, saya nak minta 10 juga senarai sekolah yang Audit tak turun tetapi daif, yang inilah. Boleh? Yang dikenal pasti tetapi yang Audit tak turun.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Kita boleh bagi tetapi kita tak boleh nak perakukanlah daripada – sebab kita tak turun fizikal.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, tak apa. Kita nak tengok saja. *Thank you.*

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Boleh bagi, Yang Berhormat.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Datuk Wira Pengerusi, satu soalan. Satu daripada kriteria yang menetapkan 60 sekolah itu adalah bilangan projek sekolah daif. Sabah, Sarawak, Kedah dan Perak tetapi kalau ikut statistik ini, ada nombor ini, Johor mempunyai 94 sekolah daif, tidak dimasukkan *in your sampling*. Ada sebab-sebab tertentu tak?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Okey. Kriteria pemilihan sampel ini, seperti saya sebut tadi kerana bilangan tertinggi projek dilaksanakan di negeri-negeri tersebut. Tunjuk yang *state* itu. *[Merujuk pada slaid pembentangan]* So, kalau kita tengok projek itu, kita tengok projek yang sedang dilaksanakan.

So, sebab itu kita turun di Sarawak, ada 189. Daripada 593 itu, 189 sedang dilaksanakan. Sabah 132, Kedah 14 dan Perak, 8. Johor tidak dipilih kerana bilangan projek yang dilaksanakan adalah rendah iaitu hanya tujuh. *So, that is why they focused and Sarawak pun besar.* So, kita nak lebih *coverage* kepada negeri-negeri yang dilihat banyak projek yang dilaksanakan sebab kita nak tengok dia dilaksanakan dengan baik. So, Johor hanya tujuh sahaja yang dilaksanakan pada ketika itu.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Datuk, nak tanya. Di Sabah dengan Sarawak inilah ya. Dia punya taburan. Taburan sekolah-sekolah daif ini.

## ■1100

Adakah dia menyeluruh mengikutkan bahagian-bahagian atau daerah ataupun bertompok-tompok *clustered into a few places? How is* dia punya ini? *Actually real situation* dan taburannya.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Secara amnya bertaburan tapi kebanyakannya adalah— *I think* semua adalah di luar kawasan pedalaman. *Hinterland*, dalam-dalam. So, sebab itu proses pengauditan pun mengambil masa yang agak lama juga sebab kena di kawasan luar bandar. So, itu satu perkara yang kita nampak jelas di Sarawak, misalnya YB. Sarawak dan Sabah jugalah, kan?

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Daripada segi dia punya pemantauan, daripada segi *the PPD itself*. Kalau dia bertaburan, maknanya dia akan pecah-pecah

sikitlah kerja. **Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Susah sikit nak memantau lauh.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Kalau dia saja tempat itu dan dia cover semua benda itu, itu yang tadi itu 100 lebih itu, ramai juga. Kalau dia telan tanah apa itu, kan?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Waktu taburan pensampelan itu lebih di Sabah dan Sarawak sebab besar dan juga kita banyak pelaksanaan dia. Ada saya nampak tadi YB...

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Saratok.

**Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]:** Eh? Belum diangkat permohonan pelaksanaan projek daif. Belum diperiksa, 889 sekolah setakat *last year*? 2022.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** 2022.

**Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]:** Okey, satu. Maknanya belum ada tindakan apa-apalah?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Sekarang dah ada. Tadi ada satu slaid *towards the end* itu, kita... *[Merujuk pada slaid pembentangan]* Yang ini YB kalau 2022, 889. *Last year* kita nampak dalam satu tahun ini banyak mereka telah turunlah.

**Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]:** Perubahan. Okey.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** So, *backlog* itu dah berkurangan.

**Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]:** Okey, cuma saya nak dapatkan *clarify*. Pihak kementerian mengharapkan semata-mata kepada JKR untuk menyemak, untuk membuat...

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Itu proses dia, YB.

**Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]:** Proses dia, okey.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** So...

**Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]:** Adakah kementerian ataupun Jabatan Pendidikan Negeri ataupun PPD mempunyai pegawai teknikal sendiri?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Ada, kan?

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ada, ada.

**Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]:** Ada, ya? Okey, kalau ada okey. Sebab saya tengok juga masa yang diambil antara JKR untuk buat penilaian dan sebagainya makan masa jugalah. Macam sekolah yang tak selamat. JKR mungkin

ambil masa tetapi pegawai-pegawai teknikal daripada PPD sendiri boleh tengok bahawa sekolah itu dah tak selamat. Cuma nak dapatkan laporan pengesahan daripada JKR itu wajib, kan?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Ya.

**Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]:** Tetapi dah ada tindakan awallah sebenarnya. Saya pun tak fahamlah kenapa bila sekolah itu dah nak dibuat, tapak tak sesuai, tak cukup kawasan, sebagainyalah. Sepatutnya daripada awal lagi dah tahu. Tak apalah nanti kita tanya kepada kementerian.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** So, ini nak *just* nak tunjuk ini adalah proses di bawah EMIS dan bila dia dah *trigger* katakan kawasan daerah itu dia tengok sekolah itu, dia dah nampak sekolah itu tak selamat sebab dia buat berkala. Bila dia tengok tak selamat dan dia akan terus— bila dia masuk skala 6 dan skala 5 dia dah masuk, dia dah *trigger*. Dia ada *trigger points* dia. Yang itu bila masuk itu dia kena— kementerian akan turun dan JKR akan turun dan sebagainya. So, memang ada di peringkat daerah pun ada dia punya jurutera untuk memantau. Sepatutnyalah, ini ikut sistem dia.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Nak tanya Datuk, saya tengok skala 6 dan 7 dia sama saja tapi 6 belum disahkan oleh JKR, kan?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Ya, dia punya itu.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** So, berapa peratus agaknya yang skala 6 ini bila JKR kata, “*It's okay. Dia tak jadi tujuh*”, ke macam mana? Ke *100 percent*, yang 6 jadi 7?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Yang kita tengok 889 itu adalah bila dia dah masuk 6 dan 7 itulah, YB.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** *Actually* dia punya *defect* itu memang samalah, kan? Kerosakan itu.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Ya. Ia dah masuk dia punya *trigger point*.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** *Hello.* Saya— ini isu yang besar, sekolah daif ini sebenarnya. Jadi, kita mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Audit telah *highlight* isu ini yang dari dulu lagi membenggu Sabah dan Sarawak.

Sebagai contoh, kawasan saya Saratok ada lebih kurang 48 buah sekolah rendah. Saya rasa 80 peratus adalah daif. Saya pernah melawat hampir ke semua sekolah tersebut. Ada yang nak runtuh, ada yang runtuh pun. Masa orang tinggal situ, runtuh. Ada. Ini betul-betul. Memang menyedihkanlah.

Kebanyakan sekolah ini ramai cikgu daripada Semenanjung yang sebenarnya bertugas di sana dan mereka sampai sana memang mahu menangis melihat sekolah. Jadi, kenapa sebenarnya sampai 13 tahun untuk syor JKR itu diangkat? *Feedback* yang kita dapat daripada JKR pun, kalau kita nak angkat pun kerajaan tak ada duit nak buat. So, kita tak perlu angkatlah. So, ini yang memerlukan satu pemikiran baharu untuk mengatasi masalah sekolah daif di Sabah dan Sarawak.

Kebanyakan sekolah tersebut dibuat tahun 60-an, 70-an diperbaui daripada kayu. Ada yang dia *repair*, diperbaiki oleh penduduk tempatan, PIBG dan kita sebagai YB pun menyumbangkan sedikit sebanyak dana untuk *repair* sekolah. Kebanyakan sekolah tersebut dia orang *repair* itu secara gotong-royong, ibu bapa untuk mengurangkan kos dia. Memang kesianlah tengok tapi apa boleh buat itu sebelah, sebahagian daripada sesuatu yang perlu dibuat oleh komuniti setempat.

Jadi, isu sekolah daif ini memang satu isu yang besar untuk Sabah, Sarawak dan pihak audit memang membuat satu teguran yang amat baik sekalilah. Bertepatan sekali walaupun dah lambat sikit tapi tak apa. Jadi, saya sebagai wakil rakyat di Sabah, di Sarawak kita nak isu ini menjadi isu nasional. Sebab banyak sangat sekolah ini. Macam tak percaya orang tengok. Saya pergi melawat ke Kalimantan, dulu Kalimantan 70-an, *diaorang* kurang pada kita sekolah. Sekarang dia baik daripada kita. Macam tak ada perubahan. Ada sekolah di Sarawak itu, katil yang saya tinggal dulu itu pun masih ada sampai sekarang. *[Ketawa]*

Betul. Itulah kenyataan dia. Jadi, nanti banyaklah soalan kita kepada KPM dan JKR sebenarnya. Sebab JKR pun cakap, “*Kita nak buat isu pun tak ada guna, tak ada bajet*”. Itu memang selalu dia dan bajet itu balik kepada Parlimenlah, wakil rakyat dan kepada KPM.

Jadi, sebab itu kita nampak kebanyakan YB Sabah dan Sarawak memang *highlight* isu ini setiap kali dalam persidangan Dewan. Sedar tak? Memang betul. Jadi, itulah *observation* saya dan kita pun nak melawat ke beberapa sekolah di Sabah dan Sarawak. Nantilah sebagai PAC dan kita akan *highlight* isu ini sebagai isu nasional.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Kita tengok yang katil YB itulah. Kita boleh *recommend* Arkib Negara.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Katil itu.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Jangan buang lagi. Tunggu dulu. Nanti kita pergi tengok dulu. Katil jangan buang lagi.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** *[Ketawa]* Katil itu dah berubah beberapa kali dah, dia orang ubah. Tapi itu memang satu yang kenyataanlah. Kita tidak dapat

elakkan daripada tuduhan-tuduhan daripada rakyat setempat yang menyatakan kerajaan tidak serius menangani isu sekolah daif ini. Jadi, saya tak ada soalan yang spesifik. Cuma itu pandangan sayalah. Terima kasih.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Terima kasih YB. Saya tak nak komen yang lain. Saya *just* nak kata memang bagi Jabatan Audit Negara dan saya sebagai Ketua Audit Negara, kita memang mengambil serius pada isu ini. Bila kita buat *exit conference* pun kita melihat isu ini secara praktikal. Bagaimana kita boleh mencari, membantu mereka untuk mencari penyelesaian yang lebih praktikal. Sebab itu bila kita— cadangan kita dan *alhamdulillah* kementerian pun nampak positif.

Cadangan untuk— katakan bangunan itu memang dah tak selamat. Keluarkanlah budak-budak itu dan itu kita penempatan atau kabin dan sebagainya supaya mereka boleh meneruskan pembelajaran dalam satu persekitaran yang lebih kondusif.

So, ini dah masuk dalam oleh Kementerian Ekonomi (KE) dalam bajet, perancangan bajet dan sebagainya. Sebab itu kita kalau YB tengok dalam AG Dashboard kita, kita masih tak hijaukan sebab kita nak memastikan ada betul-betul peningkatan. Ada perkara-perkara ini diambil tindakan dengan sewajarnya. So, tapi soalan ini lebih baik ditujukan kepada *auditee*. Terima kasih.

#### ■1110

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Tuan Pengerasi, saya juga ada sedikit komenlah ya. Walaupun ini bukan jawapan – saya bukan tunggu jawapan daripada Ketua Audit Negara tetapi saya pun tuju kepada Kementerian Ekonomi dan juga kepada MOF. Kalau kita tengok prosiding semalam dan prosiding hari ini, prosiding semalam kita berbelanja RM1 bilion untuk ramalan banjir yang tidak berjaya langsung ya, *failed*.

Di sekolah ini, sekolah ini daif ya. Murid-murid ini semuanya kekurangan peruntukan dan kita hanya bagi RM1 bilion untuk mereka baiki sekolah daif. Kalau saya, saya rasa Kementerian Ekonomi, kalau boleh kita angkatlah RM1 bilion yang ramalan banjir, buatlah sekolah. Itu lagi penting daripada ramalan dan – yang tidak ada ramalan pun, tidak dapat menyelesaikan masalah banjir pun ya. Jadi, ini adalah masalah peruntukan yang tidak – *what is the priority, you know? When you want to do something, what is the priority?* Kalau – duit banyak, betul. Tetapi duit digunakan di tempat yang salah. Tidak – bukan *priority*. Terima kasih.

**Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]:** Saya nak tanya Datuk Ketua Audit, *among all these years, is there any improvement? Because we know that* ini memang masalah yang sudah bertahun-tahun. *Maybe 10 years ago we already have this*

sekolah daif, menaik taraf ada masalah. So, if you see audit report, is there any, you know, the past maybe five years improvement like actually sudah berkurangan, daripada JKR dan pendidikan already have more, all is like getting serious. So that we actually know that they – we tahu masalah di mana then how are we going to improve.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Mungkin sementara menunggu itu, pernah tak audit buat audit untuk sekolah-sekolah daif ini?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Ya, itu soalan saya YB juga. Ini, it seems it's the second time-lah. Before that was back in 2018, then ini adalah kali kedua tetapi kali ini – yang itu tahun 2018 itu hanya Sabah dan Sarawak. So – dan kali ini adalah kawasan – tetapi masa dulu maybe AG's Dashboard tak ada. Kali ini kita ada. Sebab itu kita akan pantau perkara ini dan kita ada juga proses melalui AG's Dashboard yang akan dipengerusikan oleh saya dan juga KSP di mana kita akan panggil auditees ini untuk menjelaskan apa tindakan yang telah diambil bagi isu-isu ini.

So, kita juga akan – we will make sure bagi pihak-pihak Jabatan Audit jugalah apa yang dari segi komitmen mereka untuk isu-isu ini. So, short answer to your question YB, maybe I cannot say setahun – baru setahun lagi. Selepas kita dah buat teguran audit itu, kita nampak dalam tahun 2023 itu but adalah traction but I think maybe we need another one or two more years to say that ada peningkatan but ongoing monitoring-lah daripada Jabatan Audit dan juga kementerian.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Datuk Wira Pengerusi, sebelum Ketua Audit Negara beredar, satu benda saya nak tanya. Kalau kita buat audit sekolah-sekolah daif ini, saya rasa perlu juga kita letakkan bilangan pelajar di sekolah yang berkenaan. Kita tengok how serious the whole thing that has the great impact. Bilangan pelajar. Ini sahaja pengalaman saya yang lalulah Datuk.

Dulu saya belajar Darjah Empat di sekolah di Sungai Limau. Masa itu sekolah saya sekolah kayu. Di bawah lantai bukan simen. Bukan apa tetapi tanah. Di atas bumbung bila-bila masa boleh runtuh. Bila hujan turun, cikgu akan minta kita masuk bawah meja. Takut bumbung jatuh kepala. Masuk bawah meja, air naik. Kaki habis basah. Saya tengok banyak sekolah di Sabah dan Sarawak masih lagi macam kita di Semenanjung tahun 60an. Ini perlu diambil serius perkara inilah. Terima kasih Datuk Wira Pengerusi.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Sikit lagi. Ada kaitan tentang proses permohonan ini. Terakhir, yang ketujuh itu, tadi data yang dibentangkan sebentar tadi. KPM kemukakan permohonan projek daif kepada Kementerian Ekonomi. Jadi, audit melihat kenapa bajet besar itu, bajet induk itu

diletak di Kementerian Ekonomi? Kenapa tidak langsung daripada bajet kita nasional ini *direct* ke KPM? Jadi, bagaimana proses dia orang punya buat *decision* itu? Kalau kita okey kita akan panggil KPM kan, KPM kata kami tunggu bajet daripada Ekonomi. Jadi, masing-masing maknanya menyalahkan pihak lain pulalah.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Proses YB sebab kalau *all the development projects* kena melalui Kementerian Ekonomi. So, *that is* – kita hanya memaklumkan tentang proses yang perlu dilalui sekiranya ingin memohon kelulusan untuk DE. So, walaupun kementerian yang bertanggungjawab adalah KPM tetapi dia mesti masih lagi perlu menyeluruh permohonan itu kepada KE-lah, Kementerian Ekonomi. Kalau dulu EPU. So, *that – we are only reporting the process* YB.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Saya ada dua perkara ya. Pertama, pasal *sampling* tadilah. Saya rasa tak berapa puas hati. Johor, kita ada 94 sekolah daif. Kalau ikut yang *page 14-9* dalam laporan ini, daripada 94 itu 10 permohonan projek daif dah ada. Bandingkan dengan Perak, 50 sekolah, 10 permohonan dan *sampling* telah diambil untuk pihak – Johor, permohonan 10, bilangan *almost doubled* daripada Perak tetapi *sampling* tidak mengambil kira Johor. Kenapa saya *highlight* Johor? Satu, saya IC saya 01. Keduanya, 31 Januari ini, Yang di-Pertuan Agong datang daripada Johor. Jadi, benda ini kena lihat secara terperinci jugalah. Saya ingat *sampling* itu *I think, on a serious note*, saya rasa Johor kena *take into account* jugalah.

Keduanya, ini nak kongsilah. Sungguhpun *sampling* dan sebagainya itu. Sekolah di Kuala Lumpur ini, dua hari yang lepas saya pergi ke sekolah di Wangsa Maju. Satu blok itu dah *condemned, unsafe*. Budak kena berterburu kongsi-kongsi *classroom*. Satu bangunan langsung siap, langsung tak boleh masuk. Jadi, itu di Kuala Lumpur. Di ibu negara Malaysia berlaku dan keadaan begitu teruk sekali sehingga biawak rasa saya beranak-pinak bawah bangunan itu. Inilah realiti kita yang ada. Tetapi sekarang ini yang saya rasa isu sekolah daif ini memang saya agree-lah. *It should be a national agenda on this.* Terima kasih.

**Puan Raftah binti Ibrahim [Jabatan Audit Negara]:** Yang Berhormat, penjelasan sedikit tentang pemilihan *sample* ya. Sebenarnya pada peringkat awal, kami pergi kepada tiga negeri iaitu Sabah, Sarawak dan Kedah yang paling tinggi tetapi saya minta tambah satu. Saya bincang dengan *team*, kita perlu tambah satu *sample* lagi. Sebuah negeri lagi untuk kita tengok secara lebih menyeluruh kan.

Jadi, bila itu saya nak fokus pada peringkat itu bila perbincangan peringkat kami, kami nak tengok pula kepada projek-projek yang mana telah diangkat oleh JKR, telah diperiksa oleh JKR tetapi masih belum diangkat. So, bila kita tengok dekat

situ, kita dapat Perak ada sembilan projek manakala Johor ada lima sahaja. Jadi, kami nak tambah *sample* tentang projek-projek yang masih belum diangkat – yang telah diperiksa dan belum diangkat. *That's why* kami tambah di Perak pada masa itu. Pada masa yang sama pun, dari segi bilangan projek yang dilaksanakan, di Perak ada lapan manakala di Johor ada tujuh.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Tak apa, YB. *I think* – kejap Yang Berhormat ya. *Just to respond. I mean this is the benefit of hindsight-lah YB because this was done, the selection* – pemilihan itu dibuat pada tahun 2022 sebelum sebarang perubahan dan sebagainya. *But*, kita ambil maklum dan saya bersetuju. Mungkin sekarang ini di bawah saya, kita akan lebih orang kata *representative of the states*. So, maksudnya kita akan juga – macam tadi YB sebut tentang jumlah pelajar ya dan ini akan lebih, orang kata lebih *practical on the ground*. So, terima kasih atas maklum balas itu.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Okey, Pengerusi. Saya nampak bahawa ini kali pertama kita audit sekolah daif.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Kali kedua?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Kali kedua.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Okey. Bolehkah kita audit lebih kerap lagi-lah tentang sekolah daif ini? Saya rasa ini adalah seriuslah, isu yang— beribu-ribu kan sekolah yang daif?

## ■1120

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Ya, sekarang ini, apa yang kita akan buat— sebab kita dah audit tahun lepas, kita akan susuli juga apa yang kita dah buat kali ini. *Maybe* kita akan tengok— *we will take note also. Some issues* memang nampak kena kerap turunlah ataupun kena kerap memantau apa yang telah dilaksanakan. *So, we will take note of this. This is a very big issue.* Terima kasih, YB.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** *I see the* kesan audit ini. Sebab, selepas Audit turun, dia KPKS itu pun keluar lebih cepat dan sebagainya. Nampaknya ada JKR pun lebih rajinlah kalau Audit turun.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Ya.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Soalan terakhir daripada saya kepada JAN. Saja nak tahu. Sekolah daif di Johor itu yang belum dilaksanakan ataupun yang lewat dilaksanakan, ada nama dan lokasi dan sebagainya? Ada maklumat tak?

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Kita akan bagi *details* tapi daripada— enam ya? *[Merujuk kepada pegawai]* Tujuh? Enam itu, difahamkan ada yang telah dilaksanakan. *But we will give details about that.* Okey.

**Datuk Wira Mas Ermeyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah pun bertanyakan soalan. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Yang Berbahagia Datuk Wan Suraya selaku Ketua Audit Negara, Yang Berbahagia Datuk Nor Salwani dan juga Puan Raftah yang hadir hari ini untuk memberikan taklimat berkenaan dengan isu pengurusan naik taraf dan pembangunan semula bangunan daif di sekolah.

Jadi, kita tangguhkan kita punya mesyuarat. Kita bagi masa lima minit untuk *the next proceeding* selepas ini. Terima kasih semua.

**Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:** Okey, terima kasih, YB.

***[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 11.22 pagi]***



MALAYSIA

## LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Rabu, 17 Januari 2024

Bil. 2 (a) / 2024

### MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

**Prosiding:**  
**Pengurusan Naik Taraf dan Pembangunan Semula  
Bangunan Daif di Sekolah**

- (i) **Kementerian Pendidikan Malaysia**  
YBhg. Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi  
Ketua Setiausaha
- (ii) **Jabatan Kerja Raya**  
YBhg. Dato' Ir. Haji. Badioezaman bin Ab Khalik  
Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya
- (iii) **Jabatan Kerja Raya Sarawak**  
YBrs. Ir. Ts. Br. Dr. Cassidy Anak Morris  
Timbalan Pengarah Infrastruktur
- (iv) **Jabatan Kerja Raya Sabah**  
YBrs. Encik Petrocelli Joseph  
Ketua Penolong Pengarah

PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA  
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA  
RABU, 17 JANUARI 2024**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*  
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang] - *Naib Pengerusi*  
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]  
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]  
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]  
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]  
YB. Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]  
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]  
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]  
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]  
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]

**Tidak Hadir [Dengan Maaf]**

YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]  
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]

**URUS SETIA**

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Kanan (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia)]  
Encik Amirul Ashyraaf bin Zulkifle [Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia)]

**HADIR BERSAMA**

**Jabatan Peguam Negara**

Puan Norilawati binti Ismail [Peguam Kanan Persekutuan, Sektor Penasihat (Bahagian Penasihat, Unit Projek Khas, Jawatankuasa Khas / Majlis Khas)]

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

Encik Nor Zahidi bin Abdul Rahman [Ketua Penolong Pengarah]

**Kementerian Kewangan**

Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]  
Encik Nurul Allbirr bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

**Jabatan Akauntan Negara**

Encik Mohd Sabree bin Yaakub [Timbalan Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA))]

**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia**

Encik Gan Nen Shan [Penolong Pesuruhjaya]  
Encik Gunalan Perumal [Penolong Pesuruhjaya]  
Encik Ng Seh Fern [Pegawai Siasatan]

**Kementerian Ekonomi**

Encik Che Rahim bin Daud [Pengarah (Bahagian Pembangunan Modal Insan)]

**SAKSI**

**Kementerian Pendidikan Malaysia**

YBhg. Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Ketua Setiausaha]  
YBhg. Datuk Masyati binti Abang Ibrahim [Setiausaha Bahagian (Bahagian Pembangunan)]  
YBrs. Dr. Latip bin Muhammad [Pengarah]  
Puan Wan Nor Sakina binti Saad [Pegawai Undang-undang, Penasihat Undang-undang (Pejabat Penasihat Undang-undang)]  
Puan Noriyah binti Kandar [Timbalan Setiausaha Bahagian Kanan (Bahagian Pembangunan, Cawangan Perancangan dan Pengurusan)]  
Puan Nurdina binti Muhammad [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Pembangunan, Sektor Perancangan, Seksyen Khas Pemantauan (Projek JKR))]  
Puan Noordiana binti Khalil [Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Pembangunan, Sektor Perancangan, Seksyen Khas Pemantauan (Projek JKR))]

**Jabatan Kerja Raya**

YBhg. Dato' Ir. Haji. Badioezaman bin Ab Khalik [Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bangunan)]  
YBhg. Dato' Ir. Dr. Balamurugan A/L A Gopal [Pengarah]  
YBrs. Ir. Ahmad Shahruzi bin Ahmad [Pengarah]

**Jabatan Kerja Raya Sarawak**

YBrs. Ir. Ts. Br. Dr. Cassidy Anak Morris [Timbalan Pengarah Infrastruktur]

**Jabatan Kerja Raya Sabah**

YBrs. Encik Petrocelli Joseph [Ketua Penolong Pengarah (Bangunan)]  
Encik Jeffrey @ Jeff bin Ismail [Ketua Penolong Pengarah (Cawangan Arkitek)]

## **LAPORAN PROSIDING**

### **MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KEDUA**

**BILIK JAWATANKUASA 1,  
PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR**

**RABU, 17 JANUARI 2024**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.32 pagi**

*[Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:**

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Selamat datang saya ucapkan kepada Naib Penggerusi PAC Parlimen - YB Wong Shu Qi, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen Ke-15, Ahli-ahli ex-officio PAC daripada Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, SPRM, Kementerian Ekonomi dan juga Jabatan Akauntan Negara. Terima kasih kerana hadir pada Mesyuarat pada pagi ini. Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat sekalian, hari ini PAC akan mendengar keterangan dan penjelasan berhubungan dengan isu pengurusan naik taraf dan pembangunan semula bangunan daif di sekolah yang telah pun dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2022.*

Hadir di hadapan PAC untuk memberikan penjelasan dalam prosiding pada hari ini adalah yang pertamanya Yang Berbahagia Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi - Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Ir. Haji Badioezaman bin Ab Khalik - Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bangunan), Jabatan Kerja Raya yang menjalankan tugas-tugas Ketua Pengarah Kerja Raya, Yang Berbahagia Datuk Masyati binti Abang Ibrahim. Macam nama saya, Mas Ermieyati... *[Ketawa]* Setiausaha Bahagian Pembangunan KPM. Yang Berusaha Ir. Ts. Br. Dr. Cassidy Anak Morris - Timbalan Pengarah Infrastruktur Jabatan Kerja Raya Sarawak dan Yang Berusaha Encik Petrocelli Joseph - Ketua Penolong Pengarah (Bangunan) Jabatan Kerja Raya Sabah.

Untuk makluman saksi-saksi yang hadir, sebentar tadi Yang Berbahagia Datuk Wan Suraya Ketua Audit Negara, telah pun memberikan taklimat terperinci kepada PAC berhubung pengauditan yang dilakukan terhadap isu pengurusan naik taraf dan pembangunan semula bangunan daif di sekolah seperti yang telah pun dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Kita mohon maaf sebab banyak

soalan daripada Ahli-ahli PAC, sampai kita habis yang sepatutnya dijadualkan pada jam 11, terpaksa dilewatkhan.

Jadi, tanpa membuang masa, saya dengan ini menjemput Yang Berbahagia Dato' KSU untuk memulakan pembentangan. Dipersilakan Dato'.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat tengah hari. Salam sejahtera. Salam Malaysia Madani. Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, Dato', Dr., tuan, puan, Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dan juga rakan-rakan ataupun pegawai daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, daripada JKR Malaysia, JKR Sabah dan JKR Sarawak.

Pertamanya, saya mengucapkan terima kasih di atas jemputan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia pada hari ini untuk menjelaskan berkaitan dengan isu Laporan Ketua Audit Negara 2022 iaitu berkaitan dengan Pengurusan Naik Taraf dan Pembangunan Semula Bangunan Daif di Sekolah bersama-sama dengan agensi pelaksana dan rakan strategik KPM iaitu JKR Malaysia, JKR Sabah dan JKR Sarawak.

Kandungan pembentangan saya pada tengah hari ini ialah yang pertamanya, tujuan pembentangan, latar belakang, status pengauditan, isu, ulasan dan syor Audit. Yang kelima, penambahbaikan dan pemantapan pelaksanaan dan yang keenam adalah merupakan hala tuju seterusnya. Tujuan pembentangan kita pada hari ini adalah untuk memaklumkan kepada Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara atau PAC mengenai tindakan susulan Kementerian Pendidikan Malaysia ke atas syor-syor bagi Prosiding Bil.2(a) 2024 berkaitan Laporan Ketua Audit Negara 2022, Pengurusan Naik Taraf dan Pembangunan Semula Bangunan Daif di Sekolah.

Untuk makluman Yang Berbahagia Datuk Wira Pengerusi dan Ahli-ahli PAC, Kementerian Pendidikan Malaysia telah pun mengambil tindakan berdasarkan kepada penemuan oleh Ketua Audit Negara dan Ketua Audit Negara telah pun menerima sebahagian daripada laporan dan telah bersetuju dan hanya ada— pada pandangan kami ialah Yang Berbahagia Datuk Wira, ada tiga ulasan penting yang perlu dijelaskan secara terperinci pada hari ini. Dari segi latar belakang projek...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Sekejap Dato'.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Ya.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Saya— kita bagi selesai dulu pembentangan sebab agak banyak juga ini. Cuma saya harap Yang Berhormat kalau ada perkara yang ini, terus catit muka surat berapa, isu apa dan sebagainya untuk ditanyakan soalan selepas habis pembentangan. Terima kasih.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Terima kasih Datuk Wira. Dari segi latar belakang projek, Kementerian Pendidikan Malaysia amat komited dalam memastikan infrastruktur pendidikan berada dalam keadaan yang selamat serta kondusif untuk sesi pengajaran dan pembelajaran ataupun PdP yang berkesan. KPM telah melaksanakan Projek Pembinaan Semula Bangunan Daif di sekolah seluruh negara bermula pada tahun 2016 melalui perutusan khas mantan Perdana Menteri dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 4 Mei 2016 dan pelaksanaan pemberian sekolah daif dimulakan segera pada ketika itu dengan memberi keutamaan kepada kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak. Projek ini telah diteruskan pelaksanaan setiap tahun melalui *rolling plan* mengikut keupayaan kewangan semasa kerajaan.

Pada 20 Februari 2019, Jemaah Menteri telah memutuskan tawaran dana sebanyak RM1 bilion kepada Kerajaan Negeri Sarawak untuk menampung pelaksanaan Projek Membaik Pulih Sekolah Daif di Sarawak. Manakala, terkini melalui amanat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam ucapan Belanjawan 2023 Malaysia Madani pada 23 April 2023 telah memberikan kelulusan projek baharu dan menegaskan untuk disegerakan pelaksanaan projek ini.

Di dalam slaid yang dikemukakan juga kita ada mendefinisikan sekolah daif dan juga skop projek. Pada awal pelaksanaan sekolah daif iaitu pada tahun 2016, pelaksanaan projek ini bertujuan untuk menyelesaikan isu bilik darjah yang tidak kondusif untuk pembelajaran. Namun, definisi bagi sekolah daif telah diperkemas pada Oktober 2018 dengan merujuk kepada sekolah yang memiliki fizikal, komponen, fasiliti bangunan yang tidak sempurna, tidak berfungsi dan tidak selamat digunakan yang boleh mendatangkan ancaman atau bahaya berbentuk kecederaan.

Projek naik taraf dan membangunkan semula sekolah daif telah dijenamakan pada tahun 2020 kepada naik taraf dan membangunkan semula bangunan daif di sekolah. Ini adalah selaras dengan keperluan untuk memberikan persepsi yang positif terhadap usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan selama ini dalam menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan selamat. Selain itu, skop bagi projek juga telah ditambah baik setiap tahun dengan mengambil kira keperluan ketika itu.

Skop projek pada tahun 2016 yang hanya memfokuskan kepada bilik darjah kini lebih menyeluruh, di mana ia memberi tumpuan bagi menyelesaikan mana-mana bangunan atau fasiliti di sekolah yang tidak selamat digunakan oleh murid maupun guru. Dalam erti kata yang lain, melalui pelaksanaan projek ini, sesebuah sekolah akan berada dalam keadaan yang selamat dan kondusif secara keseluruhannya.

#### ■1140

Setiap sekolah akan dianalisis melalui Skor Gred Impak untuk menyediakan senarai keutamaan pelaksanaan projek. Dalam hal ini, KPM telah menyediakan tujuh skala berdasarkan kepada Skor Gred Impak setiap sekolah. Skala ini menunjukkan tahap keselesaan iaitu— kita boleh merujuk kepada slaid itu. Skala 1 dan skala 2, kefungsian, skala 3 dan skala 4— okey, sorry. Skala 1 dan skala 2 adalah tahap keselesaan; kefungsian skala 3 dan skala 4; dan keselamatan skala 5, skala 6 dan skala 7 sesebuah bangunan di sekolah.

Sekolah yang berskala 1 hingga 5 membabitkan fungsi dan keadaan bangunan di sekolah berdasarkan persepsi pengguna iaitu warga sekolah dengan kerja penyelenggaraan akan dilaksanakan mengikut keperluan. Skala 6 dibuat pengesahan tidak selamat oleh teknikal di PPD atau JPN. Manakala skala 7 dibuat pengesahan tidak selamat oleh JKR. Dalam hal ini, KPM memberikan keutamaan untuk melaksanakan projek penggantian kepada sekolah yang mempunyai bangunan atau fasiliti pada skala 7 dan juga skala 6.

Bermula tahun 2016 sehingga tahun 2024, Kementerian Pendidikan Malaysia telah diluluskan sebanyak 1,069 projek pembangunan semula bangunan daif di sekolah dengan kos peruntukan sebanyak RM8.34 bilion. Sehingga 10 Januari 2024, status terkini pelaksanaan projek adalah 639 projek telah siap sepenuhnya, 150 projek di peringkat pembinaan dan 153 projek di peringkat pra bina. Khusus dalam *Rolling Plan 4* RMKe-12 tahun 2024, KPM telah diluluskan sebanyak 73 projek pembinaan semula bangunan daif di sekolah dengan kos sebanyak RM1.796 bilion.

Khusus bagi Laporan Ketua Audit Negara 2022 ini, sebanyak 398 projek telah diluluskan dari dalam tempoh dari tahun 2019 sehingga 2022 yang dikenal pasti sebagai skop pengauditan. Daripada jumlah ini, hanya 377 projek sahaja yang diteruskan sebagai pelaksanaan projek pembinaan, manakala baki sebanyak 21 projek telah diambil tindakan seperti berikut:

- (i) enam projek diluluskan sebagai perolehan tanah;
- (ii) dua projek diluluskan sebagai projek naik taraf dan senggara; dan
- (iii) 13 projek dibatalkan.

Perincian 21 projek tersebut adalah seperti *hyperlink* yang kita bentangkan di depan iaitu enam projek yang diluluskan perolehan tanah iaitu nama sekolahnya yang terlibat iaitu enam:

- (i) Sekolah Kebangsaan Plaie D C, Sarawak;
- (ii) Sekolah Kebangsaan Batang Lassa, Sarawak;
- (iii) Sekolah Kebangsaan Ulu Kabo, Sarawak;
- (iv) Sekolah Kebangsaan Lubok Tekurok, Sarawak;
- (v) Sekolah Kebangsaan Nanga Kain, Sarawak; dan
- (vi) Sekolah Kebangsaan Rosob, Sabah.

Dua projek yang NOC daripada projek daif kepada projek naik taraf ialah Sekolah Kebangsaan Jalan Bukit Satu, Selangor; Sekolah Kebangsaan Abdul Samat, Selangor dan manakala 13 projek dibatalkan iaitu yang disebabkan pembatalan ini adalah kerana melibatkan skop penyelenggaraan sahaja iaitu daripada sekolah nombor satu bermula daripada Sungai Koyan, Pahang sehingga ke sekolah nombor tujuh. Dia melibatkan penyelenggaraan sahaja dan bukannya projek sekolah daif.

Bagi nombor lapan, sembilan, 10, 11, 12 dan 13— ada disebutkan sebab-sebab pembatalan ialah Sekolah Rosob di Sabah, tapak sekolah sedia ada terlalu kecil dan telah diluluskan semula di dalam RP3 RMKe-12. Maknanya sekolah ini telah diluluskan semula. Sekolah Kebangsaan Long Bemang, Sarawak tapak asalnya adalah tapak mengalami banjir dan telah diangkat untuk perolehan tanah dalam *Rolling Plan 5*.

Sekolah Kebangsaan Tuanku Bagus, Sarawak— permohonan baharu melibatkan gantian penuh sekolah telah diangkat dalam RP 5. Maknanya kalau dulu bangunan, sekarang satu sekolah. Sekolah Kebangsaan Nanga Oyan, Sarawak— isu akses dan kos projek terlalu tinggi. Sekolah yang ke-12 ialah Sekolah Kebangsaan Tanjong Assam, Sarawak terlibat dalam penggabungan sekolah di mana digabungkan dengan Sekolah Kebangsaan Sebemban. Yang ke-13 pula ialah Sekolah Kebangsaan Nanga Lidong, Sarawak terlibat dalam penggabungan sekolah juga SK Saka. Jadi, daripada 398 projek tadi, 21 projek telah dikeluarkan daripada projek sekolah daif.

Okey, seterusnya status pengauditan Laporan Ketua Audit Negara 2022 ini ia meliputi tempoh pelaksanaan dari tahun 2019 hingga 2022. Ia melibatkan empat agensi pelaksana iaitu KPM, JKR Malaysia, JKR Sabah dan juga JKR Sarawak. Skop pengauditan melibatkan 398 projek yang telah diluluskan projek daif dan 205 sekolah yang telah mendapat syor yang tidak selamat oleh JKR tetapi belum diangkat

permohonan projek. Pensampelan yang dijalankan melibatkan empat buah negeri iaitu Kedah, Perak, Sabah dan juga Sarawak.

Hasil pengauditan telah mengenal pasti tiga isu utama seperti berikut:

- (i) pencapaian output iaitu status pencapaian projek daif;
- (ii) pencapaian keberhasilan, mewujudkan persekitaran PDP yang selamat dan kondusif; dan
- (iii) pengurusan sekolah yang belum diangkat permohonan projek daif.

Semua penemuan audit telah pun dikemukakan maklum balas dan dikemas kini dalam *AG Dashboard* dan berdasarkan sesi libat urus bersama Bahagian Susulan Audit, Jabatan Audit Negara pada 9 Januari 2024 telah dikemukakan sebanyak 10 ulasan audit untuk dikemas kini status semasa oleh KPM. Hasil pengauditan juga telah mengemukakan empat syor audit yang telah pun diambil tindakan oleh KPM untuk dibentangkan pada pagi ini.

Okey, seterusnya. Isu ulasan dan syor. Isu yang pertama ialah berkaitan dengan pencapaian output status pencapaian projek daif di mana ulasan daripada Ketua Audit Negara— status pelantikan kontraktor bagi 42 projek di peringkat prabina. Pada hari ini, KPM ingin menjelaskan bahawa daripada status 42 sekolah yang telah diaudit tadi, sebanyak 19 projek telah pun dalam proses pembinaan; sembilan projek dalam proses perolehan; reka bentuk 12 projek dan pembatalan adalah dua projek. Jadi, termasuk projek yang dibatalkan tadi lah dan secara pecahannya— *next*.

Ini adalah senarai-senarai projek yang dalam beberapa peringkat tadi. *[Merujuk slaid pembentangan]* Yang dibatalkan tadi— Sekolah Kebangsaan Sebandi Matang, Sarawak. Projek telah dilaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan bukannya projek sekolah daif. Keduanya, Sekolah Kebangsaan Tuanku Bagus, Sarawak. JKR Sarawak, skop diluluskan merangkumi gantian penuh dan JPN akan kemukakan permohonan semula projek dalam RMK yang seterusnya.

Manakala 19 projek dalam pembinaan— tempoh pembinaan adalah daripada enam hingga 36 bulan dan agensi pelaksananya adalah JKR Malaysia. Jadi, sekolah-sekolah yang terlibat adalah dari sekolah nombor satu sampai yang ke-19 itulah yang dipaparkan di slaid dan sembilan dalam proses perolehan iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Limauan, Kimanis, negeri Sabah. Tahun lulus 2020 dan agensi pelaksana juga JKR Malaysia dan dijangka SST pada 29 Februari 2024. Sekolah Kebangsaan Monsok Tengah, Sabah juga dijangka SST pada 29 Februari

2024 dan Sekolah Kebangsaan Nukakatan, Sabah dijangka SST pada 29 Februari 2024.

Kalau kita lihat di sini, sekolah satu, dua dan tiga dan lapan juga melibatkan NOC. NOC ini maknanya perubahan skop dan juga perubahan kos projek yang perlu kita kemukakan kepada Kementerian Ekonomi. Jadi, projek ini akan di-SST-kan sekiranya mendapat kelulusan daripada Kementerian Ekonomi.

Untuk Sekolah Kebangsaan Pekan Ranau, Sabah projek tahun 2021 dan dijangka SST pada 7 Mac 2024; Sekolah Menengah Kebangsaan Pitas, SST pada 3 Mei 2024; SMK Sukau, SST pada 22 April 2024; dan Sekolah Kebangsaan Lebai Mentali, 3 April 2024.

#### ■1150

Okey, itu adalah merupakan sembilan projek yang berada di dalam peringkat perolehan. Manakala dalam peringkat reka bentuk ada 12 projek dalam peringkat reka bentuk di mana lima projek yang pertama itu ialah dilaksanakan oleh KPM dan dijangka diiklankan pada 30 Julai 2024. Manakala nombor enam sehingga nombor 11 adalah dilaksanakan oleh JKR Sarawak, dijangka iklan pada 30 Jun 2024 dan di Kedah, SK Paya Terendam dilaksanakan oleh JKR Malaysia, dijangka iklan pada 21 Mac 2024. Jadi ini adalah merupakan status kepada 42 sekolah yang dalam peringkat prabina yang telah dibangkitkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara.

Manakala ulasan yang kedua ialah berkaitan dengan status siap bagi baki 56 sekolah di peringkat pembinaan. Kalau kita lihat di dalam carta pai di sebelahnya, daripada 56 buah sekolah di dalam peringkat pembinaan tersebut, 26 telah pun disiapkan. Manakala dalam proses pembinaan mengikut jadual, 20; lewat jadual, ada empat projek; dan sakit, ada enam projek. Sekolah-sekolahnya adalah seperti berikut; yang sudah siap – sudah siapkan disenaraikan seperti yang di depan slaid itu 1 hingga 26, kebanyakannya di Sarawak dan juga di Sabah. Ada juga tarikh bila CPC telah dikeluarkan.

Okey, seterusnya projek yang dilaksanakan mengikut jadual ada 20 projek yang dilaksana mengikut jadual yang kebanyakannya di Sarawak dan juga di Semenanjunglah – Semenanjung tidak ada, Sabah dan Sarawak sahaja. Maaf. Yang lewat jadual ada empat projek iaitu Sekolah Kebangsaan Sikuati, Sabah – JKR Malaysia; Sekolah Kebangsaan Skrang di Sarawak; dan Sekolah Kebangsaan Batang Ai di Sarawak, dan Sekolah Kebangsaan Dijih pun di Sarawak. Enam projek sakit. Enam projek sakit ini seperti yang senarai yang berwarna merah itu kita boleh pergi lihat secara satu persatu dari segi isi dan juga permasalahan yang berlaku di projek.

Yang pertama, Sekolah Kebangsaan Tanjung Pisang. Jadi sekolah ini sepatutnya sudah disiapkan, sekarang ini prestasi semasa adalah 72.88 peratus dan dijangka disiapkan pada bulan – berapa tadi?

**Seorang Ahli:** April 2024.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Ketua Setiausaha]:** April 2024. Kontraktor pun bekerja dalam tempoh LAD. Jadi, sekolah ini adalah merupakan sekolah di bawah peruntukan RM1 bilion fasa 2 berpakej – pakej 3.

Seterusnya adalah Sekolah Kebangsaan Beliong, Sarawak. Prestasi semasa 85.01 peratus, manakala kalau ikut jadualnya sepatutnya sudah disiapkan. JKR Sarawak menjangkakan projek ini akan disiapkan pada akhir bulan Februari 2024. Kontraktor juga bekerja dalam tempoh LAD. Ini juga melibatkan pakej 3 fasa 2 bawah peruntukan RM1 bilion. Gambar ada ditunjukkan.

Seterusnya adalah Sekolah Kebangsaan Nanga Serau. Yang ini prestasi semasa 81.5 peratus dan sepatutnya sudah disiapkan. Kontraktor juga telah bekerja dalam tempoh LAD. Next, Sekolah Kebangsaan Nanga Entaih, Sarawak, 86.9 peratus prestasi semasa fizikal berbanding dengan 100 peratus sepatutnya dan juga di dalam LAD. Okey, next. Sekolah Kebangsaan Paku Central Sarawak, 89.12 peratus sepatutnya sudah disiapkan dan mengikut JKR Sarawak dijangka siap sepenuhnya pada akhir bulan Februari 2024 dan kontraktor juga bekerja di dalam tempoh LAD-lah. Seterusnya, adalah Sekolah Kebangsaan Tanjung Aru, Sabah. Ini satu projek di Sabahlah. 79 peratus berbanding dengan 100 peratus. Kontraktor juga telah bekerja di dalam tempoh LAD. Ok, seterusnya.

Ulasan yang ketiga ialah berkaitan dengan tindakan memuktamadkan dua tapak sekolah yang telah mendapat kelulusan perolehan tanah kerana tapak sekolah sedia ada tidak selamat dan tidak sesuai untuk pembangunan semula sekolah iaitu tapak Sekolah Kebangsaan Plaie D (C), Kota Samarahan kerana tapak ini berada di tebing Sungai Batang Lumar, telah mendap dan terdapat amaran serangan buaya. Katanya ada dekat dengan sarang buaya. Jadi, kita telah meminta JPN Sarawak untuk mengenal pasti tapak yang bersesuaian dengan kerajaan negeri dan kita telah pun membuat lawatan tapak bersama dengan JKPTG dan Jabatan Tanah dan Survey Sarawak pada 1 November yang lalu. Ha, ini gambarlah. Ada amaran buaya itu di situ.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Ketua Setiausaha]:** Sekolahkah? Itu sekolah daif, sebab itu dia sekolah daif. Kita hendak buat baharu tetapi tapak tidak sesuai. So, kita terpaksa mendapatkan tapak yang baharu.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Ini dari kawasan saya.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Ketua Setiausaha]:** Oh, ya.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Saya sudah melawat dua tiga kali. Ada isulah sekolah ini dahulu.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Ketua Setiausaha]:** Ya YB, okey. Seterusnya dari segi isu pencapaian output. Status pencapaian projek daif dari segi syor audit yang pertama. Pelaksanaan projek perlu dipantau dengan rapi supaya projek daif dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Di dalam perkara ini, Kementerian Pendidikan Malaysia telah membuat pemantauan projek secara berkala, iaitu yang pertamanya melalui pelaporan di Majlis Tindakan Pembangunan Negara, Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian dan Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian.

Kita juga mengadakan mesyuarat bulanan bersama pihak JKR Malaysia, JKR Sabah dan JKR Sarawak. Kita juga mengemukakan Laporan Prestasi Mingguan Inisiatif Bitara MADANI kepada Pejabat Ketua Setiausaha Negara untuk dipanjangkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ini adalah merupakan laporan berkala dan kita juga membuat laporan status pelaksanaan di *dashboard* daif dalam *web* Kementerian Pendidikan Malaysia. Kita telah bekerjasama dengan pihak Unit Penyelarasaran Pelaksanaan ataupun ICU dalam menjalankan lawatan *health check* dan intervensi di dalam projek-projek yang berkaitan dengan sekolah daif. Ini adalah beberapa inisiatif yang diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

## ■1200

Okey, seterusnya adalah berkaitan dengan syor Audit yang kedua, melaksanakan sesi libat urus dengan semua pihak yang terlibat supaya keperluan setiap agensi berkenaan dapat diselaraskan dan pembangunan sekolah menepati keperluan pengguna.

Di dalam perkara ini, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan sesi libat urus bersama dengan pihak berkepentingan dan agensi teknikal yang berkaitan. Pertamanya ialah berkaitan dengan prosedur Kelulusan Notis Perubahan (NOC) bersama Kementerian Ekonomi, prosedur Kelulusan Syor Roboh, urusan rundingan seksyen 20A bersama dengan PLANMalaysia, semakan keperluan teknikal yang melibatkan PBT, bomba, TNB, SPAN dan agensi teknikal yang lain, Bengkel Strategi Memperkasa Pembinaan Semula Bangunan Daif di Sekolah di Sabah dan Sarawak dan juga pelaksanaan penambahbaikan proses perolehan bersama Kementerian Kewangan.

So, daripada sesi libat urus ini, kita telah memperoleh beberapa keputusan yang membantu Kementerian Pendidikan Malaysia. Pertamanya, libat urus yang berkaitan dengan yang pertama tadi, kita telah mendapat penurunan kuasa kepada pegawai pengawal untuk kelulusan NOC D4 dan D8 ini melibatkan siling di dalam perbelanjaan pembangunan. Di mana sekiranya kita mengalami kekurangan peruntukan di dalam projek A maknanya kita boleh memindahkan peruntukan daripada B tetapi dalam DE atas lah projek daif.

Dulu kita terpaksa memohon kepada Kementerian Ekonomi untuk mendapatkan NOC. Sekarang ini hanya kuasa Ketua Setiausaha sahaja. Maknanya, bayaran interim kepada kontraktor boleh dibuat dengan cepat. Kalau dulu kena tunggu Kementerian Ekonomi *take about* paling awal dua minggu, paling lewat tak tahulah berapa lama kan. Jadi dengan adanya kuasa ini, kita boleh buat NOC dalam tempoh satu ataupun dua hari sahaja dan bayaran interim dapat dibuat segera.

Keduanya ialah dari segi cadangan penambahbaikan, kita telah penyediaan *checklist* NOC, nama dan skop di bawah pegawai pengawal, pengecualian *trade-off* penjimatan bagi NOC kos projek daif, butiran khusus kerja ataupun *site investigation* (SI) untuk awalan menaik taraf MyProjek dan pertambahan PIC bagi projek KPM. Jadi ini telah memberi banyak kelebihanlah kepada KPM dalam melaksanakan projek-projek yang daif dan mengelakkan projek itu dilaksanakan dalam waktu—kebanyakan kontraktor dia lewat melaksanakan. So, dengan bayaran interim yang berkala maknanya mereka tidak ada masalah dari segi peruntukan ataupun tuntutan yang dibuat.

Keduanya, hasil libat urus yang kita buat ataupun kita adakan juga telah menambah baik proses kerja Kelulusan Syor Roboh bagi projek daif. Jika dulu, isu yang dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara bahawa kerja roboh mengambil masa yang agak lama. Dengan penambahbaikan ini, kita telah meringkaskan kerja prosedur Syor Roboh daripada 174 hari kepada 47 hari sahaja. Jadi untuk memulakan projek baru, kita perlu merobohkan dulu bangunan sedia ada mengikut tatacara yang ditetapkan, ia hanya mengambil masa 47 hari sahaja.

Kita juga hasil daripada rundingan dengan PLANMalaysia, kita mengadakan rundingan dijalankan serentak dengan proses tender di mana pengesahan status tapak oleh JKPTG semasa permohonan oleh KPM dan tandatangan kepada pelan akhir sahaja. Jadi PLANMalaysia telah mempermudahkan kita untuk memasuki tapak projek, di samping permohonan untuk kebenaran merancang untuk sesuatu projek pembangunan. *Next.*

Ini juga berkaitan dengan memperkasa pembinaan semula bangunan daif di Sabah dan Sarawak. Kita telah pun mengadakan bengkel bersama dengan kerajaan negeri, agensi-agensi yang terlibat di Sabah dan juga di Sarawak. Kita hasil daripada bengkel ini kita telah mendapat yang pertamanya, *blanket approval* oleh JTS bagi projek-projek daif di Sarawak dan memadai surat kebenaran masuk tapak dari JTU bagi projek daif di Sabah. Maknanya, kalau kita ada KMT pun kita dah boleh masuk tapak.

Iklan perolehan secara atas talian. Kalau dulu kita mengalami masalah kerana untuk mengiklankan di Sabah terutamanya, kita hanya ada satu surat khabar utama sahaja. Tidak ada banyak surat khabar itu, kita minta pengecualian bahawa kita telah dibenarkan untuk mengadakan perolehan secara atas talian.

Seterusnya, isu yang kedua ialah pencapaian keberhasilan mewujudkan persekitaran pembelajaran dan pengajaran yang selamat dan kondusif. Jadi, perkara yang dibangkitkan adalah berkaitan dengan status tender bagi kerja pemberian bangunan kayu di Sekolah Kebangsaan Tansau. Jadi Sekolah Kebangsaan Tansau, kontraktor bagi kerja-kerja penyelenggaraan telah dilantik dan kerja telah disiapkan.

Jadi sementara pembinaan bangunan baru disiapkan, kita telah membuat langkah untuk memanjangkan hayat usia ataupun memanjangkan keteguhan bangunan sekolah daif tadi dengan membuat beberapa penyelenggaraan. Contoh penyelenggaraan adalah seperti yang ditunjukkan di dalam gambarlah sebelum dan juga selepas itu di mana kita telah memperkuatkan tiangnya dan juga dindingnya.  
*[Merujuk gambar di dalam slaid]*

Okey, seterusnya. Tindakan alternatif dilakukan oleh enam sekolah di Sabah dan dua sekolah di Sarawak terhadap penggantian penggunaan bangunan yang disahkan tidak selamat oleh JKR dengan peruntukan yang telah disalurkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri.

Jadi status terkini, enam sekolah di Sabah dan dua sekolah di Sarawak, dua sekolah telah disurai ke bangunan siap. Maknanya projek telah pun disiapkan. Sekolah Kebangsaan Penghulu Imban, Sarawak dan Sekolah Kebangsaan Sungoi, Sabah. Dua sekolah telah disiapkan kerja penyelenggaraan di bangunan sementara yang digunakan untuk penyuraian. Sekolah Kebangsaan Binsulok dan Sekolah Kebangsaan Buit Hill, Sabah. Dua sekolah dilakukan penyuraian secara berfasa mengikut kemajuan projek iaitu di Sekolah Kebangsaan Gayang, Sekolah Kebangsaan Pekan Kimanis, Sabah.

Penyuraian berfasa ini maksudnya, bila kita buat bangunan baru dah siap, kita pindahkan yang murid yang bangunan lama masuk bangunan baru dan kita nak

tambah bangunan yang satu lagi maknanya kita ambil murid-murid bangunan yang kita nak baiki itu masukkan ke tempat yang bangunan lama dan perobohan dibuat.

Dua sekolah akan dilakukan penyelenggaraan pada tahun 2024. Ini akan diberikan keutamaan pada tahun ini iaitu Sekolah Kebangsaan Nanga Tada, Sarawak dan Sekolah Kebangsaan Pomotodon, Sabah.

Okey, seterusnya adalah ini gambar-gambar yang menunjukkan bahawa penyelenggaraan dibuat di Sekolah Kebangsaan Penghulu Imban, Sarawak dan Sungoi, Sabah dan juga bangunan atau ruang sementara di Sekolah Kebangsaan Binsulok, ruang sementara Buit Hill, bilik darjah sementara dan Sekolah Kebangsaan Gayang. *[Merujuk gambar di dalam slaid]* Ini kos yang terlibatlah untuk penyuraian secara berfasa. Maknanya kita *prolonged* dia punya usia bangunan yang daif tadi. Untuk dua sekolah yang akhir ini akan dilaksanakan pada awal tahun 2024.

Seterusnya. Ulasan yang kedua Audit ialah berkaitan dengan tindakan alternatif— Oh, sorry. Syor Audit yang ketiga, melaksanakan penyelenggaraan berkala bagi memastikan bangunan sekolah sentiasa dalam keadaan selamat dan kondusif.

Untuk makluman Yang Berbahagia Datuk Wira Penggerusi dan juga Ahli PAC, kita telah menyalurkan sebanyak RM1.892 bilion kepada semua sekolah di seluruh negara untuk kos penyelenggaraan. Khusus kepada JPN Sabah sebanyak RM110.45 juta dan RM101.3 juta kepada JPN Sarawak untuk menyelenggara dan memanjangkan tempoh hayat bangunan melalui peruntukan penyelenggaraan tahun 2023. Keutamaan bagi pelaksanaan kerja penyelenggaraan adalah bangunan yang berada pada skala lima dan juga skala enam. Okey, seterusnya.

## ■1210

Isu yang ketiga ialah berkaitan dengan pengurusan sekolah yang belum diangkat permohonan projek daif. Ini yang dibangkitkan menjadi isu utamalah, di mana ulasan Audit mengatakan bahawa 19 sekolah telah diangkat dalam pelaksanaan RMKe-12, RP4 Tahun 2024 dan 19 sekolah yang diangkat untuk pelaksanaan RMKe-12, RP4 Tahun 2024 telah diluluskan. Senarai-senarainya adalah seperti di lampiran, 19 buah sekolah yang telah diangkat dengan kos projek di bahagian kanan sekali dan juga agensi pelaksanalah. *[Merujuk pada slaid pembentangan]*

JKR Malaysia projek satu sampai projek lima iaitu di Semenanjung, JKR Sabah di Sabah dan juga JKR Sarawak di Sarawak. Itu 19 projek yang telah di – seperti yang dibangkitkan oleh teguran Audit.

Seterusnya, sembilan sekolah dilaksanakan kerja penyenggaraan kerana bangunan atau kemudahan tidak berada di dalam keadaan daif. Jadi, status penyenggaraan sembilan sekolah, dua telah siap dilaksanakan kerja-kerja penyenggaraan, satu telah dibuat lantikan kontraktor dan enam akan dilaksanakan penyenggaraan. Jadi, senarai-senarai sembilan sekolah tersebut adalah seperti berikut. *[Merujuk pada slaid pembentangan]* Satu projek telah diselesaikan iaitu Sekolah Kebangsaan Pantai Manis, Papar, Sabah dan yang sedang dalam proses penyenggaraan ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Ringlet, Pahang dan Sekolah Kebangsaan Sungai Machang, Negeri Sembilan. Penyenggaraan akan dilaksanakan pada tahun 2024, ada enam sekolah yang terlibat.

Seterusnya adalah berkaitan dengan 73 sekolah diangkat untuk kelulusan pada RMKe-12, RP5 Tahun 2025. Berdasarkan kepada ulasan 73 sekolah tadi, 29 projek telah memenuhi kriteria untuk diangkat. Sekolah-sekolahnya adalah seperti berikut. *[Merujuk pada slaid pembentangan]* Okey, ada 29 sekolah. Perlu dimaklumkan bahawa untuk mengangkat projek untuk dimohon dalam RP seterusnya, dia perlu memenuhi beberapa kriteria.

Yang pertamanya, melibatkan daripada segi pemilikan tanah, surat pengesahan tidak selamat JKR, borang penilaian dan lawatan tapak oleh JPN, maklumat tanah, keluasan dan tapak kosong, justifikasi permohonan, skop projek. Jadual keperluan ruang, gambar yang berkaitan dan dokumen permohonan kerana Kementerian Ekonomi mempunyai kaedah yang menentukan sama ada projek itu layak atau tak layak dipohon ataupun dengan erti kata lain, dia kata *value at entry*.

Okey, seterusnya. Baki 44 projek akan diangkat secara berfasa dalam rancangan *rolling plan* seterusnya apabila telah memenuhi kriteria.

Isu yang ulasan seterusnya ialah berkaitan dengan 73 sekolah belum diangkat kerana isu hak milik tanah dan saiz tanah sekolah kecil. Daripada 73 sekolah yang dikenal pasti oleh Jabatan Audit Negara, 16 sekolah selesai isu hak milik PTP dan KMT. Senarainya adalah seperti berikut. *[Merujuk pada slaid pembentangan]* Ini selesai isu tanah. Maknanya boleh diangkat dalam rancangan *rolling plan* yang seterusnya, yang melibatkan kebanyakannya di 11 projek di Sabah dan empat projek di Sarawak, satu projek di Kelantan.

Seterusnya, 48 sekolah sedang diselesaikan hak milik. Jadi, senarai 48 sekolah ini sedang diselesaikan hak milik tanah dan senarainya adalah seperti

berikut. *[Merujuk pada slaid pembentangan]* Kerana syarat-syarat untuk kebenaran merancang, dia memerlukan hak milik tanahlah secara sempurna dan Kementerian Pendidikan dalam proses untuk membuat pemutihan berkaitan dengan tapak-tapak ini. Kebanyakannya adalah di Sarawak, satu di Kelantan. Ada lagi senarai dia? Okey. Di Sabah juga ada. Ada 48 projek sedang diselesaikan permohonan tanah.

Kita pun sedang berbincang dengan kerajaan negeri, dengan Kementerian Ekonomi supaya permohonan untuk pemilikan tapak ini dapat dilonggarkan dan secara verbalnya, kita dah dapat orang kata, berita yang agak baiklah supaya kita boleh senaraikan dahulu. *At the same time*, proses pemutihan itu berjalan. Jadi, tetapi kita belum dapat secara rasmi lagilah.

*Next.* Sembilan sekolah tidak memenuhi keluasan minimum sekolah. Okey, sembilan sekolah ini adalah seperti berikut. *[Merujuk pada slaid pembentangan]* Semua di Sabah. So, bila tanahnya tak orang kata, bila nak bertanam itu tak ekonomikal untuk bertanam. Ini nak membina sekolah, tanahnya sempit. Jadi, kita terpaksa mengenal pasti tapak tambahan sekolah di sebelah dan juga setengah-setengah itu telah pun memperoleh KMT, tiga telah memperoleh KMT.

Okey, *next*. Yang terakhir berkaitan dengan ulasan isu tiga ialah 153 sekolah masih dalam proses pemeriksaan JKR. Jadi, berdasarkan kepada penemuan Audit ini, daripada 153 buah sekolah tadi, 48 telah pun selesai pemeriksaan. Senarai-senarai sekolahnya adalah seperti berikut. *[Merujuk pada slaid pembentangan]* Sekolahnya adalah tiga di Selangor, tiga di Pahang, empat di Johor, Kedah, Melaka, satu Malaysialah boleh dikatakan, yang untuk disenaraikan sebagai sekolah daif.

Bila selesai isu pemeriksaan JKR ini, maknanya kita perlu mengikuti enam kriteria tadilah. Okey, seterusnya dan 105 dalam pemeriksaan...

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Dato', tengok yang apa itu? Satu *list* tadi. Nombor tiga saya rasa, Hisamuddin ya?

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Yang mana? Nombor tiga...

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Selangor.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Ha, Selangor.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengurus PAC]:** Sekolah agama.

**Beberapa Ahli PAC:** Sekolah agama.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Ha, *but this under JAIS, under ini jugalah, under SABK*. Dia SABK kan?

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Ya, ya.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** SABK. So, ini pemeriksaan JKR, ini apa? Daif? Dikategorikan daif kan sebab...

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** JKR sedang memeriksa dan dah selesai. Maknanya kita tunggu laporan JKR lah. Kalau daif, maknanya kita akan senaraikan sebagai sekolah daiflah.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** So, ini mantan Mufti Selangor. Mantan, bukan mufti sekarang. Mantan Mufti Selangor pernah belajar dekat sini *kut. This is very, very old school* dekat dengan *Klang River* itu kan?

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Ya.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** So, memang saya dah pergi berkali-kali, macam Saratok jugalah. Dah berkali-kali juga tengok kat situ kan. Ada yang terbakar hari itu.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Ya. Dia setengah-setengah itu memerlukan bangunan baru. Ada setengah-setengah sekolah itu dia *one-to-one*. Maknanya satu sekolah kita tukar. Itu kebanyakannya di Sabah, Sarawaklah tetapi kalau kebanyakan di Semenanjung ini, kita hanya menggantikan bangunan daif...

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Bangunan lama.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Ha, bangunan lama, kita buat bangunan baru. Kita suraikan pelajar, kita robohkan yang daif itu, kita buat bangunan baru.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Terutama *wiring-lah, especially wiring*, kan?

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Ya, ya.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Sebab bila dah lama sangat, faham-fahamlah apa jadi.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Okey. Okey, seterusnya. Syor Audit yang keempat adalah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengangkat lebih banyak permohonan projek kepada pihak Kementerian Ekonomi untuk kelulusan. KPM menyediakan perancangan penyuraian murid bagi sekolah yang dikenal pasti mempunyai bangunan daif supaya PdP dapat dilaksanakan dalam keadaan selamat dan kondusif.

Jadi, berdasarkan syor Audit keempat tadi, kita dah senaraikan permohonan yang telah dibuat oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga bilangan kelulusan yang telah kita terima iaitu *Rolling Plan* Pertama 50, diluluskan 50; *Rolling Plan* Kedua 60, diluluskan hanya 42; *Rolling Plan* Ketiga kita senaraikan 85, diluluskan 85 dan *Rolling Plan* Keempat 72 dan diluluskan semua 72.

■1220

Untuk makluman Yang Berbahagia Datuk Wira Pengerusi dan juga Ahli PAC juga, penyelenggaraan bagi sekolah yang telah diperiksa oleh JKR tapi masih belum diluluskan projek akan diberi keutamaan bagi memanjangkan jangka hayat bangunan dan kefungsinya. Sekiranya sekolah itu tidak kritikallah, maknanya boleh ditambah baik dia punya kekuatan ataupun kita boleh memanjangkan jangka hayatnya supaya masih dapat digunakan sementara diluluskan pembinaan bangunan yang baharu.

Bagi memastikan pelaksanaan projek tidak menjelaskan pelaksanaan PdP, permohonan KPM kepada Kementerian Ekonomi bagi RMKe-12 *Rolling Plan* Keempat Tahun 2024 telah diluluskan skop untuk pembinaan... *[Disampuk]* Penyuraian murid dengan penyewaan kabin atau pembinaan bangunan sementara. Kalau dulu tak dimasukkan, sekarang sekiranya ada sekolah daif, KPM boleh menyewa kabin atau pembinaan bangunan sementara untuk menempatkan pelajar-pelajar yang perlu disuraikan.

Seterusnya, daripada segi penambahbaikan dan pemantapan pelaksanaan, yang pertamanya transformasi prosedur pelaksanaan projek. Di sini kita telah membuat permohonan dan juga melalui kerjasama daripada MOF dan juga daripada Kementerian Ekonomi, kita telah dapat orang panggil memudahkan dari segi proses perolehan di mana kita juga telah dapat mengemas kini kaedah Syor Roboh daripada 147 hari tadi kepada... *[Disampuk]* 47 hari dan penurunan kuasa NOC, agihan siling kepada Ketua Setiausaha kementerian dan Penambahbaikan Urusan Rundingan 20A, Akta 172. Ini seperti saya maklumkan dalam slaid yang sebelumnya tadi.

Juga di pihak Ketua Setiausaha Negara telah menubuhkan satu *task force* ataupun dikenali sebagai Pasukan Petugas Khas Reformasi Sektor Awam ataupun dikenali sebagai STAR, memperkasa pelaksanaan melalui projek rintis. Maknanya di Semenanjung ini kita ada tiga projek rintis yang telah dilaksanakan. Satunya telah disiapkan iaitu di Bangi tempoh hari seperti yang telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga ada dua lagi projek di Perak yang masih dalam peringkat pelaksanaan iaitu di Sekolah Kebangsaan Tan Sri Ghazali Jawi, Hulu Perak dan Sekolah Kebangsaan Sri Adika Raja, Hulu Perak.

Sekolah Bangi contohnya Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Bangi telah disiapkan lebih awal daripada tarikh yang sepatutnya. Walaupun secara keseluruhannya projek ini masih belum disiapkan kerana sekolah Bangi ada dua seksyenlah, *sectional*. Satu, bina bangunan baharu dan yang keduanya menaik taraf sekolah yang sedia ada.

Hasil daripada kejayaan projek rintis ini, ia akan diperluaskan ke Sabah dan Sarawak agar manfaat keberhasilan yang sama dapat dinikmati oleh semua warga sekolah di seluruh negara.

Seterusnya ialah daripada segi hala tuju pelaksanaan. Kementerian Pendidikan Malaysia komited untuk memastikan pencapaian output dan keberhasilan daripada projek-projek ini dapat dicapai sepenuhnya dengan meningkatkan kecekapan pengurusan, memantau rapi pelaksanaan projek dan memantapkan penambahbaikan proses kerja di semua peringkat. Keperluan untuk memperkasakan kapasiti pelaksanaan projek daif daripada segi latihan, kompetensi pegawai, penempatan semula mengikut bebanan kerja dan penstrukturran semula perjawatan dan fungsi kerja juga dibuat selari dengan peningkatan jumlah projek yang diluluskan setiap tahun.

Sehubungan dengan itu, semua kelulusan dan pengecualian khas yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan dan Kementerian Ekonomi pada tahun 2023 dapat diluluskan pelanjutan tatacara perolehan kontraktor. Perolehan perabot oleh kontraktor dan permohonan baharu Kementerian Pendidikan Malaysia untuk peningkatan had nilai projek makmal VA, semua kaedah dan tatacara ini telah terbukti berkesan di mana JKR Malaysia telah berjaya memastikan sasaran sebanyak 40 Surat Setuju Terima bagi projek kelulusan tahun 2023 dikeluarkan sebelum 31 Disember 2023.

Sasaran projek disiapkan pada tahun 2023 juga tercapai sebanyak 47 projek di seluruh negara. Di samping itu, Kementerian Pendidikan Malaysia akan memperkemaskan perancangan dan pengurusan projek daif bagi tapak yang telah tersedia dan memenuhi kriteria untuk dikemukakan permohonan dalam setiap *rolling plan* dengan lebih banyak. Tahap kesediaan projek juga akan ditingkatkan melalui pelaksanaan kerja awalan dan kajian pembaikan infra tapak dan perancangan penyuraian murid yang bersesuaian.

Kementerian Pendidikan juga akan mengutamakan peruntukan penyenggaraan kepada projek yang telah berada dalam skala 5 hingga 6 untuk memanjangkan hayat bangunan agar ia dapat memberikan keselesaan dan kefungsian yang optimum. KPM ingin memastikan semua sekolah mempunyai

kemudahan asas pendidikan dan persekitaran yang selamat dan kondusif bagi melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia atau PPPM 2013-2025. KPM percaya bahawa persekitaran sekolah yang kondusif dan selamat akan memastikan murid ceria, guru bahagia, sekolah bitara dan negara sejahtera.

Sehingga di sini sahaja saya punya pembentangan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia. Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi dan agenda seterusnya.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, terima kasih Yang Berbahagia Dato' KSU di atas pembentangan itu. Lebih kurang sejam juga pembentangan. Banyak perkara yang nak ditanyakan dan juga saya yakin dan percaya sahabat-sahabat Ahli Parlimen PAC, Parlimen Ke-16 dah *standby* untuk soalan, jadi saya buka— dah ada yang ni, saya nampak Kapar dah *standby*. Saya bukakan kepada soalan oleh Ahli Yang Berhormat.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Kepada KSU, saya nak faham kita tahu— tadi kami pun dah bincang di mana isu sekolah daif ni adalah isu utama dalam negara kita. Jadi, di antara kelewatan, sebab kelewatan dan sebagainya ialah kerana ia ada *stuck* daripada kalau dah *settle* dekat KPM, nak kena hantar dekat Kementerian Ekonomi pula kan?

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Ya.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** *It's economy, not MOF eh? Kan? So, itu yang biasa, yang biasa. Saya nak tanya adakah isu sekolah daif ini sebagai satu isu utama dan banyak lagi yang nak diselesaikan yang telah tersenarai tak sempat lagi pun nak diperiksa oleh JKR kan? So, peruntukan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan masalah sekolah daif ini oleh Kementerian Pendidikan, adakah patut dan adakah telah diselesaikan, ia sebenarnya, sepatutnya adalah dalam bajet KPM itu sendiri, bukan perlu nak minta lagi dekat Kementerian Ekonomi dan sebagainya? It's part and parcel of Kementerian Pendidikan. So, bagaimana saya nak fahamkan? Sebab nak kurangkan birokrasi dan dia kena very specific sebab JKR pun dah involved, it is already your partner strategic alliance.* Terima kasih Pengerusi.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Terima kasih Yang Berhormat. Isu yang pertama ialah daripada segi penyenaraian sekolah daif. Sekolah daif ialah merupakan sekolah yang telah dikenal pasti melalui sistem EMIS yang diperkenalkan oleh EPRD di Kementerian

Pendidikan Malaysia di mana sistem ini akan diisi oleh semua jabatan pendidikan negeri.

■1230

Jadi, berdasarkan kepada pengisian maklumat daripada jabatan pendidikan negeri, kita telah menetapkan enam kriteria tadi. Sekiranya sekolah-sekolah tersebut memenuhi enam kriteria tersebut kita akan menyenaraikan dalam permohonan untuk RP4, RP5 dan seterusnya untuk RMK.

Bajetnya bergantung kepada berapa permohonan yang kita terima berdasarkan kepada anggaran yang telah dibuat oleh jabatan teknikal sebenarnya. Anggaran jabatan itu merupakan anggaran bajet yang dipohon oleh kementerian berdasarkan kepada projek baharu setiap tahun. Biasanya di Kementerian Pendidikan ini bajetnya akan bersambung-sambung. Maknanya projek RP1 dia tidak akan bagi *one-off* peruntukan. Dia akan bagi bajet setahun satu mungkin dia akan bagi, contoh ya Yang Berhormat ya, RM400,000 untuk reka bentuk dan sebagainya. Sekarang ini dijangka projeknya masih belum bermula.

Untuk tahun kedua, dijangka projek bermula dia akan bagi kalau kosnya RM20 juta, contoh dia akan bagi RM10 juta sebab dijangkakan projek itu akan disiapkan dua tahun. Tahun ketiga dia akan bagi baki peruntukan tersebut. Jadi, bajet KPM berdasarkan kepada projek-projek sekolah daif yang ada diluluskan di dalam Kementerian Pendidikan Malaysia. Dia tidak akan datang secara *one-off* macam itu. Jadi, berdasarkan kepada peruntukan itulah kita melaksanakan kerja-kerja sekolah daif.

Sekiranya pada tahun yang kedua kita memohon ada 50 lagi, so 50 projek akan diberikan peruntukan pada tahun pertama, contoh RM400,000. So, ada tambahan lagi bajet kepada KPM. Seterusnya pada tahun ketiga, pada tahun keempat dia akan jadi bertambah-bertambah. Bila kita dah siapkan ia akan tarik keluar bajet itu, maknanya dah habis, tidak ada sambungan lagi bajet. Itu dari segi itu. Boleh Yang Berhormat?

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Soalan saya tadi sebenarnya ada NOC dan sebagainya sampai lewat beribu-ribu hari, beratus-ratus hari dan sebagainya kan. So, dia seolah-olahnya *the step* daripada sekolah itu pergi ke PPD, lepas itu ke negeri, lepas itu ke kementerian *and then*, dah *settle* dekat kementerian pula itu nak cari *solution*-nya, *at last* minta duit pula dekat Menteri Ekonomi, Kementerian Ekonomi. So, *that is* birokrasi itu. Itu yang menyebabkan lewatnya. Juga, saya rasa kementerian boleh buat *roadmap* *ku* macam mana untuk selesaikan seluruh negara ini punya sekolah daif.

Katakan skala tiga, katakan sekarang ini di skala tiga; kalau tidak diatasi, *you don't have any milestones*, dia punya *roadmap, timeline* maka dalam beberapa tahun dia akan jadi skala lima. So, mungkin RMKe-13 sekejap lagi kan, *so that* dah boleh *plan* dah itu *kut*. *That is my worry* itu. Adakah KPM boleh dapatkan duit untuk semua ini sebab dia melibatkan sekolah *by yourself*? Tidak payahlah pula nak *begging* kepada Kementerian Ekonomi kan. *That is my issue-lah*.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Saya sambung Yang Berhormat ya.

**Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]:** Sambung sikit Kapar tadi. Kelewatan itu yang berkaitan NOC tadi kan, mengapa apabila telah sekolah itu dah diluluskan untuk pembinaannya tetapi masih ada perubahan-perubahan. Antaranya yang saya nampak perubahan tambahan blok ataupun sebagainya. Kenapa tidak *proceed* apa yang dah diluluskan? Lain itu kita buatlah mohon kemudian.

Bila hendak tunggu NOC ini diluluskan, dia mengambil masa beratus hari tадilah. Itu antara punca-punca. Ada skop yang dalam kontrak sebenar tidak ada nak perobohan. Tetapi bila hendak mulakan projek ada perobohan berlaku. Pun *delay* beratus-ratus hari. So, benda-benda macam ini rasanya kita boleh kurangkanlah masalah ini kan. Sepatutnya sebelum pembinaan ataupun projek yang diluluskan itu dikaji secara keseluruhannya agar tidak lewatlah.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Okey. Untuk makluman YB, selepas sahaja pandemik kebanyakan kos-kos pembinaan telah meningkat dengan ketara. Jadi, sebelum itu, kita telah membuat anggaran untuk sesuatu pembangunan itu, contohnya di Sabah dan Sarawak, kita membuat anggaran contoh sekolah daif RM30 juta. Tetapi bila selesai pandemik, berlaku kenaikan yang mendadak dari segi bahan binaan dan sebagainya lagi di mana dari segi anggaran jabatan telah melebihi daripada kos yang telah diluluskan. Itu salah satu faktor yang menyebabkan kita memohon NOC kepada Kementerian Ekonomi.

Ada juga pendekatan yang diberikan oleh Kementerian Ekonomi bahawa dia minta kita tenderkan dulu. Lepas itu bila kita putuskan dari segi berapa harga penender yang berjaya barulah kita minta NOC. Itu cara yang kedua dilaksanakan oleh Kementerian Ekonomi.

**Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]:** Dia kalau ada penambahan macam itu kenaikan harga, kita ada VO ataupun kita ada...

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Tidak boleh YB. Kalau dalam projek kita dah ada siling. Kita tidak boleh

melebihi siling yang ditetapkan oleh Kementerian Ekonomi. Maknanya kalau kita hendak melebihi siling yang ditetapkan oleh Kementerian Ekonomi kita kena minta NOC. Itu syarat utamalah. Kalau tidak projek itu tidak boleh dikeluarkan SST sebab dia tidak akan melebihi daripada siling yang dibenarkan. Jadi, halangan tersebutlah yang menyebabkan kita terpaksa memohon NOC. Kebanyakan projek-projek yang baru hendak ditenderkan semula ini banyak melibatkan NOC.

Untuk penyelenggaraan skala tiga, empat dan lima ini untuk makluman Yang Berhormat juga, Kementerian Pendidikan telah diberikan peruntukan untuk penyelenggaraan pada dua tahun kebelakangan ini dalam lebih kurang RM1 bilion satu tahun. RM1 bilion satu tahun untuk menyelenggarakan sekolah. Kementerian Pendidikan ada sekolah sebanyak 10,238 buah sekolah, YB. Jadi, kalau sebahagian besar memerlukan penyelenggaraan yang tinggi, dari segi kemampuan kewangan Kementerian Pendidikan, kita tidak mampu.

Tetapi pada tahun lepas, kita memastikan bahawa semua sekolah memperoleh peruntukan penyelenggaraan. 10,238 sekolah semua dapat peruntukan penyelenggaraan. Minimumnya adalah RM20,000 dan maksimumnya ada yang dapat sampai RM2 juta, RM1 juta bergantung kepada kritikal ataupun situasi sesebuah sekolah itu sendiri. Jadi, keupayaan KPM setiap tahun untuk penyelenggaraan sekolah adalah lebih kurang – tahun ini kita diluluskan sebanyak RM900 juta untuk penyelenggaraan sekolah, Yang Berhormat. Jadi, dari segi kemampuan untuk semua sekolah itu saya rasa dari segi kewanganlah.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Pengurus, boleh tak saya tambah sikitlah yang berkaitan ini kan?

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Ya.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Okey. NOC dan sebagainya yang saya lihat selain daripada sebabkan barang naik, makin naik, jadi sebab itu dia ada pertambahan peruntukan, perlu peruntukan kosnya. Ada juga pertambahan bangunan lain.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Skop.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Skop ini kan. Jadi, isu kita ini adalah sekolah daif, maknanya tidak selamat.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Ya.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** So, kalau kata MOF tadi dia bagi ada siling, ada siling. Dia ada dua bendarlah ini. *You want to settle* yang tidak selamat dan tambah skop ataupun yang tidak selamat sahaja dulu, yang tambah skop kemudian. *So, I mean apa yang utama? Your priority.*

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Yang Berhormat, saya minta SUB Bahagian Pembangunan.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Sebelum puan jawab, lepas ini Sandakan, lepas itu Kubang Pasu ya. *Thank you.*

**Datuk Masyati binti Abang Ibrahim [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi dan juga ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) dan juga terima kasih Yang Berbahagia Dato' Indera KSU.

Mungkin saya ingin hendak berbalik kepada soalan YB tadi berkaitan dengan apakah KPM tidak boleh mendapatkan peruntukan sendiri, berharap kepada Kementerian Ekonomi. Ini kerana kalau kita lihat dari segi peruntukan pembangunan iaitu DE memang di bawah Kementerian Ekonomi. Jadi, kita kena mengikut – kami sebagai kementerian kena mengikut tatacara kewangan negara. Jadi, kalau nak dapat itu, memang kita nak YB. Semua sekolah itu kita cuba laksanakan tetapi kekangan-kekangan itu daripada pihak kementerian juga kita kena lihatlah.

Jadi, kita juga dari soalan tadi berkaitan dengan satu tadi yang kalau ada skop, pertambahan skop. Jadi, kita kalau kita lihat dari segi pelaksanaan sekolah yang mempunyai bangunan daif, telah diisytiharkan sebagai daif, dah diluluskan, kita akan laksanakan projek tersebut. Memang dilaksanakan.

#### ■1240

Tetapi, kalau kita lihat kembali yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi adalah— contohnya, pada tahun 2016. Ini adalah berlakunya evolusi kepada istilah ‘daif’. Kalau dulu 2016, 2017, sebelum digunakan skala, kita memang membaiki satu— yang mana rosak, yang mana ini, kita akan baiki. Itu dah kita kategorikan, kalau kini, sebagai kategori bangunan untuk penyenggaraan.

Tetapi, bila telah digunakan secara teratur iaitu melihat kepada skala, maka kita dah mengenal pasti satu sampai lima, ya memang peruntukan tahunan yang diberikan, akan dilihat untuk penyenggaraan supaya yang satu hingga lima itu tidak jatuh kepada enam atau tujuh. Tetapi, kalau sudah pun diisytiharkan daif, maka akan kita lihat secara keseluruhannya kerana kita dah, dengan kata lainnya, sudah *graduate*. Evolusi itu. Tidak hanya melihat yang kecil-kecil sahaja tetapi melihat keselamatan secara holistik.

Jadi, untuk dahulunya, itu saja dulu, YB. Terima kasih. Harap dapat memberi penjelasan. Terima kasih.

**Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]:** Okey, terima kasih atas penjelasan. Soalan saya adalah mengenai bengkel yang tadi Datuk ada kongsi. *How often is this bengkel dijalankan?* Sebab, kami di Sabah kan, *sometimes when we want to rujuk ke district, then district say have to refer lagi ke federal. It means ini ada kekangan like maklumat, I think-lah, from our side.*

*So, I want to ask.* Untuk bengkel tersebut dan untuk JKR untuk membuat pemantauan, *I saw that Sabah only dua sekolah at the end-lah yang— so, I think kebanyakan sekolah belum lagi di-check.* Adakah kerana JKR di Sabah lembap atau— *what is the reason? You see, here you can kongsi, so that we can discuss adakah di state level,* kerjasama didapatkan 100 peratus atau hanya 50 peratus. *Because, kami JKR di Sabah, we understand.* Selain daripada sekolah, jalan raya pun banyak pemantauan dijalankan. *So, di HQ Sabah memang sangat-sangat busy.* *So, I need to ask dia punya masalah untuk mereka membuat pemantauan, what is the prestasi?*

*And also untuk the jawatankuasa STAR yang telah dikongsi tadi, siapa di dalam jawatankuasa? Adakah satu negeri ada satu jawatankuasa atau pun jawatankuasa ini hanya di federal level sahaja dan kami semua perlu rujuk di federal juga?*

*And the last thing* adalah adakah *any project* dari RMKe-11 tidak dijalankan? Sebab, sekarang ini kami sudah *discussed about 12th*, kan? *So, whenever I asked for update, they said that rolling RMKe-11. Rolling, rolling, rolling,* tidak tahu roll pergi mana sudah. *So, sekarang nanti tukar nama rolling RMKe-12 lagi.* Nanti macam itu, *rolling stone* sudah. *So, I nak tanya, untuk rolling RMKe-11, ada yang belum dijalankan kah?* *Of course,* saya nak tanya itu untuk seluruh Malaysia dan *of course* saya fokus ke Sabah jugalah.

Saya punya *last question* adalah semua projek yang buat tender, adakah dijalankan di KL untuk semua seluruh Malaysia? Dia punya tender. Saya difahamkan juga, kami punya kos untuk Sabah ada tinggi sedikit. Jadi, saya ingin tanya *ceiling price*. Adakah *di-differentiate* untuk Sabah dan Sarawak *different* lebih tinggi kah atau di seluruh Malaysia guna satu *ceiling rate* untuk barang-barang asal?

Sebab, nanti ada masalah juga *when di-tender-tender out*, kos tidak dapat sebab Sabah lebih mahal atau Sarawak lebih mahal. *Of course, the logistic and all.* So, yang dimaksudkan ada masalah lagi ditangguhkan. Itu saja, Datuk. *Thank you.*

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan]:**

Terima kasih, YB. Pertamanya, berkaitan dengan projek-projek di negeri Sabah, berkaitan dengan— kalau dilihat, ada dua projek. Sebenarnya projek-projek sekolah daif di negeri Sabah masih banyak lagi, YB, dalam proses reka bentuk dan juga proses perolehan. Bersama-sama kita pun ada JKR Sabah ini, YB.

Tapi, kerjasama yang sepenuhnya telah diberikan oleh JKR Sabah kepada kamilah di KPM kerana di Sabah dan Sarawak sekarang ini, agensi pelaksananya di bawah RM50 juta adalah JKR negeri masing-masing. Di Sabah, projek yang bernilai RM50 juta dan ke bawah dilaksanakan oleh JKR Sabah dan juga Sarawak. Melebihi RM50 juta, dilaksanakan oleh JKR Malaysia.

Jadi, dari segi pelaksanaan projek itu yang kebanyakannya yang berlaku di Sabah, berlaku perubahan dari segi kosnya adalah disebabkan oleh keadaan tapak sekolah itu sendirilah, YB. Kebanyakannya memerlukan kerja tapak yang sangat kritikallah. Ada projek yang RP10 pun ada juga yang masih belum disiapkan disebabkan kita berlawan dengan tapak. Maksudnya, bila kita meratakan bukit itu, dibuat bangunan, bukit itu mengalami runtuh dan sebagainya lagi. Terpaksa kita buat dua kerja satu masa. Pertama, buat tapak. Yang keduanya, buat Sekolah Kipovo— apa? *[Merujuk kepada pegawai]* Sekolah Kipovo. Sorry, Yang Berhormat.

**Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]:** Okey, untuk tambahan soalan. Macam RMKe-10 punya, so dia punya harga *confirm different already*. So, akan retender kah atau just tambah begitu?

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan]:**

Harganya seperti yang telah ditandatangani dalam kontraklah. Sepatutnya kontraktor itu menyiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan dalam kontrak, tetapi disebabkan berlakunya perubahan dari segi skop itu, kita terpaksa tambah kos dari segi membina balik cerun dan sebagainya lagi. Ada tambahan kos. Tetapi, selagi ia berada di bawah *ceiling cost*, maknanya kita boleh buat kerja-kerja tambahan.

Melainkan ia melebihi daripada kerja tambahan yang ditetapkan, kita terpaksa memohon kepada MOF. Kita ada *limit maybe about 10 percent. After 10 percent*, maknanya *we have to apply through MOF*. Tetapi, tengok juga dari segi aspek apa. Aspek teknikal kah, aspek— yang berlaku itu, kalau teknikal, makna kita terus terpaksa pergi kepada MOF. Jadi, kaedahnya adalah berbeza.

Tetapi, untuk penegasan kepada Yang Berhormat, ada tambahan kos. Contoh, Sekolah Kipovo itulah. Saya pun selalu tersalah sebut nama. Kipovo.

Untuk STAR tadi, ia adalah merupakan satu pemudah cara di peringkat Persekutuan yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri KSN, dianggotai

oleh KSP, Kementerian Ekonomi, MPC dan kementerian-kementerian yang terlibat dengan projek. Di dalam STAR ini, kita akan mencarikan satu kaedah yang terbaik untuk melaksanakan projek. Tak semestinya sekolah daif sahaja. Banyak lagi yang dipermudahkan.

Kalau sekolah daif, banyak yang kita telah pergi melalui STAR. Contohnya, dari segi perolehan kontrak. Sekarang ini, JKR boleh senyum, YB, sebab kita boleh buat tender atau perolehan secara *pre-Q*. Maksudnya, secara pra kelayakan. Kita boleh pilih mana-mana kontraktor yang kita rasa *performance* yang baik, yang disenaraikan, kita boleh terus *offer* kepada mereka. Kalau dulu, kita terpaksa buat tender terbuka, banyak. Macam Sarawak, dia boleh kenal pasti yang layak di Sarawak. Sabah, dia boleh kenal pasti yang layak di Sabah. Di Semenanjung pun sama. Jadi, itu memudahkan dari segi urusan tenderlah. Tidak memakan masa terlalu lama.

Seterusnya berkaitan dengan STAR ini juga, ia hendak memudahkan tatacara. Contohnya, KPM perolehi ialah— kalau dulu, projek RM500,000 hingga RM1 juta, kita terpaksa tender. Sekarang ini, RM500,000 hingga RM1 juta, kita hanya perlu buat sebut harga sahaja, secara biasa. Jadi, mempercepatkan. Sebut harga mengambil masa dalam dua minggu boleh disiapkan. Kalau tender, mengambil masa *about* dua bulan dan juga dua bulan setengah baru nak diputuskan dari segi mereka yang layak.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Lama lagi?

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan]:**

Dari segi tender juga, kuasa tender, untuk projek-projek yang bawah RM50 juta di Sabah dan Sarawak adalah di bawah bidang kuasa dipanggil Lembaga Perolehan Sarawak dan Lembaga Perolehan Sabah. Hanya diputuskan di peringkat negeri sahaja.

**Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]:** Okey, saya ada sedikit lagi untuk tambahan. Soalan saya adalah *if you say that* kamu mahu buat macam *selective tender* untuk *performance* yang bagus, so *if I need RM50 juta for this, so there is like no competition of all*— tengok harga yang paling berpututan, tiada sudahlah. *Because, all the reason for open tender is to say that, "Okay, you compare prices".*

*But now, if you select and say his performance is good, then this tahun they give a very good price, the next tahun makin mahal, makin mahal. So, you also—you know, in a way-lah. So, there is pro and cons to look at it. Then, after that, they would come out to say that actually the budget is so big for work but actually ada company can offer a better price untuk selective tender-lah. Masalah ini. Itu saja.*

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Okey, Datuk Wira—*sorry*.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan]:** Untuk makluman YB...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Jawab dulu, Datuk KSU. Jawab dulu.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan]:** Untuk makluman YB, yang *pre-Q* ini yang kita boleh buat adalah kita boleh memilih berapa banyak kontraktor yang kita nak pun.

■1250

Kalau kita nak pilih 10, 15, 20, *but* kita memilih kontraktor yang mempunyai sekurang-kurangnya taraf penyelamat. Maknanya, kontraktor yang tiga bintang. Kalau di Semenanjung, dia panggil tiga bintang yang diiktiraf oleh CIDB. Maknanya, mereka layak dipanggil kontraktor penyelamat. Di Sabah dan di Sarawak pun dia ada kontraktor mereka sendiri di bawah kerajaan negeri yang mengiktiraf daripada segi dia punya *rating*. Di Semenanjung Malaysia, kita menggunakan CIDB punya *rating* dan kontraktor-kontraktor ini merupakan mereka yang ada *performance* dan kita memilih di kalangan mereka dan mereka bersaing secara sihatlah macam kita buat *open tender* juga sebenarnya. Cuma kita mempercepatkan proses itu. Kalau tidak, kita kena iklan 21 hari. Ini kita tak perlu, kita hanya mempelawa mereka secara *preQ*, itu sahaja. Okey, itu sajalah. Terima kasih Dato'.

**Datuk Masyati binti Abang Ibrahim [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Yang Berhormat Dato' Wira, mungkin saya hendak menambah sikit. Mohon izin.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Sekejap.

**Datuk Masyati binti Abang Ibrahim [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Hendak menambah sedikit jawapan daripada Dato' KSU yang dah jelas tadi. Soalan daripada Yang Berhormat Sandakan. Berkaitan dengan MPC yang berkaitan dengan bengkel. Bengkel itu memang seperti yang dinyatakan oleh Yang Berbahagia Dato' Indera tadi, telah diinisiatifkan oleh Yang Berbahagia Tan Sri KSN dan *Federal* tetapi telah pun kita panjangkan, perluaskan bengkel ini di Sabah dan Sarawak. Kalau tak silap saya, Sarawak sudah dua kali kita mengadakan perbincangan dengan pihak JKR dan juga semua yang berkaitan dengan sekolah daif. Di Sabah sekali. Jadi, ia berterusan di bawah MPC.

Selain daripada itu, jawatankuasa di peringkat negeri juga, di kementerian juga turut melakukan libat urus dengan pihak kementerian. Kalau di Sarawak, ada Kementerian Pendidikan dan Inovasi dan juga dengan pihak di Sabahlah, JKR dan

juga semua agensi yang berkaitan. Memang pelaksanaannya, libat urusnya, SLU nya berterusan, YB, untuk kita memastikan keputusan adalah dibuat secara bersama kerana kita hendak mendapatkan maklumat itu dari pihak negeri untuk kita bawa ke peringkat *Federal*. Jadi, kita tidak meninggalkan negeri-negeri sama ada di Semenanjung atau Sabah atau Sarawak. Semua diadakan libat urus. Terima kasih YB.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *My turn.* Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, Yang Berbahagia Dato' Indera KSU *and the team*. Kita, Member PAC ini kita faham, kerja untuk melaksanakan projek sekolah daif ini adalah satu– *is a mountain task* lah sebab kita baru bermula dan masalah ini dah lama dah. Kita rasa apa yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan, tuan-tuan semua memang kerja kuatlah untuk menyelesaikan isu ini.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Terima kasih.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Tetapi ini satu nasional agenda lah yang amat penting, yang perlu kita selesaikan bersama. Saya ada beberapa soalan, tak banyak. Pertamanya, saya nak tanya mengenai dalam Laporan Ketua Audit Negara, terdapat 1,094 sekolah belum diangkat permohonan projek daif dan dia masih belum diangkat tetapi ada satu disebut di sini bahawa pada tarikh 31 Disember– setakat 31 Disember 2022, terdapat 205 sekolah ataupun 18.7 peratus mendapat syor JKR. Syor JKR ini menyatakan bahawa ini antara satu sehingga 13 tahun, ada yang dah 13 tahun dibawa syor oleh JKR tetapi tidak diangkat permohonan ini.

Itu soalan saya yang pertama. Kenapa berlaku sedemikian dan bilakah 1,094 sekolah ini yang belum diangkat ini akan diangkat untuk mendapatkan permohonan? Keduanya, berhubung dengan mana-mana bangunan, termasuk sekolah sendiri, kadang-kadang kita ada masalah mengenai CF ataupun CCC ya. Ini berlaku di mana-mana. *Whatever terms you want to use.* Adakah kementerian menghadapi masalah sebegini dan juga melambatkan proses bagi murid-murid dan guru-guru masuk ke sekolah-sekolah berkenaan?

Dan lagi satu, dalam peringkat 12, peringkat reka bentuk. Nombor satu sampai 11, JKR Sarawak tetapi nombor satu sampai lima oleh KPM. Apakah sebabnya dia berbeza? Sekian sahaja, terima kasih Datuk Wira.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Izinkan saya, YB. Yang pertamanya, berkaitan dengan *task* untuk sekolah daif ini memang kalau kita lihat secara umumnya, memang sangat

menyeluruhlah. Kalau kita lihat kebanyakan bangunan di sekolah di Sabah dan Sarawak ini merupakan bangunan yang sebelum merdeka lagi. Tahun 1920 dan ditubuhkan sekolah-sekolah tersebut dan kebanyakannya sekolah itu sekarang telah menjadi sekolah yang daif. Terima kasihlah di atas ayat yang mengatakan KPM kerja kuat. Memang kami kerja kuat, YB., untuk memastikan supaya sekolah daif dapat disiapkan.

Yang keduanya, kami tidak mengalami *shortfall* yang tinggi setiap tahun kerana *performance* kami sentiasa diawasi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga MOF supaya tidak berlaku dari segi pembaziran sumber kewangan.

Yang seterusnya ialah berkaitan dengan sekolah-sekolah yang 1,094 yang belum diangkat. Didapati sekolah-sekolah ini dalam proses penilaian lah. Yang pertamanya, yang diberi contoh ada 205 buah sekolah mempunyai bangunan daif yang telah diperiksa dengan mendapat syor JKR dan untuk makluman YB juga, daripada 205 sekolah tersebut, kita telah angkat dan 31 sekolah telah diluluskan dalam RMKe-12 RP Ketiga, daripada 205 sekolah tadi. 19 sekolah telah diluluskan dalam RMKe-12 RP Keempat dan 29 sekolah telah memenuhi kriteria, kita akan mohon dalam RP Kelima. 44 sekolah akan dimohon secara berfasa setelah memenuhi kriteria yang kita bagi, enam kriteria tadilah. Sembilan sekolah telah dibaikpulih ataupun di selenggara, maknanya *cancel* lah sekolah daif. Yang 73 sekolah tadi itu sedang di dalam proses pemutihan tapaklah sebab syarat-syarat untuk masuk kebenaran merancang semua, tapak mesti sempurna milik. Jadi, kita buat pemutihan dalam keadaan yang segera supaya sekolah ini dapat disenaraikan dan dilaksanakan projek sekolah daif.

Daripada segi CF dan CCC ini, saya rasa pada pandangan saya, saya memang mengalami masalah lah, terutamanya *different* PBT, syaratnya adalah berbeza-beza. Syarat PBT ini macam ini, kita dah penuhi. Okey, dapat CCC tapi PBT lain, syaratnya lain pula. Jadi, kita terpaksa mengikut syarat yang diberikan oleh PBT, terutamanya yang melibatkan bombalah terutamanya, ha bomba. Bomba agak sukar juga kerana dia punya spesifikasi yang ditetapkan itu, projek kita projek yang tahun 2019, spesifikasinya adalah berlainan, kontraknya adalah berlainan dan kehendak bomba sekarang adalah berlainan.

So, kalau kita tak mengikuti spesifikasi dia, maknanya kita tidak diberikan perakuanlah untuk mendapatkan CCC. Tapi kita telah membuat libat urus dengan bomba, kita buat mohon belas ihsanlah supaya syarat-syarat lama itu diguna pakai dan bomba pun bersetuju dan baru-baru ini pun kita dah dapat CCC untuk dua

projeklah, sekolah Tamil di Negeri Sembilan dan juga di Selangor. Telah mendapat CCC dan akan digunakan pada bulan Mac inilah.

Di negeri-negeri lain pun ada juga masalah berkaitan dengan kebenaran merancanglah terutamanya, Yang Berhormat. Setengah-setengah negeri itu, contoh saya bagi makluman, kalau kita hendak buat dewan terbuka, mereka kata tak perlu kebenaran merancang, masuk pun cukup tapi setengah-setengah negeri kena kebenaran merancang. Kita perlu mengemukakan. Jadi, itu yang menyebabkan projek itu lambat untuk bermula. Bila kita hendak memenuhi keperluan merancang dan ada mereka memberikan keperluan merancang yang bersyarat. Yang bersyarat masa itu, saya jadi YDP. Tiba-tiba projek siap, orang lain pula jadi YDP. Jadi, syarat itu dah berubah. Jadi, untuk memenuhi syarat tersebut, kita terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang tinggi juga. Terpaksa membina jalan, terpaksa membina jejantas. Ada satu projek itu kita terpaksa membina jalanlah. Memindahkan utiliti, sedangkan jalan itu merupakan jalan JKR lah, jalan Persekutuan tapi kalau kita tak membina jalan itu, maknanya projek itu tak akan dapat CCC.

#### ■1300

So, kita terpaksalah membina jalan dan untuk makluman juga, kita minta CPO dululah. Jadi, CPO maknanya kita boleh guna sekolah itu dulu. Biarlah jalan tak siap dulu, sebab sekolah itu pun sekolah berasrama penuh. Kita memang nak cepat digunakan *insya-Allah*, kita dah dapat CPO dan kita akan gunakan pada bulan Mac inilah.

Itulah cabaran-cabaran di Kementerian Pendidikan Malaysia berkaitan dengan PBT. Saya pun ada berbincang dengan KSU KPKT berkaitan dengan perkara ini supaya memudahkan syarat-syarat. Kita bukan nak *escape*, tak. Kita cuma nak memudahkan syarat-syaratnya, itu sahaja YB.

So, sekolah daif pun sama juga. Kalau tak dapat kebenaran merancang, tak dapat— maknanya kita tak dapat melaksanakan sekolah daif, kebenaran meroboh. Selepas itu untuk melaksanakan sekolah, kita terpaksa mengemukakan kebenaran merancang juga dari segi lokasi dan sebagainya juga. Menyebabkan— contoh macam di Sarawak, nak gunakan kaedah IBS. Nak bawa lori IBS nak masuk ke sana pun memang tak lepas nak *corner* pun, lalu atas sungai. Ada kita bawa jentera berat jatuh dalam sungai pun. Jadi, kita minta pengecualian untuk IBS. *Alhamdulillah*, dapat. Maknanya, gunakan kaedah konvensional dan sebagainya lagi. Janji sekolah daif dapat disiapkan. Memang kita nak siapkan, memang kita bekerja memang beratlah juga walaupun cabarannya agak tinggilah.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey. Terima kasih. Sebelum saya teruskan, kita akan berakhir pada jam 1.30 petang. Jadi ada tiga Ahli Yang Berhormat yang nak bercakap— Saratok, Bayan Baru, Sik dan Wangsa Maju, empat. Tampin *last ya. Sompel tak ni ha?* Okey. Itu saja. Terima kasih.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Terima kasih Pengerusi. Isu sekolah daif ini adalah isu yang memang besar dan menyentuh jiwa terutamanya penduduk pedalaman Sabah dan Sarawak. Sebab kebanyakannya sekolah tersebut di Sabah Sarawak dan sekolah adalah menjadi pusat di sesuatu komuniti itu.

Macam di pedalaman Sarawak, semua rumah panjang— mungkin 10 buah sekolah yang menghantar anak ke sekolah tersebut menjadikan sekolah sebagai *center of community*. Maknanya sekolah itu bukan hanya berfungsi sebagai sekolah, tapi sebagai *center* kepada keseluruhan masyarakat di situ. Jadi, isu sekolah daif ini di Sarawak terutama di kawasan pedalaman.

Salah satu daripada isu dia adalah, ada sekolah yang kurang murid. Mungkin ada 30 murid, 50 orang murid. Jadi daripada 105 sekolah yang belum diperiksa JKR itu, mungkin kebanyakannya dari pedalaman Sabah dan Sarawak yang kurang murid ini. Jadi sebelum menyelesaikan sekolah isu daif ini, kena buat dulu isu sekolah kurang murid ini digabungkan atau tidak. Itu— tapi memang komuniti memang tak akan— tak nak tutup sekolah. Itu pengalaman kita. Jadi, bilakah sekolah yang 105 buah lagi itu belum diperiksa itu akan dilakukan pemeriksaan dia? Itu soalan yang pertama sayalah.

Kedua adalah di Sarawak, isu pengambilan tanah itu satu isu yang agak rumit. Sebab melibatkan tanah adat dan melibatkan *state land survey*, jadi proses dia memang panjang. Sebab saya *personally* terlibat untuk mempercepatkan proses ini di kawasan saya di SK Ulu Kabo itu. Dah beberapa tahun proses perolehan dia. Jadi, isu tersebut macam mana untuk menyelesaikan dia dengan kerajaan Sarawak? Adakah kerajaan Sarawak sekarang memberi mudah cara untuk pengambilan tanah tersebut? Sebab kebanyakan sekolah di luar bandar ini dia tak ada *title*, tak ada geran tanah. Dia menggunakan NCR dan daripada moyang-moyang dulu orangnya bagi tanah, meminjamkan tanah tersebut. Tiba-tiba sekarang, anak cucu dia nak *claim* balik tanah itu. Itu memang terjadilah.

Jadi, proses itu yang lama itu dan salah satu daripada dia SK Ulu Kabo itu yang sekolah yang tadi itu yang banjir, yang nak runtuh itu, saya sendiri *personally* terlibat dalam isu sekolah tersebut. Jadi, macam manakah proses permintaan tanah di Sarawak ini? Macam mana dengan SKM tadi? Adakah akan digabungkan dan bilakah sekolah tersebut, 105 buah itu akan disiapkan pemeriksaan oleh JKR? Tiga

isu sebenarnya yang sekarang inilah. Nanti ada banyak lagi lah. *[Ketawa]* Terima kasih ya.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Terima kasih YB. Kalau saya lihat dalam data ini, YB pun banyak juga sekolah daif di kawasan YB ini. Ada 14 projek sekolah daif.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Memang banyak. Saratok memang banyak. Itu yang belum diperiksa itu memang banyak di Saratok itu belum diperiksa lagi. Sebab sekolah kat kampung saya belum lagi dalam *list* saya tengok. Jadi, memang banyaklah. Sebab itu menjadi tanggungjawab kita lah sebagai wakil rakyat dan kita memang kerja rapat dengan pihak pendidikan Sarawak dan Jabatan Pendidikan Daerah sebenarnya. Kita memang selalu berkomunikasi untuk menyelesaikan masalah ini dan *we have a very good relationship* dengan Kementerian Pendidikan.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Okey. Kalau ikut maklumat yang saya ada depan saya ini YB ada 14 buah sekolah, tujuh dah siap; dua dalam proses pembinaan; lima lagi masih pra lah. Untuk makluman Yang Berhormat, berkaitan dengan isu sekolah yang kurang murid ini ya— saya pergi kepada sekolah kurang murid dahulu.

Untuk kita menutup sesuatu sekolah itu bukan lah sesuatu perkara yang mudah di mana kalau ada lima orang pelajar, kelima-kelima ibu bapanya perlu bersetuju. Kalau seorang tak bersetuju, kita tak boleh nak menutup sekolah tersebut. Itu memang dia punya peraturan dialah. Jadi, di kawasan lain pun sama banyak sekolah yang mengalami kekurangan murid. Kalau boleh di Sarawak kita nak gabungkan tiga sekolah jadi satu sekolah, maknanya kita bina sekolah. Memang ada hasrat itu, tapi untuk menutup satu sekolah yang kurang murid itu bukanlah satu perkara yang senanglah YB.

Keduanya, berkaitan dengan 105 sekolah yang belum dilakukan pemeriksaan oleh JKR itu. 71 sekolah sedang dalam permohonan pemeriksaan dan saya bersama saya pun ada JKR Sarawak sini YB. Kalau JKR Sarawak nak menambah. YB, saya minta JKR Sarawak tambah sikit.

**Ir. Ts. Br. Dr. Cassidy Anak Morris [Jabatan Kerja Raya Sarawak]:** Terima kasih di atas peluang untuk menjawab soalan daripada YB—YB Datuk. Okey. Kalau kita lihat daripada segi senarai sekolah yang belum kita lagi periksa, kita ada 11 sahaja dalam senarai tersebut iaitu— kalau saya boleh baca.

- (i) Sekolah Kebangsaan Singat;
- (ii) Sekolah Kebangsaan Lepong Ajai;
- (iii) Sekolah Kebangsaan Rumah Undi;

- (iv) Sekolah Kebangsaan Kampung Gumpey;
- (v) Sekolah Kebangsaan Gran/Stumbin;
- (vi) Sekolah Kebangsaan Sungai Aup;
- (vii) Sekolah Kebangsaan Sampun Tebun;
- (viii) Sekolah Kebangsaan Sungai Apong;
- (ix) Sekolah Kebangsaan Bumiputera;
- (x) Sekolah Kebangsaan Santubong; dan
- (xi) Sekolah Kebangsaan Pending.

Jadi, sebenarnya dalam rekod ini kita telah dimaklumkan belum membuat pemeriksaan dan apa yang kita telah mengambil tindakan adalah kita akan pastikan pemeriksaan untuk baki sekolah yang belum diperiksa akan siap *by end of this month*. Jadi, itu tindakan nekad kitalah untuk memastikan *speed of the process* dan mungkin YB Datuk tadi nyatakan sekolah-sekolah di kawasan YB yang belum diperiksa. Saya rasa yang ini dah diperiksa. Cuma belum lagi dimaklumkan kepada YB ataupun belum dinyatakan lagilah. Itu sahaja yang kita dapat *update* YB Datuk untuk JKR Sarawak.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Terima kasih. Dulu pernah berkhidmat di Saratok. *[Ketawa]*

**Ir. Ts. Br. Dr. Cassidy Anak Morris [Jabatan Kerja Raya Sarawak]:** Ya betul.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** YB, untuk isu tanah, Kerajaan Negeri Sarawak dia memang bagi kerjasama yang sepenuhnyalah. Pertamanya, dia bagi *approval* secara *blanket*-lah. Maknanya kalau kita ada isu sekolah daif, dia akan bagi kelulusan secara *blanket*. Selepas itu *at the same time* kita memohonlah KMT. Tak ada isu daripada segi untuk masuk tapak. Cuma isunya nak pergi buat projek saja.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Pemutihan macam mana? Status pemutihan dia.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Status pemutihan, kalau ada dapat dia punya keputusan daripada kerajaan negeri, maknanya kita akan orang kata apa—sertakan dalam kita punya KMT lah. Supaya kebenaran merancang itu kita perolehi dan kita *all out* untuk membuat pemutihan di semua negeri sekarang YB, bukan di Sarawak sahaja, di Sabah pun sama dan negeri-negeri di Semenanjung pun sama. Sebab ada setengah-setengah tapak itu dah milik kita, tapi belum ditukar ke PTP dan sebagainya lagi.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Baik.

■1310

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Itu yang penting sebab syarat EPU Kementerian Ekonomi, pemilikan tapak mesti PTP. Tetapi sekarang ini pun kita sedang berunding dengan Kementerian Ekonomi supaya diberi kelonggaran untuk sekolah daif dan mereka nampaknya ada persetujuan sedikitlah. Cuma, kita tidak dapat secara *black and white* lagilah. *Insya-Allah* akan dapat dalam masa terdekat.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Okey, terima kasih.

**Datuk Masyati binti Abang Ibrahim:** Yang Berhormat, mungkin hendak menambah sedikit tadi. Ada persoalan mengenai adakah libat urus dilaksanakan dengan pihak kerajaan negeri seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berbahagia Dato' Indera tadi. Memang kerjasama diberikan erat oleh semua kerajaan negeri dan juga tidak ketinggalan Jabatan Tanah dan Survei. Oleh sebab itu, semasa kita mengadakan bengkel dengan kerajaan negeri, di mana Jabatan Tanah dan Survei, pengarahnya berada di situ, dan bagi yang telah diluluskan dibenarkan secara *blanket approval*-lah untuk masuk tapak dahulu, KMT.

Akan tetapi, mestilah buatkan permohonan pada masa yang sama, *concurrently*. Jadi bagi itu, bagi yang telah diluluskan. Bagi yang belum diluluskan, maka tadi telah dimaklumkan Kementerian Ekonomi akan menerima secara verbal kalau kita sudah mendapatkan kebenaran daripada pihak kerajaan negeri, maka kita bolehlah mengangkat untuk dibuatkan permohonan. Lebih kurang seperti itulah YB. Jadi, libat urus itu sentiasa ada.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Okey, terima kasih. Berita yang baik tadi adalah sekolah yang kurang murid itu tidak boleh ditutup kecuali persetujuan daripada semua...

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi:** Ibu bapa.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Ibu bapa sebab Sarawak banyak – dan dahulu ada – kerajaan terdahulu ada membuat program untuk menutup sekolah dan kebanyakan komuniti memang semua, memang tidak akan setuju. Jadi, memang hendak *di-upgrade*-lah sekolah tersebut sebab sekolah biasanya kurang murid itu dikemudiankan daripada penyelenggaraan. Dahululah. Sekarang mungkin *approach* baharu so semua kena buat penyelenggaraan dan baik pulih yang daif ini, terima kasih.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi:** Untuk makluman Datuk Wira Pengerusi juga, Datuk Wira Pengerusi, nama yang sama orang Melaka, tetapi

kita ada orang Sarawak sebelah sini, nama yang sama. Jadi, kita ada ejen di Sarawaklah. *[Ketawa]*

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Terima kasih Pengurus, terima kasih Dato' KSU. Terima kasih juga kepada semua KPM yang berusaha untuk membaik pulih dan juga menaik taraf sekolah daif. Ini kerja yang sangat penting buat untuk anak murid kita semua.

Saya ingin tanya tiga soalan, tetapi saya rasa, saya tanya satu persatulah senang sedikit. So, soalan pertama saya adalah kita hendak – bolehkah – kerana kita tahu sekarang proses ini semakin lama kita duduk di sini, semakin kita tahu tentang proses, tetapi semakin rumit saya rasa. Kalau boleh terangkan kepada kami *A to Z; step one* buat apa, secara sepantas laulah untuk pembangunan sekolah daif, dia punya prosesnya. Dapat kelulusan daripada PBT-kah, dapat ini, semua masukkan supaya kita boleh tahu dia punya kelancaran tersebut.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi:** Proses untuk permohonan projek sekolah daif di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia yang pertamanya ialah kita kena membuat perancangan di peringkat PPD dan juga di peringkat negeri dahulu. Maknanya, pihak negeri akan membuat dari segi semakan, status dan sebagainya lagi dan sekiranya, macam tadi, memenuhi segala kriteria yang ditetapkan enam tadi, pihak JPN akan menyenaraikan projek tersebut dalam sistem EMIS dan ini akan dihantar kepada Bahagian EPRD, ini bahagian perancangan di bahagian KPM.

EPRD akan mengumpulkan segala senarai yang diterima daripada Jabatan Pendidikan Negeri seluruh Malaysia dan mereka akan menyenaraikan mengikut keutamaan berdasarkan kepada skala-skala yang kita tetapkan tadi. Ini terlalu daif, yang ini kurang daif sikit, yang ini hanya memerlukan satu blok bangunan dan kita memberi prioriti kepada projek-projek yang sangat kritikal YB. Sehingga pelajar-pelajar – ada sesetengah itu pelajar-pelajar tidak dapat menggunakan langsung bangunan tersebut. Terpaksa belajar di dalam dewan dan sebagainya lagi.

Jadi, hasil daripada penyenaraian tersebut, kita seterusnya akan bawa kepada – dari segi bajet KPM. Apa yang KPM hendak mohon untuk rancangan *rolling plan* seterusnya; bilangan sekolah daif berapa, bilangan sekolah baharu berapa. So, kita ada – sekiranya memenuhi syarat, kita akan senaraikan kepada Kementerian Ekonomi. Sebab keputusan kelulusan dan sebagainya lagi, sekiranya memenuhi syarat, adalah di bawah Kementerian Ekonomi, kita hanya memohon. Kalau Kementerian Ekonomi, kita minta 100, Kementerian Ekonomi luluskan 100, *alhamdulillah*. Akan tetapi, kalau dia luluskan 50, kita pun *alhamdulillah* juga, sebab

ada kelulusan. Tetapi kalau tidak lulus langsung, itu kita rasa kita tidak memenuhi syarat.

Akan tetapi, setakat ini tidak ada masalah untuk sekolah daif. Apa yang kita pohon, lulus. Cuma, untuk mencapai syarat-syarat kriteria tadi, itu yang susah sikitlah di sekolah-sekolah ini. Sebab prosesnya mungkin mengambil masa yang agak lama juga, YB. Macam contoh, projek mohon 2019 dahulu, 2022. Selepas itu mulalah kita kata KPM kenapa lambat ubah skop dan sebagainya. Sebab keperluan 2022 itu sudah berlainan daripada keperluan 2019. Maknanya, kalau penggantian satu sekolah pun sama. Maknanya, hendak ganti makmal, hendak ganti itu dan sebagainya lagi, memerlukan kos yang lebih banyak.

Jadi, kita cuba sebaik yang mungkin supaya sekolah yang kita bina sekolah daif ini dia akan lebih baik dan saya percaya kalau YB lihatlah sekolah di Sarawak, saya pun dengki sebenarnya. Sekolah di Sarawak lagi cantik daripada sekolah-sekolah di Semenanjung. Dengan adanya sekolah-sekolah daif yang kita bina, biasanya di Sarawak dia *one-to-one*. Maknanya, satu sekolah kita tukar, betul YB ya. Di Semenanjung kita tukar blok sahaja, blok A, blok B. Di Sarawak biasanya kita satu sekolah kita buat sekolah yang baharu, kita runtuhkan sekolah yang lama.

Jadi, dari segi bajet KPM dan juga apa yang diluluskan oleh Kementerian Ekonomi itulah yang akan kita laksanakan. Sekiranya tidak diluluskan YB, kita akan cuba balik pada tahun yang akan datang. Sebab duitnya amat terhad dan biasanya tahun ini kita diluluskan RM58.7 bilion dan peruntukan pembangunan kita telah bertambahlah hampir ke RM6 bilion dan hasilnya adalah lebih banyak sekolah daif telah diluluskan. Kita juga ada banyak sambungan sekolah daif yang RMKe-11 yang masih lagi dalam peringkat pelaksanaan. Isunya juga kelewatan berlaku disebabkan oleh zaman pandemik dahululah di mana JKR tidak boleh turun tapak dan sebagainya lagi dan NOC juga yang menyebabkan.

Selepas hantar ke Kementerian Ekonomi, kita akan semak, waran dikeluarkan, selepas itu kita akan mula untuk projek, untuk tahun yang seterusnya YB. Itulah proses dia.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Terima kasih. Soalan kedua saya, saya nampak bahawa daripada penjelasan Dato' KSU, bahawa pelbagai proses yang panjang, rumit dan sebagainya. Saya nampak juga ada kementerian ada cuba adakan STAR, jawatankuasa khas tersebut. Kalau kita nampak daripada PBT, PBT dia sebenarnya menguruskan banyak projek, kelulusan dan sebagainya.

Saya ambil contoh PBT di Pulau Pinang, dia ada Majlis Bandar Raya Pulau Pinang (MBPP) dia ada *one-stop centre*, di mana *one-stop centre* itu dia wajib

adakan mesyuarat tiap-tiap bulan dan mereka kena ambil semua projek dan dibincangkan. Dia kena disyaratkan selama 30 hari, dia kena lulus atau tolak projek tersebut.

Saya nampak bahawa dari segi KPM dan juga sekolah daif ini dia proses lebih kurang sama sebab dia menguruskan projek. Jadi, adakah kementerian boleh mempertimbangkan mewujudkan *one-stop centre*, di mana semua pegawai dia kena bawa projek itu – di peringkat negerikah atau peringkat pusat pun adakan *one-stop centre*. Dia kena masukkan semua itu untuk diselesaikan *at least* setiap bulan sekali. Apa masalah yang dibangkitkan, boleh diselesaikan, status dan sebagainya. Bolehkah itu dijalankan di dalam KPM?

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi:** Terima kasih YB. Untuk makluman YB, *one-stop centre* ini sebenarnya dia ada berbeza juga layanan. Kalau JKR yang punya projek – kelulusannya adalah *one week* ataupun satu minggu kan, untuk dapatkan KM kan?

**Seorang Ahli:** Bergantung juga.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi:** Bergantung juga – tetapi kalau buat melalui perunding, tempoh kelulusannya agak lama YB. Sebab perunding ini dikira sebagai agensi swastalah.

Oleh sebab projek-projek di bawah KPM kita ada banyak kategori, yang pertamanya kita laksanakan melalui JKR.

#### ■1320

Keduanya, kita laksanakan melalui perunding. Jadi, yang biasanya mengambil tempoh yang agak lama untuk mendapat kebenaran merancang ini adalah daripada pihak perunding dan biasanya kalau G2G ini dia banyak *give and take* lah kepada JKR. Paling-paling lewat pun sebulan. Tetapi, setengah-setengah perunding itu selagi dia tak memenuhi syarat, maknanya dia takkan dapat kebenaran merancang dan selagi itulah projek tidak boleh dilaksanakan. Kalau kita masuk tapak tanpa kebenaran merancang, kita akan didenda dan dendanya bukan sedikit jugalah.

Jadi, saya di peringkat kementerian sebenarnya kita ada mesyuarat penyelarasan setiap bulan, YB. Kita ada– Setiap bulan kita ada mesyuarat penyelarasan. Kita ada Jabatan Kerja Raya Cawangan Pendidikan yang melaksanakan projek-projek pendidikan. Kita setiap bulan ada perbincangan. JKR Sabah dan JKR Sarawak, kita ada setiap bulan ada perbincangan untuk isu-isu dan masalah yang berbangkit di negeri-negeri.

Cuma, dari segi perkara yang kita tak dapat elakkan yang perkara yang di luar kawalan kitalah YB. Kalau di luar kawalan itu yang bergantung kepada agensi-

agensi lain. Contohnya, dari segi tadilah tahap pemilikan tanah, dari segi orang kata NOC dan sebagainya lagi. Tetapi, kita mencuba sebaik yang mungkin untuk mempercepatkan projek sekolah daif ini supaya dia takkan jadi— Satu masa dia akan jadi bertimbun-timbun. Kita sikit-sikit tak siap.

Sekarang ini kita dah ambil masa untuk siapkan projek-projek yang 2019, 2020, 2021 dan tahun lepas sahaja kita dah berjaya siapkan 47 sekolah projek daif. Bukan satu kerja yang senang YB. Daripada tahun ini kita pun sasaran hampir samalah. Sebanyak 40 projek untuk disiapkan dan projek-projek yang diluluskan tahun 2024 juga banyak, sebanyak 73. Maknanya kita terpaksa memastikan supaya projek ini dilaksanakan dengan segera tetapi dengan adanya STAR tadi saya rasa JKR pun mengalami kelegaanlah projek tendernya cepat. Lepas itu, kalau dilaksanakan secara dalaman lagi cepat.

Tetapi sebenarnya JKR Malaysia bukan sahaja menjaga projek KPM. Semua kementerian, di bawah JKR Malaysia. Jadi, bebanan yang agak banyak dan setengah-setengah itu KPM mohon daripada JKR Malaysia AP182 untuk buat bantu JKR Malaysia. Sebab itu ada agensi pelaksana KPM. Sebab kita bantu JKR Malaysia. Sebab kita pun ada kader daripada JKR Malaysia, YB.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Terima kasih Dato'. Saya nak tanya JKR Malaysia, kita nampak bahawa *Audit Report* dia kata mendapat syor antara satu hingga 13 tahun. Bermaksudnya, dia tunggu JKR 13 tahun untuk mendapatkan syor untuk diangkat sebagai sekolah daif. Saya nak tanya, kenapa mengambil masa yang begitu panjang? Soalan saya tak tujukan kepada JKR sebab kita ada masalah dengan JKR di banyak kawasan YB. Kalau kita nak turun untuk projek yang kecil sahaja ya. Contohnya, nak pasang *air-cond* untuk sekolah, perlu pegawai daripada JKR untuk turun untuk memeriksa dia punya *current* dan sebagainya. Benda-benda kecil pun kena JKR turun.

Tetapi, kami difahamkan bahawa JKR sememangnya mereka sibuk dengan pelbagai kerja dan selalunya *site visit* itu ditundakan. Kalau kita tengok sekarang projek yang begitu banyak ya, itu lagi JKR saya rasa terbeban dengan kerja yang begitu banyak. Jadi, saya nak tanya, bolehkah JKR permudahkan semua proses-proses untuk memudahcarakan? Tengoklah keseluruhan. Contohnya, *air-cond* tak payah turun untuk *check* sebab *air-cond* ini benda kecil. Sekarang *air-cond* sangat efisien. Dia tidak membebankan *current*.

So, saya punya poin adalah, bagaimana JKR mempermudahkan proses supaya projek-projek pelaksanaan di sekolah itu dipermudahkan? Itu soalan pertama

dan mohon jawab mengapa memerlukan 13 tahun untuk mendapatkan syor JKR? Terima kasih.

**Dato' Ir. Haji. Badioezaman bin Ab Khalik [Jabatan Kerja Raya]:** Terima kasih YB. Cuma, saya akan jawab yang soalan YB yang kedua dahulu lah. Sebenarnya dari segi permohonan itu, dia nak buat *wiring* dan sebagainya, saya rasa benda itu sepatutnya datang daripada sekolah sendirilah. Sekolah *is the owner of the building*. Dia mengemukakan permohonan. Kebiasaannya mereka akan mengemukakan permohonan kepada Jabatan Teknikal supaya kita boleh menilai dari segi kesesuaian, keupayaan, kecukupan dari segi *loading* dan sebagainya. Kalau mungkin takat pasang satu bilik *air-cond* dan sebagainya, mungkin benda itu – Biasanya kita benda ini kalau tak dimaklum pun kita tak tahu sebenarnya.

Jadi, benda ini kadang ada yang PIBG melaksanakan sendiri tetapi seeloknya benda ini dimaklum *because* pada saya, JKR sentiasa– Tiap-tiap daerah dia ada dia punya pejabat JKR daerah sendiri di mana bantuan daripada bahagian mekanikal dan *electrical* boleh dipohon supaya kita boleh memeriksa. Ini cuma sebagai langkah keselamatan, YB. Sekiranya kita tak melaksanakan benda itu dikhuatiri, sekiranya dilakukan tambahan kerja yang berterusan akan boleh menyebabkan litar pintas dan sebagainyalah. Itu saya punya jawapanlah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Mohon penjelasan tentang Laporan Audit. Dia mengambil satu hingga 13 tahun untuk mendapatkan syor JKR. Kenapa memakai masa yang begitu panjang?

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Maaf YB. Boleh bagi panduan kepada kita tak yang *which* projek YB? Isunya ada setengah-setengah itu kita dah jawab kepada Ketua Audit Negara. Dah diterima pun jawapan dia. Mungkin kita tak *aware* lah yang dah diterima itu. Nanti kita semak baliklah. Kalau ada, kita akan hantar jawapan secara bertulis, YB.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Boleh.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Boleh ya?

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Dan soalan— Bentara akan tunjukkan slaid tersebut. Sebab itu, mungkin dia *briefing* kepada kami adalah mendapat syor JKR antara— Dia memerlukan satu hingga 13 tahun. So, saya nampak itu terlampaui lama. *This shouldn't happen at all.* Satu tahun pun dah kira lama dah.

**Puan Raftah binti Ibrahim [Jabatan Audit Negara]:** Maaf YB. Boleh saya perbetulkan sedikit? Saya daripada Audit Negara.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Okey.

**Puan Raftah binti Ibrahim [Jabatan Audit Negara]:** Tadi itu telah mendapat syor JKR antara satu hingga 13 tahun tetapi masih belum diangkat untuk pelaksanaan projek.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Okey, terima kasih, penjelasan. Maksudnya, sudah dapat syor daripada JKR tetapi *takes* 13 tahun untuk KPM diangkat sebagai sekolah daif. Maaf ya. Maaf. Itu pun satu masalah juga kan?

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Itu, sama ada dah memenuhi satu kriteria. Ada banyak lagi kriteria yang perlu dipenuhi YB. Contohnya, cari pemilikan tanah dari segi orang kata yang enam kriteria tadi lah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Tetapi 13 tahun tau Dato' KSU.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Itu saya semak balik.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** 13 tahun itu, itu budak sudah masuk universiti.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Betul YB.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Betul ya. Jadi Dato', *I think this one* saya perlukan satu jawapan lah ya.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Nanti kita akan pastikanlah perkara yang sama takkan berulang lagi lalih YB. Tetapi yang ini satu hingga 13 tahun ini tahun 2000, 2023 baru angkat YB. Makna 13 tahun dah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Okey, soalan terakhir saya adalah dana untuk—tambah satu lah ini. Dana sekolah daif itu RM1 bilion dan juga ada dana khas Sabah dan Sarawak yang diberikan kepada— pun RM1 bilion juga. Jadi, adakah itu pun digunakan untuk sekolah daif? Mohon penjelasan.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Untuk makluman YB, dana RM1 bilion hanya untuk Sarawak sahaja. Itu adalah merupakan hasil daripada bayaran balik hutang ini dahulu lah. Maknanya kerajaan pulangkan balik dalam bentuk pembinaan sekolah daif RM1 bilion. Tetapi, setahu saya di Sarawak, di Sabah, tak ada. Ada hanya di Sarawak sahaja.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** So total sekolah daif untuk Sarawak berapa?

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Slaid kita tadi YB, slaid yang pertama tadi. Cuba buka balik slaid yang pertama tadi. Maaf YB ya. Nak pergi *page one*. Lagi, lagi, okey.

■1330

Kalau kita lihat di Sabah keseluruhan sekolah daif adalah sebanyak 3.76 bilion, di mana di Sarawak pula 2.96 bilion. Ini tak termasuk yang satu bilion itulah...

**Datuk Masyati binti Abang Ibrahim [Kementerian Pendidikan Malaysia]:**  
Masuk sekali.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Masuk sekali? Oh, masuk sekali sorry, minta maaf YB. Maknanya campur satu bilion, Sabah lagi tinggi jumlahnya daripada Sarawak, dari segi sekolah daif.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Tapi ia punya yang siap itu 217, compared to Sarawak 239.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Betul YB.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** *But* ia punya figure quite high ya?

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Ya.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, Sik ada soalan. Tanya terus soalan *then* jawapan diberikan terus rangkum. *Make it short-lah ya sebab dah 1.30 ini. Kita janji 1.30 nak stop.*

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Soalan saya ringkas sahaja. Terima kasih, Datuk Wira Pengerusi. Terima kasih, Dato' KSU dan semua. Soalan pertama, dari segi penakrifan sekolah daif, saya balik asas ya. Dalam proses permohonan bermula daripada sekolah laporkan dalam EMIS dan PPD membuat lawatan dan selepas itu prosesnya PPD laporkan kepada JPN yang berskala enam ya. Jadi, dari segi – saya sebut balik tadi maknanya pentakrifan daif itu adakah di pihak PPD sendiri sudah membuat laporan daif itu di peringkat PPD ataupun perlu maknanya proses seterusnya ialah hantar ke JPN ya dan seterusnya ke JKR negeri. Jadi macam mana proses itu dimurnikan supaya maknanya biar dari segi pengelasan selamat atau tidaknya itu lebih, maknanya lebih sempurna. Lebih tepatnya dan daripada pihak mana? Maknanya sama ada di pihak PPD itu sendiri ataupun di pihak JKR kerana dalam proses ini dalam skala enam itu, saya minta penjelasan...

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Ya.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** ...Skala enam itu yang akan hanya diangkat oleh kementerian kepada Kementerian Ekonomi ataupun ada disebutkan juga hanya berskala tujuh iaitu nak dirobohkan sekolah itu, jadi proses itu.

Kedua, soalan saya ini dalam skop pengauditan LKAN ini 2021, 2022, 2023 ya. Daripada 100 projek 2021, hanya satu yang siap. Jadi semua ini adakah masih dalam jadual ataupun sudah berlaku kelewatan projek ini, 2021, 2022 dan 2023? Kalau 2023 itu 85 projek masih maknanya ada yang belum siap, *zero*.

Okey, yang ketiga. Soalan saya ini berkaitan dengan slaid yang di bentang tadi iaitu daripada keseluruhan projek kalau disebut pada tahun 2023, KPM telah menyalurkan RM1.892 bilion untuk kesemua sekolah di seluruh negara untuk peruntukan kos penyelenggaraan.

Adakah bajet ini langsung daripada bajet tahunan KPM ataupun bajet itu yang telah dimohon kepada Kementerian Ekonomi? Kerana dalam slaid ini juga disebut keutamaan bagi pelaksanaan projek penyelenggaraan adalah bagi yang berskala lima dan enam sahaja. Itu soalan saya. Terima kasih.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Untuk menentukan skala sebenarnya ia diputuskan di peringkat JPN. JPN hanya mampu menentukan skala enam sahaja sebab selamat atau tidak selamat bangunan ini hanya ditentukan oleh JKR Malaysia kerana di JKR ia ada unit forensik ia sendirilah yang menentukan sama ada struktur atau sebahagiannya lagi, masih kah bangunan itu dalam keadaan selamat.

Jadi untuk makluman YB, selagi kita tak dapat pengesahan daripada JKR maknanya kita tak boleh *confirm*-kan skala tujuh itulah. Walau bagaimanapun, sekiranya bangunan itu didapati belum kita dapat pengesahan daripada JKR dan dia kata tidak selamat, memang kita dah tak gunakan. Memang kita tak gunakan.

Cuma kita menunggu pengesahan daripada JKR sebab untuk melupuskan aset tak alih kerajaan ini ia memerlukan pengesahan untuk kita merobohkan dan sebahagiannya lagi perlu ada pengesahan daripada kakitangan teknikal terutamanya daripada JKR yang mempunyai kelayakan dari segi pengesahan.

PPD hanya boleh membawa perkara ini kepada JPN. JPN akan bekerjasama dengan JKR dan masa itu timbulah isu JKR untuk membuat pengesahan dan sebagainya lagi.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Nak *clear*. Dalam PPD lapor kepada JPN itu hanya yang berskala enam sahaja? Itu betul? Bagaimana PPD nak menentukan skala enam itu? Pada hal ia belum lagi merujuk kepada JKR.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** JPN akan tentukan skala enam.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Tapi dalam proses itu maksudnya daripada PPD itu ia hanya diberi ruang untuk lapor kepada...

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** JPN.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** ...JPN jika berskala enam?

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Maknanya, jika ada skala berapa pun maknanya PPD perlu melaporkan kepada JPN sebab kita di PPD kita tak ada kakitangan teknikal, taraf *engineer* dan sebagainya lagi. Kita hanya ada penolong – apa yang dipanggil?

**Seorang Ahli:** Penolong Juruteknik.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Penolong Juruteknik sahaja yang kita ada di PPD. Jadi kalau di JPN kita ada *engineer*. Hanya satu orang *engineer* sahaja di JPN tapi mereka ini yang akan membuat pengesahan bagi pihak JPN dan negeri dan sebagainya, sama ada untuk memanjangkan kepada JKR dan sebagainya lagi YB.

Untuk peruntukan 2023, RM1.892 bilion itu, sebenarnya kita diluluskan sebanyak RM1 bilion untuk penyelenggaraan sekolah di bawah penyelenggaraan sekolah. Kemudiannya kita telah menggunakan peruntukan yang kita tak dapat habiskan ataupun *shortfall* yang dijangka. Kita pindahkan untuk dijadikan penyelenggaraan.

Maknanya DE asas menjadi kepada peruntukan penyelenggaraan sebab itu jumlahnya menjadi RM1.892. Contohnya, macam tahun lepas kita buat projek membaiki tandas semua sekolah di seluruh Malaysia. Itu kita gunakan peruntukan daripada peruntukan DE asas yang telah kita telah tukarkan dengan kebenaran MOF dan EPU untuk dijadikan peruntukan penyelenggaraan dan kita menyelenggara tandas sebanyak RM45 juta...

**Datuk Masyati binti Abang Ibrahim [Kementerian Pendidikan Malaysia]:**  
RM654... [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** RM654 juta. Kita juga diberi peruntukan untuk Sabah dan Sarawak *last year* RM100 juta. Sarawak, RM100 juta, Sabah untuk penyelenggaraan iaitu jumlahnya semua adalah RM1.892 bilion.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Itu maknanya bajet ini maknanya DE asas daripada KPM... *[Bercakap tanpa menggunakan pemberesar suara]*

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Bukan, bukan. Kita tak ambil peruntukan daripada luar sebab kalau kita minta pun akan ada gunakan peruntukan sedia ada. Jadi, kita gunakan peruntukan sedia ada dan *alhamdulillah* lah tahun lepas kita telah dapat berbelanja sebanyak hampir 96 peratus daripada peruntukan pembangunanlah untuk ke sekolah-sekolah. Dari segi prestasi projek 2021, 2022, 2023 yang saya jelaskan tadi Yang Berhormat, berkaitan dengan projek yang telah dipetik oleh Laporan Ketua Audit Negara itu. *Next.* *[Merujuk pada slaid pembentangan]* *Next, next,* yang *pie chart* itu. Ini YB. *[Merujuk pada slaid pembentangan]* Ini status dia yang dipetik tadi. Maknanya status sehingga ke hari ini. Ini status adalah projek yang telah dipetik oleh Laporan Ketua Audit Negara sehingga ke hari ini. Inilah statusnya YB.

Maknanya ada *progress*-lah berkaitan dengan projek-projek ini, kalau dulu masih belum dibuat pembinaan. Sekarang pun telah di SST-kan dalam proses pembinaan dan sebagainya lagi. Terima kasih, YB.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Datuk Wira Pengurus, dari segi *sampling* yang telah dipetik atau telah diambil dalam laporan LKAN itu sendiri. Perincinya telah dibentangkan di sini. *Very good-lah, we got a very good picture.* Dalam masa yang sama juga, kita tahu bahawa ada projek yang perlu JKR punya *verification*, ada projek yang belum lagi dan sebagainya. Itu dah dekat 1,000 lebih, yang 386 ini, yang LKAN dah ambil sebahagian sebagai ia punya sampel tapi yang selain daripada yang sampel itu. Boleh tak kongsikan kepada PAC status projek-projek itu? Selain daripada ataupun di luar daripada sampel yang tak semestinya bagi tahu sekarang, boleh bagi pada PAC kemudian pun tak apa. Cuma nak tahu status projek-projek yang telah diangkat, yang telah disetujui untuk dilaksanakan.

#### ■1340

Contoh, contoh ya. Dalam LKAN punya *report*, projek yang siap, 31 Disember 2022 yang siap 123, dalam pelaksanaan 93, yang belum mula 170. Ini *as at December 2022*. Jadi, kalau dapat sebab dan sebagainya itu yang seperti mana yang perincian yang telah diberikan untuk projek-projek yang diambil sebagai sampel oleh LKAN itu kalau dapat kongsikan *it helps us to get a better picture*-lah daripada segi itu. Itu satu perkara.

Yang— banyak lagi tapi, okey. *Straight to the point.* *[Ketawa]* Daripada apa yang dibentangkan di sini juga, saya nak tahu iaitu status dia. Maknanya ada agensi

pelaksana, JKR Sabah, JKR Sarawak, ada JKR Malaysia, ada KPM. Di Kedah contohnya, ada sekolah di bawah agensi KPM, adanya JKR Malaysia. Kat mana, di mana perbezaan dia, di mana— Bagaimana itu diputuskan ejen pelaksana itu? Itu soalan yang kedua.

Yang ketiga itu *detail*, tapi masa tak ada. Jadi, saya mungkin kemudianlah. Terima kasih.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Terima kasih YB. Daripada segi apa yang dibangkitkan yang pertama tadi, untuk makluman YB, secara keseluruhannya ini ialah sehingga tahun 2024 lah. Untuk maklumat secara *detail*, nanti kita akan hantar secara bertulislah YB ya sebab banyak projeknya dan kita akan kemukakan kepada PAC dalam tempoh tertentu.

Untuk pemilihan projek...

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Sikit, sikit. Minta maaf Dato'...

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Ya.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Nak tambah sikit, Dato'. Itulah sebabnya macam ini kan, yang dalam sampel NOC cuma dua.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Ya.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Kan? Jadi, kalau kita nak tahu yang lebih itu, selain daripada yang 60 sampel itu, berapa banyak isu NOC, berapa banyak isu tanah dan sebagainyalah. Terima kasih.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Ya, kita sebenarnya tiap-tiap bulan kita bincang benda itu dalam mesyuarat di peringkat kementerian dengan JKR Sabah, JKR Sarawak, JKR Malaysia. Kita *push*, memang *push*. Lagipun Kementerian Ekonomi pun ahli mesyuarat jawatankuasa tindakan peringkat kementerian, kita pun *push* supaya dipercepatkan NOC. Tapi, NOC ini melibatkan tambahan peruntukan. Itu daripada segi siling.

Untuk makluman juga YB, berkaitan dengan yang ketiga tadi ialah...

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Agensi pelaksanaan...

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Pelaksanaan JKR dengan KPM. Sebenarnya KPM sepatutnya kita tak buat projek pun. Tapi, memandangkan kita pun ada kakitangan kader JKR di KPM, ramai juga. Jadi, bila kita tengok bebanan JKR itu terlalu tinggi, jadi projek-projek yang harganya tak tinggi yang mampu dilaksanakan di peringkat KPM kita akan

laksanakan. Contohnya kita buat pembinaan dewan terbuka yang kosnya RM1 juta. Lepas itu, sekolah-sekolah yang bernilai bawah daripada RM30 juta kah. Kita ada siling kita yang kita tentukan untuk membantu JKR Malaysia untuk menyiapkan pada masa yang sama berjalan serentak. Tetapi, kaedah pelaksanaan melalui KPM ini kita menggunakan perunding. Kita menggunakan perunding.

Macam JKR Malaysia, dia pun ada dua *approach* juga. Sama ada pertamanya dia mungkin gunakan *design and build*, kalau dia mohon daripada pegawai pengawallah. Tapi, dia menggunakan kaedah konvensional. Maknanya dia gunakan secara dalaman. Jadi, benda itu dah daripada dahulu lagi perkara macam itu. Sebenarnya pada tahun lepas pun, banyak kita lepaskan kepada JKR Malaysia. Kita cuma ambil projek yang kecil-kecil saja untuk membantu JKR Malaysia.

Sebab bebanan daripada JKR Malaysia pun kita ambil perhatian jugalah YB. Jadi, setakat ini, penggunaan konsultan biasanya dia punya reka bentuk agak lamalah. Sebab kalau JKR Malaysia ini, dia dah ada *Pre-Approved Plan*. Dia dah boleh gunakan pelan yang standard dia. Macam kita ini, nak gunakan PAP, JKR dia kata, konsultan tidak boleh guna PAP kan? Maknanya untuk G2G bolehlah. Macam Sabah, Sarawak nak guna bolehlah. Tapi, kalau konsultan, maknanya kita kena reka bentuk sendirilah berdasarkan kepada keperluan.

Jadi, atas faktor-faktor tertentu, untuk memudahkan JKR Malaysia, KPM juga melaksanakan sebahagian daripada projek. Itu saja, YB.

**Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]:** Okay, *last. [Ketawa]* Untuk berkaitan dengan berkaitan projek sakit, kita dah ada enam projek sakit ya dan saya tengok di sini, contohlah, saya ambil contoh, Sekolah Daif Paket 4, kontraktor dia, Cottage Holdings. Saya nak tanya Dato' KSU lah, sama ada kita bagi paket ini lebih baik ataupun kita bagi— Dia ada empat sekolah. Bagi setiap sekolah itu, ada satu kontraktor. Mana lebih baik? Kan? Saya rasa mungkin ada kos yang lebih murah dan sebagainya. Saya tak pasti.

Yang keduanya, Dato' KSU, kalau ikutkan tarikh siap semasa adalah 30 Mei 2023. Ini dah, 2024.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Ya.

**Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]:** LAD dia *almost 5,000*. Dato' KSU yakin kah boleh siap dan kontraktor boleh bayar LAD ini? Terima kasih.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Okey, terima kasih YB. Sebenarnya ini adalah merupakan *approach* daripada JKR Sarawak dulu. Menggunakan secara berpakej supaya satu kontraktor

dapat dua, tiga pakej. Tapi, kita punya *findings*, memang macam YB jangkakanlah. Maknanya lepas ini, kita tak akan buat secara berpakej lagi lah.

Jadi, cara berpakej ini, kontraktor dia fokus, dia dapat tiga pakej, dia buat satu pakej. Lepas itu, dua pakej dia biarkan, dia buat *slow*. Lepas itu, siap pakej satu, dia pergi pakej dua, mesti akan mengalami kelewatan. Jadi, disebabkan perkara itu, maknanya *for the future*—Dah sekarang pun dah bermula pun. Kita *dah tak* gunakan secara pakej lagi dah. JKR Sarawak dah mengakui. Dia angguk tadi YB. [Ketawa] Okey, terima kasih YB.

**Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] 5,000 per month dia.*

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Per day.*

**Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Per day.* Dia punya LAD.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Dia ada dua pakej lagi. Maknanya bayaran dia, melibatkan sekali. Secara pakej.

**Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Dia lari itu.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Dia dah ada komitmen. Dah ada komitmen.

**Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]:** So, *sometime* kan, kadang-kadang kontraktor G1 lagi *better* daripada G7.

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** JKR Sarawak boleh siaplah?

**Ir. Ts. Br. Dr. Cassidy Anak Morris [Jabatan Kerja Raya Sarawak]:** Okey. Untuk kesemua projek sakit yang kita bentangkan hari ini di Sarawak, memang kita sedang membuat pemantauan rapi. Jadi, kita memang yakin projek itu dapat siap.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Alright. Terima kasih saya ucapkan pada ini. Saya ada *last* soalan ya. Yang lain semua dah tanya.

Dato' KSU, saya punya soalan *simple* saja. Tadi saya ada baca penurunan kuasa untuk NOC, diturunkan kuasa kepada KSU. Sebelum ini siapa ya? Untuk agihan siling itu?

**Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Untuk makluman YB, sebelum ini semua NOC berada di Kementerian Ekonomi.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** So, harapan— Saya nak ucapkan terima kasihlah pada kementerian dan juga JKR dan kepada semua yang terlibat di atas usaha untuk melakukan penambahbaikan dan kita nampak ada usaha dan juga SOP supaya lebih mudah dan cepat. Sebagaimana yang telah pun dibangkitkan oleh YB Bayan Baru yang sampai 13 tahun syor itu, saya harap Dato' KSU dapat juga tengok tentang perkara ini supaya ada perkara-perkara ataupun *zoom* semula untuk syor yang telah dibuat lama tapi tak diambil tindakan.

Jadi Ahli-ahli PAC juga berpandangan bahawa isu sekolah daif ini, isu yang *crucial* dan ada juga yang berpandangan bahawa ada projek-projek yang besar kat luar itu tak sepatutnya dibagi tetapi patut bagi kepada KPM dan juga JKR untuk kita melaksanakan sekolah ini. Jadi, harapan kami supaya pihak KPM, JKR dapat sama-sama ya berikan pemantauan dan juga fokus dan juga perhatian untuk isu yang telah pun dibangkitkan oleh pihak Audit Negara.

Saya kira itu saja. Saya tangguhkan mesyuarat pada pukul 1.48 dan kita tengok kalau perlu dan kita akan bincangkan. Perlu untuk pihak yang KPM dan JKR datang semula, kena datang baliklah, tapi kalau kita tengok, kita berpuas hati dan kita akan putuskan tak perlu datang, *alhamdulillah*. [*Ketawa*] Jadi, kita akan putuskan nanti. Saya rasa itu saja, terima kasih. Kita tangguhkan persidangan kita pada waktu lain. Terima kasih.

**[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.49 tengah hari]**



# DOKUMEN PEMBENTANGAN



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA



LAPORAN  
KETUA AUDIT NEGARA 2022  
BAGI AKTIVITI  
KEMENTERIAN/JABATAN  
KERajaan PERSEKUTUAN  
DAN BADAN-BADAN  
BERKANUN  
PERSEKUTUAN

# PENGURUSAN NAIK TARAF DAN PEMBANGUNAN SEMULA BANGUNAN DAIF DI SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN

MESYUARAT PRA-PROSIDING  
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
17 JANUARI 2024 (RABU)





JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA



# RUMUSAN

Secara keseluruhannya, pengurusan naik taraf dan pembangunan semula bangunan daif di sekolah **adalah kurang memuaskan.**

## SEBAB:

- 1 Hanya 411 (27.3%) daripada 1,505 sekolah yang dikenal pasti mempunyai bangunan daif telah diangkat permohonan pelaksanaan projek daif.
- 2 Hanya 123 (31.9%) daripada 386 projek daif telah siap.
- 3 Sebanyak 1,094 (72.7%) sekolah belum diangkat permohonan projek daif



# KEMENTERIAN PENDIDIKAN

## PENGURUSAN NAIK TARAF DAN PEMBANGUNAN SEMULA BANGUNAN DAIF DI SEKOLAH

JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA



### LATAR BELAKANG

#### PROJEK DAIF

- Tahun 2016, KPM telah melaksanakan projek daif.
- Penilaian tahap keadaan bangunan/ruang menggunakan skala 1 - 7 bermula tahun 2020. Kategori daif adalah:
  - ✓ Bangunan/ruang pada Skala 6 - 7
  - ✓ Disahkan tidak selamat oleh JKR/JPN

#### KOMITMEN KEWANGAN (2019 – 2022)

- RM1.026 billion (Peruntukan)
- RM715.55 juta (Perbelanjaan)

#### SKOP PENGAUDITAN

- Tahun 2019 - 2022



# KEMENTERIAN PENDIDIKAN

## PENGURUSAN NAIK TARAF DAN PEMBANGUNAN SEMULA BANGUNAN DAIF DI SEKOLAH

JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA



**411**  
sekolah

Telah diangkat permohonan projek daif


**205**  
sekolah

Telah diperiksa oleh JKR tetapi belum diangkat permohonan

**889**  
sekolah

Belum diperiksa oleh JKR

### LATAR BELAKANG (samb...)





# KEMENTERIAN PENDIDIKAN

## PENGURUSAN NAIK TARAF DAN PEMBANGUNAN SEMULA BANGUNAN DAIF DI SEKOLAH

JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA



**1,505**  
**Sekolah**  
(2019 - 2022)

Diangkat Permohonan  
Pelaksanaan Projek Daif

Tidak lulus  
**13**

**411** **27.3%**

Dilulus  
**398**

**131**  
(32.9%) Semakan  
dokumen

**39** Lawatan fizikal

Belum Diangkat Permohonan  
Pelaksanaan Projek Daif

**1,094** **72.7%**

Diperiksa JKR  
**205**

Belum diperiksa  
**889**

**SAMPEL**  
**PENGAUDITAN**

**205**  
(100.0%) Semakan  
dokumen

**29** Lawatan fizikal



# KEMENTERIAN PENDIDIKAN

## PENGURUSAN NAIK TARAF DAN PEMBANGUNAN SEMULA BANGUNAN DAIF DI SEKOLAH

JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA



### Isu 1: Hanya 411 (27.3%) Permohonan Projek Daif (Tahun 2019 – 2022)





JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA



# KEMENTERIAN PENDIDIKAN

## PENGURUSAN NAIK TARAF DAN PEMBANGUNAN SEMULA BANGUNAN DAIF DI SEKOLAH

### Isu 2: Hanya 123 (31.9%) daripada 386 Projek Daif Siap Dilaksanakan

**Status  
Pelaksanaan  
386 Projek  
Daif**



**Sehingga  
31 Disember 2022**

**Siap**  
123 (31.9%) sekolah

**Dalam Pelaksanaan**  
93 (24.1%) sekolah

**Belum Mula**  
170 (44.0%) sekolah

**Sehingga  
31 Disember 2023**

**Siap**  
158 (40.9%) sekolah

**Dalam Pelaksanaan**  
101 (26.2%) sekolah

**Belum Mula**  
118 (30.0%) sekolah

**Batal**  
9 (2.3%) sekolah



# KEMENTERIAN PENDIDIKAN

## PENGURUSAN NAIK TARAF DAN PEMBANGUNAN SEMULA BANGUNAN DAIF DI SEKOLAH

JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA



### Sebab Kelewatan

**01**

#### Perubahan Butiran (NOC)



- KPM ambil masa antara **179 - 774 hari** kemuka permohonan NOC kepada Kementerian Ekonomi.
- Kementerian Ekonomi ambil masa antara **10 - 132 hari** untuk meluluskannya.

**02**

#### Kelulusan Meroboh Bangunan



- KPM belum kemuka permohonan meroboh kepada KPKR bagi 22 sekolah di Sabah walaupun projek telah lulus antara **729 - 1,094 hari**.

**03**

#### Perubahan Kerja



- Setakat 31.12.2022, 19 sekolah diluluskan Perubahan Kerja.
- Projek daif di 7 sekolah diluluskan EOT antara **22 - 539 hari** disebabkan perubahan kerja tersebut.

**04**

#### Perubahan Tapak Pembinaan



- Projek daif di 4 sekolah diluluskan EOT antara **80 - 776 hari** disebabkan perubahan lokasi bangunan baharu yang dibina.

**05**

#### Kelewatan Pelaksanaan Kerja



- Kemajuan kerja di tapak bagi 37 sekolah lewat antara **0.4 - 79.6%** berbanding jadual.

### Kesan Kelewatan

- Prestasi perbelanjaan projek daif **rendah**.
  - Sejumlah **RM715.55 juta (69.7%)** dibelanjakan daripada RM1.026 billion yang diperuntukkan bagi tempoh 2019 - 2022.

- 12 bangunan/ruang di 7 sekolah yang disyorkan tidak selamat oleh JKR **masih digunakan**.
- Penempatan sementara **tidak kondusif**.




JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA



# KEMENTERIAN PENDIDIKAN

## PENGURUSAN NAIK TARAF DAN PEMBANGUNAN SEMULA BANGUNAN DAIF DI SEKOLAH

### Isu 3: 1,094 Sekolah Belum Diangkat Permohonan Projek Daif





JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA



# SYOR AUDIT



**1**

Mengangkat **lebih banyak permohonan** projek daif.

**2**

Melaksanakan **sesi libat urus** dan **memantau pelaksanaan** projek.

**3**

Menyediakan **perancangan penyuraian** murid.

**4**

Membuat **penyenggaraan secara berkala**.



# STATUS AG's DASHBOARD

Susulan oleh JAN akan dilaksanakan terhadap:

1

## Pencapaian Output

- Status pelantikan 42 kontraktor bagi projek di peringkat pra bina.
- Status penyiapan 56 projek di peringkat pembinaan.
- Tindakan memuktamadkan perolehan tanah bagi 2 sekolah yang telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Ekonomi.

2

## Pencapaian Keberhasilan

- Status permohonan KPM terhadap peruntukan tambahan untuk sewaan kabin atau pembinaan bangunan sementara bagi penyuraian murid.
- Status bagi kerja pembaikan di SK Tansau.
- Status penggantian penggunaan bangunan/ ruang di 8 sekolah yang disahkan tidak selamat/tidak kondusif.

3

## Pengurusan Projek Daif



DALAM  
TINDAKAN



3

## Pengurusan Projek Daif

- 1,094 sekolah yang belum diangkat permohonan projek daif.
- Status permohonan projek daif.
  - Status pelaksanaan projek daif.
  - Status penyelesaian hakmilik tanah.
  - Status bagi sekolah yang hanya dilaksanakan kerja penyenggaraan
  - Tindakan pemeriksaan dan syor oleh JKR.



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA



# TERIMA KASIH





KEMENTERIAN PENDIDIKAN



# MESYUARAT PROSIDING JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN KELIMA BELAS BIL 2(A) TAHUN 2024

ISU BERKAITAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2022 :  
PENGURUSAN NAIK TARAF DAN PEMBANGUNAN  
SEMULA BANGUNAN DAIF DI SEKOLAH



# KANDUNGAN PEMBENTANGAN

**01 TUJUAN**

---

**02 LATAR BELAKANG**

---

**03 STATUS PENGAUDITAN**

---

**04 ISU, ULASAN & SYOR**

---

**05 PENAMBAHBAIKAN &  
06 PEMANTAPAN PELAKSANAAN**

---

**06 HALA TUJU**

---

# **TUJUAN**

Memaklumkan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mengenai Tindakan Susulan Pegawai Pengawal Kementerian Pendidikan Malaysia Ke Atas Syor-Syor bagi Prosiding Bilangan 2A Tahun 2024 Berkaitan Laporan Ketua Audit Negara 2022:  
**PENGURUSAN NAIK TARAF DAN PEMBANGUNAN SEMULA BANGUNAN DAIF DI SEKOLAH**



# LATAR BELAKANG

**“SEKOLAH DAIF”** – sekolah yang memiliki fizikal komponen/fasiliti/bangunan yang tidak sempurna, tidak berfungsi & tidak selamat digunakan yang boleh mendatangkan ancaman berbentuk kecederaan/kecelakaan atau kehilangan nyawa manusia atau hidupan.


..Perutusan Khas Mantan PM dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 4 Mei 2016..”

..Keputusan Jemaah Menteri bertarikh 20 Februari 2019..” bagi pelaksanaan di bawah program RM1Bilion Sarawak

..Amanat YAB PM dalam Ucapan Belanjawan 2023 Malaysia MADANI pada 24 April 2023...”



## AGIHAN PELAKSANAAN PROJEK MENGIKUT NEGERI (2016-2024):



# STATUS PENGAUDITAN

## SKOP

- Tempoh Pelaksanaan: Tahun **2019 – 2022**
- **4** Agensi Pelaksana
- **398** sekolah diluluskan Projek Daif
- **205** Sekolah telah mendapat syor tidak selamat JKR tetapi belum diangkat permohonan projek,
- Persampelan di **Kedah, Perak, Sabah & Sarawak**

**3 ISU  
10 ULASAN  
4 SYOR**

1. Pencapaian Output – Status Pencapaian Projek Daif
2. Pencapaian Keberhasilan – Mewujudkan Persekutuan PdP yang Selamat & Kondusif
3. Pengurusan Sekolah Yang Belum Diangkat Permohonan Projek Daif



# ISU, ULASAN DAN SYOR

# ISU 1: Pencapaian Output


## - Status Pencapaian Projek Daif

### STATUS TERKINI


## ULASAN

1. Status pelantikan kontraktor bagi baki 42 sekolah di peringkat pra bina
2. Status siap bagi baki 56 sekolah di peringkat pembinaan
3. Tindakan memuktamadkan 2 tapak sekolah yang telah mendapat kelulusan perolehan tanah kerana tapak sekolah sedia ada tidak selamat dan tidak sesuai untuk pembangunan semula sekolah

#### 1) Status Semasa 42 Sekolah (Pra Bina)



#### 2) Status Semasa 56 Sekolah (Bina)



#### 3) TAPAK SEKOLAH TIDAK SESUAI:

##### SK Plaei DC, Kota Samarahan

- berada di tebing Sg Batang Luper, tanah mendap dan terdapat amaran serangan buaya

##### SK Ulu Kabo, Saratok

- berada di tebing Sg. Kabo, tanah mendap & kegagalan cerun

JPN Sarawak sedang mengenal pasti tapak yang bersesuaian dengan pihak Kerajaan Negeri. Lawatan tapak bersama JKPTG Sarawak dan Jabatan Tanah dan Survei (JTS) telah dilakukan pada 01 Nov. 2023

# ISU 1: Pencapaian Output

## - Status Pencapaian Projek Daif



### SYOR AUDIT (1)

Pelaksanaan projek perlu dipantau dengan rapi supaya projek daif dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.



#### PEMANTAUAN PROJEK SECARA BERKALA MELALUI:

- Pelaporan di Majlis Tindakan Pembangunan Negara / Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian/ Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian
- Mesyuarat bulanan bersama pihak JKR Malaysia, JKR Sabah dan JKR Sarawak
- Laporan prestasi mingguan inisiatif Bitara MADANI kepada Pejabat KSN
- Pelaporan status pelaksanaan di *Dashboard* Daif
- Melaksanakan Lawatan *Health Check* dan Intervensi projek bersama pihak ICU

# ISU 1: Pencapaian Output

## - Status Pencapaian Projek Daif



### SYOR AUDIT (2)

Melaksanakan sesi libat urus dengan semua pihak yang terlibat supaya keperluan setiap agensi berkenaan dapat diselaraskan dan pembangunan sekolah menepati keperluan pengguna.

Pelaksanaan SESI LIBAT URUS bersama pihak berkepentingan dan agensi teknikal berkaitan:

- Prosedur Kelulusan Notis Perubahan (NOC) bersama Kementerian Ekonomi
- Prosedur Kelulusan Syor Roboh
- Urusan Rundingan Seksyen 20A Akta 172 bersama PLANMalaysia
- Semakan Keperluan Teknikal melibatkan PBT, BOMBA, TNB, SPAN dan agensi teknikal yang lain
- Bengkel Strategi Memperkasa Pembinaan Semula Bangunan Daif Di Sekolah Di Sarawak & Sabah
- Pelaksanaan penambah baikan proses perolehan bersama Kementerian Kewangan

# ULASAN


1. Status tender bagi kerja pembaikan bangunan kayu di SK Tansau

## ISU 2: Pencapaian Keberhasilan – Mewujudkan Persekutaran PdP yang Selamat dan Kondusif

### STATUS TERKINI

- 1) SK Tansau, Sabah – Kontraktor bagi kerja penyenggaraan telah dilantik dan kerja telah disiapkan

Kontraktor	Ezra Kontraktor
Skop Kerja	Kerja-kerja penyelenggaraan 3 blok bilik darjah bagi SK Tansau
Kos Kontrak	RM232,508.50
Tarikh SST	21 Jun 2023
Tarikh Siap	04 Sept 2023



# ULASAN

2. Tindakan alternatif dilakukan oleh 6 sekolah di Sabah dan 2 sekolah di Sarawak terhadap penggantian penggunaan bangunan yang disahkan tidak selamat oleh JKR dengan peruntukan yang telah disalurkan oleh JPN



## ISU 2: Pencapaian Keberhasilan – Mewujudkan Persekutaran PdP yang Selamat dan Kondusif

### STATUS TERKINI

#### 2) 6 Sekolah di Sabah & 2 Sekolah di Sarawak

2 Sekolah telah disurai ke Bangunan Siap – SK Penghulu Imban, Sarawak & SK Sungoi, Sabah

2 Sekolah telah siap kerja penyenggaraan di bangunan sementara yang digunakan untuk penyuraian – SK Binsulok & SK Buit Hill, Sabah

2 Sekolah dilakukan penyuraian secara berfasa mengikut kemajuan projek – SK Gayang, SK Pekan Kimanis, Sabah

2 Sekolah akan dilakukan penyenggaraan pada tahun 2024  
– SK Ng Tada, Sarawak dan SK Pomotodon, Sabah



## SYOR AUDIT (3)

Melaksanakan penyenggaraan secara berkala bagi memastikan bangunan sekolah sentiasa berada dalam keadaan selamat dan kondusif.



## ISU 2: Pencapaian Keberhasilan – Mewujudkan Persekutaran PdP yang Selamat dan Kondusif

Pada tahun 2023, KPM telah menyalurkan RM1.892 billion semua sekolah di seluruh negara telah diperuntukkan kos penyenggaraan.

Khusus kepada JPN Sabah sebanyak RM 110.45 juta dan RM101.3 juta kepada JPN Sarawak untuk menyenggara dan memanjangkan tempoh hayat bangunan melalui peruntukan penyelenggaraan Tahun 2023.

Keutamaan bagi pelaksanaan kerja penyenggaraan adalah kepada bangunan yang berada dalam Skala 5 dan 6.

# ISU 3: Pengurusan Sekolah Yang Belum Diangkat

## Permohonan Projek Daif

### ULASAN

19 sekolah diangkat dalam pelaksanaan RMKe-12 RP4 Tahun 2024

9 sekolah dilaksanakan kerja penyenggaraan kerana bangunan/kemudahan tidak berada dalam keadaan daif

73 sekolah diangkat untuk kelulusan pada RMKe-12 RP5 Tahun 2025

73 Sekolah Belum Diangkat Kerana isu hakmilik tanah dan saiz tanah sekolah kecil

153 sekolah masih dalam proses pemeriksaan JKR

### STATUS TERKINI

1

19 Sekolah yang diangkat untuk pelaksanaan RMKe-12 RP4 Tahun 2024 telah DILULUSKAN

2

Status Penyenggaraan 9 Sekolah - 2 telah siap, 1 telah dibuat lantikan kontraktor, 6 akan dilaksanakan penyenggaraan

3

29 Projek memenuhi kriteria untuk diangkat. 45 Projek akan diangkat secara berfasa dalam RP seterusnya apabila telah memenuhi kriteria

4

16 sekolah selesai isu hakmilik PTP dan KMT, 48 sekolah sedang diselesaikan hakmilik dan 9 sekolah tidak memenuhi keluasan minima sekolah

5

48 telah selesai pemeriksaan, 105 dalam tindakan pemeriksaan JKR

# ISU 3: Pengurusan Sekolah Yang Belum Diangkat Permohonan Projek Daif



## SYOR AUDIT (4)

KPM mengangkat lebih banyak permohonan projek kepada pihak Kementerian Ekonomi untuk kelulusan. KPM menyediakan perancangan penyuraian murid bagi sekolah yang dikenal pasti mempunyai bangunan daif supaya PdP dapat dilaksanakan dalam keadaan yang selamat dan kondusif.

Bilangan permohonan bagi Projek Daif dalam RP:

TAHUN	BIL PERMOHONAN	BIL KELULUSAN
RMKe-12 RP1 (2021)	50	50
RMKe-12 RP2 (2022)	60	42
RMKe-12 RP3 (2023)	85	85
RMKe-12 RP4 (2024)	72	72


**Penyenggaraan** bagi sekolah yang telah diperiksa oleh JKR tetapi masih belum diluluskan projek akan **diberikan keutamaan** bagi memanjangkan jangka hayat bangunan dan kefungsiannya.

Bagi memastikan pelaksanaan projek tidak menjaskan pelaksanaan PdP, permohonan KPM kepada Kementerian Ekonomi bagi RMKe-12 RP4 Tahun 2024 telah diluluskan **skop penyuraian murid** dengan penyewaan kabin atau pembinaan bangunan sementara.



# PENAMBAHBAIKAN DAN PEMANTAPAN PELAKSANAAN

## TRANSFORMASI PROSEDUR PELAKSANAAN PROJEK




- Penambahbaikan proses perolehan
- Mengemaskini Kaedah Syor Roboh
- Penurunan kuasa NOC Agihan Siling kepada KSU
- Penambahbaikan Urusan Rundingan 20A Akta 172 dalam permohonan pemajuan projek

## PENUBUHAN *TASK-FORCE*



- Pasukan Petugas Khas Reformasi Sektor Awam (STAR) memperkasa pelaksanaan melalui Projek Rintis.
